USTAZ ASHAARI MUHAMMAD

Buat mereka yang sudah tidak tahu berlaku adil,
dan mereka yang tertipu dengan keadilan palsu
serta tidak tahu
erti keadilan
sebenar;
sekaligus
memberi
jawapan
kepada
isu
semasa

كعاديلن
منوروت إسلام

KEADILAN
MENURUT ISLAM

Disusun oleh Ustazah Khadijah Aam



KEADILAN
MENURUT **ISLAM**

USTAZ ASHAARI
MUHAMMAD

KEADILAN
MENURUT ISLAM

ASOIB INTERNATIONAL LIMITED
LONDON • KUALA LUMPUR
1993

KEADILAN MENURUT ISLAM
Cetakan Pertama April 1993

Diterbitkan oleh Penerbitan Hikmah
161-A. Jln. Aminuddin Baki, Taman Tun Dr Ismail, 60000 Kuala Lumpur
Dengan izin
ASOIB INTERNATIONAL LIMITED
Suite'l, 281 City Road, London EClV ILA

Rekabentuk kulit dan layout oleh
Unit Rekabentuk, Bahagian Pengeluaran Minda Syeikhul Arqam,
Kuala Lumpur

Muka taip teks: Times Roman, I l/12 pt

Dicetak oleh
Percetakan Jaya Sdn Bhd
Kuala Lumpur.

ISBN 983-810-002-1

Bingkisan

Atas permintaan yang bertalu-talu dari umat Islam di Malaysia, maka kutulis buku ini untuk menjawab permasalahan yang terjadi antara Raja-Raja dan orang-orang politik di negara tempat lahir yang tercinta.

Mungkin tulisan ini hanya mampu menjawab secara tidak langsung saja kerana sebenamya persoalan ini adalah hasil buah yang cacat, yang terbit dari satu pokok yang tidak sihat. akarnya yang jadi punca masalah. Maka tidak mungkin ia dapat dibaiki dengan mudah dalam masa yang pendek ini. Kita kena kaji 'katalog' asal sebagai panduan untuk membaikinya.

Sehelai baju yang tak selesa dipakai itu biasanya dibuat oleh seorang yang tidak pakar. Menyelesaikan masalah ini ialah mengajar si. tukang jahit tersebut dengan ilmu membuat baju yang tepat.

بسم الله الرحمن الرحيم

قُلِ ٱللَّهُمَّ مَٰلِكَ ٱلْمُلْكِ تُؤْتِي ٱلْمُلْكَ مَن تَشَآءُ وَتَنزِعُ ٱلْمُلْكَ
مِمَّن تَشَآءُ وَتُعِزُّ مَن تَشَآءُ وَتُذِلُّ مَن تَشَآءُ بِيَدِكَ ٱلْخَيْرُ
إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

Katakanlah: Wahai Tuhan yang mempunyai kerajaan, Engkau berikan kerajaan pada orang yang Engkau kehendaki dan Engkau cabut kerajaan dari orang yang Engkau kehendaki. Engkau muliakan orang yang Engkau kehendaki. Dan Engkau hinakan orang yang Engkau kehendaki. Di tangan Engkau-lah segala kebajikan. Sesungguhnya Engkau Maha Kuasa atas segala sesuatu.

(Ali Imran: 26)

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ كُونُوا۟ قَوَّٰمِينَ لِلَّهِ شُهَدَآءَ بِٱلْقِسْطِ
وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَـَٔانُ قَوْمٍ عَلَىٰٓ أَلَّا تَعْدِلُوا۟ ٱعْدِلُوا۟
هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ إِنَّ ٱللَّهَ
خَبِيرٌۢ بِمَا تَعْمَلُونَ

Hai orang-orang yang beriman; jadilah kamu pendokong kebenaran kerana ALLAH, juga menjadi saksi dengan penuh keadilan. Dan janganlah kebenclan kamu kepada sesuatu kaum menyebabkan kamu tidak berlaku adil. Berlaku adillah, kerana adil itu lebih dekat untuk mencapai taqwa. Dan bertaqwalah kepada Tuhan, sesungguhnya ALLAH itu maha mengetahui apa yang kamu kerjakan.

(Al ,Maidah: 8)

Kandungan

Dari Penerbit

SYEIKHUL ARQAM mempunyai tafsiran tersendiri tentang koxisep keadilan. Beliau juga punya jawapan bagaimana dan di tangan siapa keadilan dapat ditegakkan. Buku ini penuh dengan tafsiran-tafsiran dan huraian-huraian terbaru untuk panduan menyuluh isu semasa dan panduan bertindak dengan tepat sesuai dengan kehendak Al Quran dan Hadis.

Beliau membawa pembaca menyuluh diri, keluarga, jema-ah, masyarakat dan negara; apakah sudah tertegak keadilan yang sering dilaung-laungkan dan dislogan-slogankan. Beliau membetulkan tanggapan-tanggapan salah tentang erti keadil-an yang sekian lama mengheret umat manusia ke kancah ktisis dan ke gaung kehancuran. Beliau membuka skop yang luas bagi definisi keadilan, yang telah dipersempitkan oleh kejahilan dan nafsu-nafsu tamak, sombong, mementingkan diri, angkuh, pemarah dan lain-lain sifat keji.

Beliau menghurai dengan menyertakan hujah-hujah rasio-nal lagi ilmiah, di samping nas-nas Al Quran dan Hadis. Huraian beliau mudah, jelas, berani, bemas dan selari dengan kehendak Al Quran dan Sunnah, bahkan sesuai dengan fitrah setiap manusia. Ini menyerlahkan sifat dan peribadi beliau

selaku pejuang agama, ulama, pemimpin, mursyid, penulis, ahli politik Islam dan pengkaji masyarakat yang berwibawa, tajam akal dan teguh pendirian.

Buah-buah fikiran beliau sentiasa segar kerana ia tidak dicedok dari mana-mana. Minda beliau adalah tersendiri dan mempunyai ruang lingkup yang cukup luas meliputi segenap aspek hidup, dari persoalan diri hingga alam sejagat, persoalan dunia dan Akhirat. Segala-gala yang lahir dari minda beliau memperlihatkan pembaharuan yang melawan arus pemikiran ulama-ulama, pemimpin-pemimpin dan pejuang-pejuang Islam sezaman. Beliau menghidupkan semula Al Quran dan Sunnah sesuai dengan keperluan, kepentingan dan tuntutan zaman ini. Minda beliau mudah difahami, dihayati, dilaksanakan dan diperjuangkan.

Membaca tulisan-tulisan beliau membuatkan kita terasa lojiknya hujah-hujah beliau yang kita tidak pemah terfikir. Terasa betapa indahnya Islam kerana mempunyai jawapan bagi setiap persoalan hidup. Terasa juga Maha Adilnya ALLAH dalam mengatur kehidupan hamba-hamba-Nya.

Sebutir manikam yang berharga hanya dapat diketahui dengan tepat nilainya oleh jauhari. Demikianlah minda Ustaz Ashaari Muhammad, ia hanya dapat dihargai dan dimanfaatkan oleh orang yang tahu ketinggian nilainya untuk panduan keselamatan di dunia dan di Akhirat. Minda beliau adalah ilham langsung dari ALLAH, bukan hasil perahan fikiran atau hasil *mental exercise.* Oleh itu untuk memahami dan menghayatinya, mestilah dengan fikiran terbuka dan dada yang lapang. Mesti sanggup menerima kebenaran walaupun pahit. Ia untuk orang yang hatinya inginkan petunjuk dari ALLAH, yang tidak menaruh prasangka terhadap kebenaran dan pembawanya.

Pembaharuan yang dibawa oleh Ustaz Ashaari bukan hanya di sudut fikrah atau teori, malah lebih dari itu di sudut amali atau tindakan. Beliau lakukan dahulu apa yang beliau hendak sarankan agar orang lain lakukan. Pada dirinya terserlah sifat-sifat terpuji yang beliau sarankan perlu dimiliki

oleh setiap individu Muslim, khususnya ulama dan pemimpin.

Ustaz' Ashaari tidak menunjuk secara khusus siapakah orangnya yang dapat diharapkan menegakkan keadilan dan menyelamatkan negara serta dunia dari pecah-belah dan krisis yang dicetuskan oleh kalangan pemimpin. Namun membaca buku ini, pembaca akan mengetahui sifat-sifat dan ciri-ciri pemimpin yang diperlukan oleh negara dan dunia kini. Pembaca juga mendapat panduan bagaimana menegakkan keadilan dalam diri dan keluarga, sebelum mengharap keadilan itu tertegak di dalam jemaah, masyarakat, negara dan alam sejagat. Buku ini adalah untuk semua rakyat jelata dan pemerintah, golongan bawahan dan atasan, orang awam dan ulama.

Prakata

الحمد لله نحمده ونستعينه ونستغفره ونعوذ بالله من شرور أنفسنا ومن
سيئات أعمالنا من يهده الله فلا مضل له ومن يضلله فلا هادي له
والصلاة والسلام على رسول الله وعلى آله وصحبه ومن تبعه ووالاه

YA ALLAH Tuhan Yang Maha Adil, yang memperlakukan makhluk-makhluk-Nya dengan seadil-adilnya di dunia dan di Akhirat. Tuhan yang menghukum hamba-hamba-Nya atas dasar keadilan-Nya yang mutlak. Dia yang menurunkan **satu** undang-undang atau sistem yang cukup adil, yang sesuai untuk keselamatan dunia Akhirat.

Ya Rasulullah, pemimpin yang sangat adil terhadap pengikut dan rakyatnya. Guru yang cukup adil kepaaa murid-muridnya. Sahabat yang sangat mengadili Sahabat-Sahabatnya. Ketua yang paling adil terhadap orang-orang bawahannya. Suami yang amat adil ke atas isteri-isterinya dan ayah yang maha adil kepada anak-anaknya. Dialah manusia yang layak menjadi model untuk mentafsirkan erti keadilan yang tepat dan hakiki, untuk hidup duniawi dan Ukhrawi.

Dan wahai sekalian salafussoleh, manusia-manusia yang telah membentuk sebuah masyarakat paling adil, yang per-

dengan krisis-krisis sosial, ekonomi, moral, politik dan lain-lain lagi, di desa-desa yang sering huru-hara, di rumahtangga-rumahtangga yang tidak stabil perjalanannya bahkan di pusat-pusat pengajian dan pendidikan yang tidak terkawal lagi disiplinnya guru krisis dengan guru, murid dengan murid, dan guru dengan murid pun turut terjadi.

Demikianlah kroniknya masalah manusia ini yang kian hari kian menjadi-jadi. Hampir semua pihak tertanya-tanyakan erti keadilan dan ketidakadilan yang sebenamya. Pihak yang menzalim merasa sikapnya patut, manakala pihak yang dizalimi merasakan ianya tidak patut. Lalu keadilan dan ketidakadilan itu apa sebenarnya? Dan bagaimana caranya untuk mendapatkan keadilan dan menolak penzaliman?

Persoalan ini kelihatan lebih menonjol di negara kita Malaysia sejak akhir-akhir ini. Yakni bila, dengan tiba-tiba tercetus satu krisis besar-besaran yang tidak terbendungkan lagi antara dua pihak yang berkuasa di Malaysia. Negara yang dikatakan begitu makmur dan aman damai selama ini, tiba-tiba saja mengalami satu masalah besar yang beritanya tersebar ke merata dunia. Dan dengan tidak malu-malunya pihak terlibat terus menyalakan api permusuhan yang menjadi-jadi. Maruah negara dan rakyat tidak mampu dipertahankan lagi bilamana masing-masing sudah tidak tahu mengawal emosi dan kepentingan puak. Orang ramai diminta menjadi pengadil sekaligus dialatkan untuk masing-masing memuaskan dan menjayakan cita-cita tersirat masing-masing.

Keadilan dan ketidakadilan dijadikan tema atau moto kepada polemik dan krisis oleh pemimpin-pemimpin dan ketua-ketua negara ini. Setiap pihak mengatakan mereka benar dan adil. Lalu menuduh pihak lawan tidak benar dan tidak adil.

Mereka mentafsirkan keadilan itu menurut kemahuan semasa mereka. Sedangkan di masa lain, tafsiran itu diubah pula. Disesuaikan dengan keperluan mereka di waktu itu. Demikianlah setiap orang menyatakan keadilan berdasarkan emosi dan kepentingan mereka tanpa mengambil kira kepentingan orang lain. Sehingga yang adil pada seseorang diang-

jalanan sistem hidup mereka penuh keadilan, kepuasan, kasih sayang, kebahagiaan dan kejayaan duniawi dan Ukhrawi.

Kini, dunia sedang meronta-ronta, menjerit-jerit dan amat mengharapkan **satu** keadilan. Hampir setiap orang penduduk dunia pemah terasa ketidakadilan manusia lain kepadanya. Manusia mahukan keadilan dan meminta agar mereka diadili. Mereka mahu mereka diperlakukan dengan adil. Masing-masing inginkan keadilan itu terlaksana di dalam kehidupan mereka.

Demikianlah bahawa setiap orang, Islam atau yang bukan Islam, dilahirkan bersama fitrah yang cintakan keadilan. Ketidakadilan atau penzaliman adalah sesuatu yang jijik dan dibenci serta dimusuhi oleh setiap hati manusia. Sedangkan manusia di dunia hari ini memperlakukan manusia lain dengan segala penzaliman, tekanan, penindasan, kekejaman, pembohongan dan ketidakadilan, secara langsung atau tidak langsung, dirancang ataupun tidak dirancang.

Ilmu undang-undang tentang kehidupan manusia serta ideologi yang dipakai di seluruh dunia kini telah membuatkan setiap manusia terasa dizalimi oleh orang lain, lalu masing-masing meminta keadilan. Manusia merindui keadilan yang hakiki. Keluhan-keluhan berikut ini adalah tafsiran kepada hajat-hajat murni yang sedang meronta-ronta di dalam setiap hati:

"Boss pejabat saya tak adillah!"

"Suami aku kejam betul!"

"Guru besar di sekolah saya selalu bersikap diskriminasi!"

"Oh! kalau begitu tak adillah, kita kena berlaku adil."

"Kerajaan kita tidak adillah!"

"Orang-orang politik tu payah nak percaya!"

Dan macam-macam lagilah suara-suara yang sering didengari menggambarkan tidak puashati masyarakat manusia kini terhadap ketidakadilan yang mereka rasakan atau yang menimpa mereka. Di mana-mana saja di seluruh pelusuk dan ruang yang ada manusia, pasti ada rungutan-rungutan dan kesalan-kesalan itu kedengaran; di dalam negara yang penuh

gap tidak adil oleh orang lain. Bertembung, berlaga, bersimpang-siur, kucar-kacir dan huru-haralah suasana akibat sikap-sikap manusia yang katanya mahukan keadilan dan. menentang penzaliman ini. Hingga saat ini, tidak kelihatan titik pertemuan pada krisis yang memalukan ini.

Islam sebagai agama yang paling sempurna cara dan sistern hidup pasti dapat memberi jawapan kepada masalah besar ini. Orang Islam yang bertaqwa wajib tahu bagaimana menyelesaikan kekusutan ini dan menegakkan keadilan hakiki. Dan kebenaran yang diperjuangkan itu pasti mendapat pertolongan ALLAH di saat segala keupayaan lain sudah lemah untuk menangani krisis berat ini.

Saya si hamba yang dhaif ini moga-moga diizinkan ALLAH untuk terlibat dalam perihal ini, untuk mewakili Islam (menurut tafsiran saya), memperkatakan keadilan dan ketidakadilan menurut ALLAH dan Rasul atau menurut Al Quran dan Sunnah.

Bahawa sesudah terbukti segala undang-undang ciptaan manusia ini gagal dalam perlaksanaannya, sekalipun sering diubah-ubah bila dirasa merugikan, sepatutnya manusia sudah mahu mengakui kelemahan diri. Lalu sudi untuk kembali merujuk kepada ALLAH. ALLAH yang Dia-lah mencipta manusia. Mencipta segala-gala isi dunia, langit dan bumi. Dia-lah yang memasukkan akal dan jiwa ke dalam jasad manusia itu. Dia-lah yang membuatkan akal itu dapat berfiiir dan jiwa itu dapat merasa. Dia jugalah yang memaksa akal dan hati untuk mencintai keadilan. Lalu Dia pun menurunkan Al Quran untuk mengajar erti keadilan yang sebenar-benarnya dan perlaksanaan keadilan yang tepat dalam kehidupan supaya setiap jiwa terasa diadili dan dilindungi dari kezaliman.

Dalam buku ini saya ingin memberitahu rakyat Malaysia, khususnya pihak yang sedang mempcrjuangkan nasib mereka dari tekanan orang yang pemah menjadi kawan karib mereka, yang pemah memperuntukkan satu peraturan di dalam perlembagaan akan hak-hak istimewa mereka, tentang erti keadilan dan ketidakadilan yang sebenamya. Moga-moga penjelas-

an ini upaya membuatkan umat Islam nampak kebenaran dan keadilan. Dan bersedialah untuk tunduk kepadanya, kepada ALLAH dan Rasul-Nya. Kerana hanya inilah altematif terakhir untuk menegak keadilan. Jika tidak, kita akan berhadapan dengan Neraka dunia dan Akhirat.

Moga-moga ALLAH izinkan saya dan semua umat Islam di Malaysia, serta yang bukan Islam juga untuk mampu menerima kebenaran itu. Moga-moga dengan itu kita semua selamat di dunia dan Akhirat.

Izinkanlah, ya ALLAH, doa-doa suci kami ini. Terimalah usaha kecil ini sebagai ibadah tulus untuk-Mu, buat mengisi hidup yang masih diperpanjangkan lagi ini. Kiranya ianya bemilai di sisi-Mu, maka pohonlah dihitung sebagai hadiahku pada manusia kekasihku yang sangat banyak jasanya padaku; ibu bapaku, guru-guruku, penjaga-penjagaku, khususnya syeikh tareqatku, Syeikh Muhammad bin Abdullah As Suhaimi rahimahullahutaala.

Amin ya ALLAH!

Abdul muznib,

ASHAARI MUHAMMAD

Muqaddimah

بسم الله الرحمن الرحيم

ALLAH SWT berfirman:

إِنَّ ٱللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَن تُؤَدُّوا۟ ٱلْأَمَـٰنَـٰتِ إِلَىٰٓ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُم بَيْنَ ٱلنَّاسِ أَن تَحْكُمُوا۟ بِٱلْعَدْلِ

Sesungguhnya ALLAH menyuruh kamu meletakkan amanah kepada mereka yang sepatutnya. Dan bila kamu menghukum di kalangan manusia, menghukum-lah dengan adil.

(An Nisa': 58)

ٱعْدِلُوا۟ هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ

Berlaku adillah kamu. Sesungguhnya ia lebih hampir untuk mencapai kepada taqwa.

(Al Maidah: 8)

Rasulullah SAW bersabda:

سَبْعَةٌ يُظِلُّهُمُ اللهُ فِيْ ظِلِّهِ يَوْمَ لاَظِلَّ إِلاَّ ظِلُّهُ:
اَلاِمَامُ الْعَادِلُ، وَشَابٌّ نَشَأَ فِىْ عِبَادَةِ رَبِّهِ، وَرَجُلُ

قَلْبُهُ مُعَلَّقٌ بِالْمَسَاجِدِ، وَرَجُلاَنِ تَحَابَّا فِى اللهِ؛
اجْتَمَعَا عَلَيْهِ، وَتَفَرَّقَا عَلَيْهِ، وَرَجُلٌ طَلَبَتْهُ امْرَأَةٌ
ذَاتُ مُنْصِبٍ وَجَمَالٍ، فَقَالَ إِنِّي أَخَافُ اللهَ رَبَّ
العَالَمِيْنَ، وَرَجُلٌ تَصَدَّقَ بِصَدَقَةٍ أَخْفَى حَتَّى لاَ
تَعْلَمُ شِمَالُهُ مَاذَا تُنْفِقُ يَمِيْنُهُ، وَرَجُلٌ ذَكَرَ اللهَ
عَزَّوَجَلَّ خَالِيًا فَفَاضَتْ عَيْنَاهُ.

Ada tujuh golongan yang ALLAH memberi perlindungan-Nya di hari yang tiada perlindungan selain perlindungan-Nya. Mereka ialah pemimpin yang adil, pemuda yang sentiasa beribadah untuk Tuhannya, lelaki yang hatinya berpaut dengan masjid, dua orang lelaki yang saling bercintaan kerana ALLAH, mereka bertemu dan berpisah pun kerana-Nya. Dan seorang lelaki yang digoda oleh perempuan yang ada kedudukan dan kecantikan, lalu dia berkata, "Aku takut kepada ALLAH Tuhan sekalian alam." Dan lelaki yang bersedekah (berderma) secara sembunyi sehingga tangan kirinya tidak mengetahui apa yang dibelanjakan oleh tangan kanannya, dan lelaki yang mengingati ALLAH sewaktu sunyi, lalu mengalir air matanya.

(Riwayat Al Bukhari)

Dalam sabda Rasulullah yang lain:

عَدْلُ سَاعَةٍ خَيْرٌ مِنْ عِبَادَةِ سِتِّيْنَ سَنَةٍ

Keadilan sesaat (bagi seorang pemimpin) lebih baik dari beribadah selama 60 tahun.

Demikian betapa jelasnya Islam memerintahkan manusia supaya berlaku adil. Keadilan adalah satu sifat terpuji (mahmudah) yang sangat dituntut. Sebaliknya, zalim yakni tidak

adil adalah sifat jahat (mazmumah) yang sangat keji dan dibenci. Oleh itu setiap orang dari kalangan umat Islam mestilah bersungguh-sungguh bermujahadah untuk mendapatkan sifat adil ini. Supaya walau di mana pun kita berada atau bekerja, kita dapat bertindak dengan adil.

Adil dalam memimpin, kalau kita seorang pemimpin, seperti raja, khalifah, perdana menteri, presiden, gabenor dan pemimpin jemaah. Adil dalam berpolitik kalau kita orang politik. Adil dalam berpendidikan, bila kita mengendalikan tugas-tugas pengajian dan pendidikan. Adil dalam perhubungan kalau kita ditugaskan sebagai pegawai perhubungan. Adil dalam masalah sosial kalau kita dipertanggungjawabkan dalam hal-ha1 kebajikan sosial. Adil dalam pertanian, kalau kita seorang petani. Adil dalam hukuman atau perundangan sewaktu berurusan dalam perkara-perkara tersebut. Adil dalam pekerjaan sewaktu kita bekerja dan lain-lain lagi.

Keadilan yang sangat diutamakan ialah dalam urusan memimpin sama ada oleh pemimpin besar atau pemimpin kecil, pemimpin umum atau pemimpin di bidang-bidang tertentu, pemimpin negara atau pemimpin negeri atau pemimpin kawasan dan lain-lain lagi.

Pemimpin yang adil akan diterima oleh fitrah semua manusia sekalipun orang bukan Islam. Kerana inginkan keadilan adalah fitrah setiap jiwa. Kerana itu pemimpin yang adil akan disanjung, disayang, ditaati dan dipercayai. Kepimpinannya diterima baik oleh rakyat. Kerana itulah dalam Islam seorang pemimpin yang adil disukai rakyat. Wajib baginya memerintah seumur hidup (sampai mati) kecuali kalau didapati ia sudah tidak mampu untuk berlaku adil atau uzur syar’i, maka wajiblah ia menarik diri untuk diganti oleh orang lain.

Ertinya, dalam ajaran Islam, orang yang adil saja yang boleh memerintah sama ada sebagai raja, khalifah, perdana menteri, presiden, gabenor, hakim, wali nikah, saksi-saksi dan lain-lain lagi. Jika orang itu tidak adil, tidak boleh mereka itu menjadi pemimpin atau memegang lain-lain tugas seperti yang disenaraikan.

Mengapa sifat adil ini begitu penting dalam kepimpinan menurut Islam? Kerana di sanalah letaknya nasib baik masyarakat yang dipimpinnya. Pemimpin yang tidak adil akan merosakkan kehidupan masyarakat, hingga dengan itu akan menimbulkan perasaan tidak puas hati pada rakyat. Dar-i sana nanti mereka akan berkrisis, hilang kasih sayang, timbul hasad dengki, dendam-mendendam, jatuh-menjatuhkan dan sebagainya.

Realiti ini dapat kita saksikan di saat ini dalam masyarakat yang tidak menjalankan keadilan secara syumul dalam semua bidang kehidupan, maka penzalimanlah yang bermaharajalela. Tetapi aneh sekali, dalam bermaharajalelanya ketidakadilan yang bukan rahsia lagi ini, para pemimpinnya tetap mahu menyatakan merekalah adil, sekalipun sudah didedahkan oleh kawan-kawan mereka sendiri perihal zalimnya mereka itu.

Temyata bahawa erti zalim dan adil itu sudah diterbalikkan. Yang zalim dikatakan adil, yang adil dikatakan zalim. Pembohongan kepada kebenaran sudah hampir-hampir corn-*plete* jadinya. Maka akibatnya pun sudah begitu total dan memuncak. Kesakitan yang sedang terasa oleh banyak pihak sekarang ini adalah bentuk-bentuk neraka dunia yang mereka ciptakan sendiri. Yang mereka tidak sanggup untuk menanggungnya,. ‘apalagi terhadap Neraka di Akhirat.

Maka sudah sepatutnya kita umat Islam menilai kembali erti keadilan itu. Istilah samarata dart samarasa yang diertikan kepada perkataan adil itu atau pengertian adil yang dikaitkan dengan hukuman yang saksama kepada pesalah sepadan dengan kesalahan yang dibuat, temyata gagal sama sekali dalam perlaksanaannya. Kegagalan itu sampai membuatkan kawan berkrisis dan berperang dengan kawannya sendiri. Mereka sama-sama menyeksa diri mereka, berpunca dari kejahilan sesama mereka tentang erti kebenaran dan keadilan yang sebenar.

Rujukan kita yang tepat kepada masalah ini ialah ALLAH dan Rasul. Yang kepada-Nya kita selalu menadah tangan,

berbisik memohon pertolongan-Nya. Dia yang telah mewahyukan Al Quran dan Hadis, yang kitab itu saat ini tersimpan kemas dalam almari-almari di rumah kita.

Dalam Al Quran jelas sekali perintah-perintah yang menyuruh manusia berlaku adil. Tetapi ke arah perlaksanaan hukum adil itu, ALLAH mengajar kita untuk sering bertaubat kepada-Nya. Taubat yang paling agung adalah ucapan penyesalan Nabi Yunus ketika beliau ditelan oleh ikan Nun. Al Quran ada merakamkan ayat itu:

لَّآ إِلَـٰهَ إِلَّآ أَنتَ سُبْحَـٰنَكَ إِنِّى كُنتُ مِنَ ٱلظَّـٰلِمِينَ

Tiada Tuhan melainkan Engkau. Maha Suci Engkau sesungguhnya aku tergolong dari orang yang zalim.
(Al Anbia': 87)

Rasulullah SAW, Nabi kita itu, sekalipun maasum sifatnya, tetapi sehari semalam 70 kali baginda beristighfar. Hikmahnya, supaya umatnya tidak lupakan amalan yang penting ini. Amalan yang menjadi kunci kepada sifat adil itu. Yakni apabila seseorang selalu merasa berdosa, zalim dan tidak adil, maka rasa itulah yang mendorong agar ia berusaha untuk berbuat baik dan adil. Sebaliknya, siapa yang selalu *confident* yang dirinya sudah baik, maka bermulalah sifat bangga, sombong, kejam dan zalim itu.

Demikianlah pandangan Islam tentang cara-cara untuk menjadikan seseorang itu betul-betul adil. Adil dalam seluruh langkah dan ruang hidup. Keadilan secara syumul, bukan serpihan.

BAB SATU

Salah Faham Tentang Definisi Adil

إِنَّ ٱللَّهَ يَأْمُرُ بِٱلْعَدْلِ وَٱلْإِحْسَـٰنِ وَإِيتَآىِٕ ذِى ٱلْقُرْبَىٰ
وَيَنْهَىٰ عَنِ ٱلْفَحْشَآءِ وَٱلْمُنكَرِ وَٱلْبَغْىِ ۚ يَعِظُكُمْ
لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

Sesungguhnya ALLAH memerintahkan kamu berlaku adil dan berbuat kebaikan dan beri perhatian kepada kaum kerabat, dan DIA juga melarang dari perbuatan keji dan mungkar dan permusuhan. Demikian DIA mengajar kamu moga-moga kamu mengambil perhatian.

(An Nahl: 90)

MEREKA yang menganut ideologi sosialisme mengatakan adil itu ialah samarata dan samarasa. Adil juga dikaitkan dengan ketepatan menjatuhkan hukuman kepada pesalah sepadan dengan kesalahannya. Fahaman ini kerana agak sedap bunyi pada lahirnya, maka ia telah diterima dan disetujui oleh umum umat Islam, yang kononnya menganut agama Islam.

Dengan itu umat Islam hari ini pun mengukur keadilan dan ketidakadilan atas dasar samarata dan samarasa itu dan sebaliknya. Mereka seolah-olah mahukan setiap orang memperolehi apa juga yang orang lain dapat dan tidak dapat. Atau mereka mahukan manusia ini sama saja, jangan dibeza-bezakan. Seolah-olah akan tidak bahagialah seseorang kiranya ia

tidak mencapai sesuatu yang dicapai oleh orang lain sebagai sebab kebahagiaan orang itu.

Lantaran demikian itu, maka umat Islam pernah. impikan sebuah kerajaan yang rakyatnya betul-betul disamaratakan, tiada beza satu sama lain dan tidak lebih dan tidak kurang. Inilah yang dilaung-laungkan oleh orang sosialis, komunis dan juga umat Islam yang sudah tidak ada panduan.

Untuk menilai tepat atau tidaknya ideologi ini, maxi kita kaji beberapa ha1 mengikut kehendak mereka. Di antaranya:

1. Dalam sesebuah negara, kenderaan yang dipakai oleh semua orang mesti sama. Kalau kereta, semua pakai kereta. Kalau basikal, semua pakai basikal. Bolehkah ini berlaku? Keadilan beginikah yang diinginkan?

2. Gaji hendaklah diberi sama banyak. Kalau gaji besar, semua kena gaji besar. Kalau gaji kecil, semua gaji kecil. Tidak dibeza-beza dan jangan lebih kurang, supaya semua orang dapat peruntukan hidup yang sama. Gaji menteri mesti sama dengan gaji pemandunya. Gaji doktor sama dengan gaji bidan, demikianlah seterusnya.

3. Jawatan juga supaya tidak ada rendah dan tinggi, pun disamakan atau digilir-gilirkan. Semua penduduk kampung dilantik jadi penghulu dengan menggilirkan seminggu seorang. Semua kakitangan pejabat digilirkan untuk jadi bos pejabat. Supaya semua disamarata dan samarasa. Tidak patut kalau lebih kurang dengan yang satu tinggi, yang lain rendah. Tidak adil namanya.

Begitulah juga di sekolah, di hospital dan lain-lain tempat, semua orang disamaratakan kedudukannya. Semua jadi guru besar atau semua jadi guru kecil. Semua jadi doktor atau semua jadi jururawat. Semua jadi raja atau semua jadi rakyat. Itulah keadilan bila setiap orang tidak dibezakan dengan orang lain.

4. Seeloknya dalam sebuah masyarakat itu semuanya pandai-pandai, tidak ada yang bodoh. Semuanya kaya-kaya

tidak ada yang miskin. Semuanya tua-tua tidak ada yang muda. Semuanya kuat-kuat jangan ada yang lemah. Semuanya hebat-hebat jangan ada yang hina. Semuanya cantik-cantik jangan ada yang hodoh. Semuanya berani-berani, jangan ada yang penakut. Semuanya besar-besar, jangan ada yang kecil. Semuanya istimewa, jangan ada yang kurang. Semuanya indah-indah, jangan ada yang buruk. Semuanya sempuma, jangan ada yang cacat. Itulah keadilan!

5. Makan, minum, pakaian dan tempat tinggal pun mesti samarata dan samarasa. Semua makan daging, tak kira orang tua, orang muda, bayi, semuanya sama. Semua minum air batu tak kira orang tua, orang muda, atau bayi, semuanya sama. Semua pakai jenis kain dan fesyen yang sama. Semua ada rumah sama besar dan sama cantik. Atau paling tidak, setiap orang memperolehi nikmat yang orang lain dapat. Jangan ada yang miskin atau kaya. Kalau boleh istilah kaya dan miskin jangan ada. Yang ada cuma samarata dan samarasa. Barulah adil.

6. Dalam rumahtangga, antara suami dan isteri serta anak-anak supaya samarasa dan samarata, maka kenalah sama-sama bertugas. Isteri jaga anak dan masak, suami pun kena jaga anak dan memasak. Kena bergilir. Suami pergi ke laut tangkap ikan atau panjat pokok kelapa atau kerja tebang balak. Isteri pun kena ke laut, panjat pokok kelapa, membalak dan lain-lain lagi.

7. Di majlis-majlis rasmi, untuk samarasa dan samarata, kena digilir-gilirkanlah setiap minit antara orang pandai dengan orang bodoh dan orang besar dengan orang kecil, beralih-alih tempat duduk supaya mereka dapat merasa setaraf dan tidak dibeza-bezakan.

8. Di universiti-universiti, semua setaraf jangan berbeza. Semua siswa-siswi kena ambil semua subjek. Semua ambil kedoktoran, ambil ilmu fizik, ambil sastera, ambil semuanya. Supaya samarata dan samarasa.

Pendek kata, kita harapkan semua orang diadili dengan mendapat semua keistimewaan yang orang lain dapat. Jangan ada kasta-kasta dan kelas-kelas dalam masyarakat manusia. Jangan ada yang lebih dari orang lain. Jangan ada yang kurang. Barulah indah, puas, adil dan saksama. Itulah erti keadilan yang sebenar-benamya. Walhal manusia itu dilahirkan dalam keadaan ada yang sempuma, ada yang cacat, ada yang cantik, ada yang buruk, ada yang bijak, ada yang bodoh, ada yang kuat, ada lemah, ada miskin, ada kaya dan sebagainya. Walhal dalam hidup ini kita memerlukan orang pandai dan perlukan orang bodoh. Perlukan orang kaya, perlukan orang miskin. Perlukan orang atas, perlukan orang bawahan. Perlukan orang yang memimpin dan perlu orang yang hendak dipimpin.

Adalah menjadi keperluan hidup manusia ini, berkehendak kepada si doktor, si gum, si kaya dan sebagainya. Manusia saling berbeza tetapi saling perlu-memerlukan. Sumber kebahagiaan mereka tidak sama. Fikiran pun tidak sama. Jiwa pun berbeza-beza. Kemiskinan walau diperangi dengan apa cara sekalipun, pasti tidak akan terhapus 100%. Kejahilan walau dibasmi bagaimana jua pun, pasti tidak dapat dielakkan. Penyakit juga walau diberi segala ubat, pasti tetap terjadi.

Inilah Sunnatullah yang tiada manusia mampu mengubahnya. Lalu di atas keperluan tanggungjawab, taraf dan kedudukan yang berbeza-beza ini, manusia tidaklah boleh disamaratakan. Mereka mesti dibeza-bezakan mengikut keperluan, keadaan, peranan, kewajipan, kedudukan dan lain-lain lagi. Menyamakan mereka adalah penzaliman, penyeksaan, kesusahan, masalah dan kerosakan. Itulah ketidakadilan. Bahkan mustahil dapat dilakukan. Membezakan mereka sesuai dengan perbezaan mereka, itulah adil namanya. Asalkan setiap orang itu dilayan mengikut taraf masing-masing.

Lantaran itulah dalam Islam, keadilan itu bukannya samarata dan samarasa. ALLAH melahirkan manusia ini dalam keadaan-keadaan yang berbeza-beza. Peranan yang tidak sama, keperluan yang berlainan, kedudukan yang berasingan dan

citarasa yang tidak sama. Maka ALLAH telah menetapkan satu erti kepada perkataan adil itu. Yang dengan erti itu, manusia yang berbeia-beza itu akan merasa diadili sebaik-baiknya. Sesuai dengan kedudukan masing-masing. Dengan hukum adil ini, semua manusia boleh berperanan dengan baik. Boleh saling isi-mengisi, bantu-membantu, perlu-memerlu, pun masih boleh merasa bahagia sebagaimana orang lain rasa bahagia. Dengan syarat mereka diberi peluang. Memberi peluang itulah keadilan.

Krisis di kalangan pemimpin yang dikaitkan dengan adil dan tidak adil itu sebenarnya berpunca dari salah faham tentang erti dan perlaksanaan keadilan. Atau kerana tidak pernah diambil kira tentang persoalan adil atau tidaknya. Bila mereka mengukur dengan timbangan yang tidak tepat, melihat dengan mata yang rabun, mendengar dengan telinga yang pekak, merasa dengan hati yang buta, kerana ajar-an Islam sudah tidak diambil kira lagi, maka terjadilah hasil-hasil yang tidak baik. Yang risikonya boleh dikatakan senjata makan tuan!

BAB DUA

Kenapa Keadilan Perlu Ditegakkan?

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ كُونُوا۟ قَوَّٰمِينَ بِٱلْقِسْطِ شُهَدَآءَ لِلَّهِ
وَلَوْ عَلَىٰٓ أَنفُسِكُمْ أَوِ ٱلْوَٰلِدَيْنِ وَٱلْأَقْرَبِينَ ۚ إِن يَكُنْ غَنِيًّا
أَوْ فَقِيرًا فَٱللَّهُ أَوْلَىٰ بِهِمَا ۖ فَلَا تَتَّبِعُوا۟ ٱلْهَوَىٰٓ أَن تَعْدِلُوا۟ ۚ وَإِن
تَلْوُۥٓا۟ أَوْ تُعْرِضُوا۟ فَإِنَّ ٱللَّهَ كَانَ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرًا

Wahai mereka yang beriman, jadiiah kamu penegak keadiian, juga menjadi saksi kerana ALLAH biarpun terhadap diri kamu sendiri atau kedua ibu bapa dan kaum kerabat, meskipun mereka kaya atau fakir, maka ALLAH lebih mengetahui kedudukannya. Oleh itu janganlah kamu mengikut nafsu dalam mengadili (sehingga lari dari kebenaran). Maka jika kamu memutar-belitkan kenyataan atau enggan menjadi saksi, maka sesungguhnya ALLAH maha mengetahui ape yang kamu lakukan.

(An Nisa': 135)

SETIAP manusia walau apa bangsa dan agama, walau di mana tempat tinggalnya, termasuk di kutub selatan atau utara, semuanya mempunyai akal fikiran. Dengannya mereka boleh menilai dan menentukan sesuatu itu. Selain dari akal, mereka juga ada nafsu yang dengannya manusia terdorong kepada sesuatu kehendak dan kemahuan. Manusia juga ada roh yang begitu sensitif, mudah merasai dengan macam-macam bentuk rasa mengikutlah bentuk rangsangan yang terjadi.

Roh, akal dan nafsu tadi adalah unsur-unsur maknawiah atau batiniah yang merupakan sebahagian dari manusia itu sendiri. Ini menjadikan manusia itu berbeza dengan haiwan dan tumbuh-tumbuhan serta lain-lain makhluk ALLAH. Bahkan akal, roh dan nafsu itu adalah hakikat manusia, yang kalau itu semua tidak ada pada mereka, jadilah manusia itu bangkai semata-mata.

Sifat roh dan nafsu itu senang dan terhibur kalau kehen: dak-kehendaknya tertunai. Sebaliknya manusia jadi sakit hati dan tidak senang apabila hajat-hajatnya tidak tertunai.

Dalam ajaran Islam, ALLAH ada mengkelaskan kehendak-kehendak yang boleh diperturutkan dan kehendak-kehendak yang tidak boleh diperturutkan. Maka bagi orang yang beriman, bersedih .hati atau senang hati terhadap kehendak yang tidak tercapai atau yang tercapai hanya boleh terhadap kehendak-kehendak syar'i sahaja. Bagi kehendak yang tidak syar'i, maka tidak mengapalah kalau ianya tidak tercapai. Dan patut ianya tidak tercapai, bahkan patut disyukuri.

Umpamanya, makan ayam goreng yang halal itu boleh. Hati akan senang dan rasa syukur kalau dapat dan sedih kalau tak dapat. Ini dibolehkan, asalkan jangan sampai tidak redha. Tetapi terhadap babi panggang? Itu tidak boleh berkehendak. Walaupun mungkin sedap tetapi bersenang hatilah kalau tidak tercapai, sebaliknya kalau timbul kehendak, bertaubatlah sungguh-sungguh.

Manusia ini akan tenang dan bahagia bila tercapai kehendak-kehendak dan perasaan-perasaannya terhadap perkara-perkara yang baik dan dibenarkan. Sebaliknya mereka jadi gelisah dan berdendam apabila kehendak yang mulia tidak dicapai. Kecuali orang yang bertaqwa, mereka dapat membendung perasaan itu. Begitulah halnya manusia sedunia ini. Perasaan mereka sama sahaja. Tidak terjadi sebaliknya, yakni tidak ada bangsa yang gembira kalau hajatnya tidak terlaksana, tetapi sedih kalau hajatnya terlaksana. Mustahil terjadi demikian, bagi semua manusia yang sama saja bahan dan cara ciptaannya ini.

Kalau begitu, sifat suka apabila hajat tertunai dan tidak suka bila hajat tidak tertunai, ini adalah sifat sejagat atau universal. Ia bukan milik atau kepunyaan seseorang atau satu-satu bangsa sahaja. Tetapi kepunyaan semua bangsa atau kepunyaan bersama semua orang.

Kalau begitu, undang-undang penjagaan hak-hak asasi manusia hendaklah dibuat secara sejagat, bukan untuk satu-satu negara atau satu-satu puak sahaja. Kerana bila ada manusia yang merasa kehendak mereka tidak dilayan, mereka jadi sakit hati atau susah. Yang kemudiannya membuatkan mereka memberontak. Dalam Islam ada kehendak-kehendak yang perlu atau asasi (dharuri) dan ada kehendak-kehendak yang bertujuan untuk kemudahan hidup.

Kehendak-kehendak yang asasi atau dharuri itu tidak boleh tidak mesti ditunaikan. Misalnya, makan minum, tempat tinggal, pakaian, dan ilmu pengetahuan yang bersifat fardhu ain. Kehendak-kehendak yang bertujuan untuk kemudahan ialah perkara-perkara yang diinginkan untuk memudahkan urusan mencari keperluan hidup yang asasi tadi. Juga kemudahan untuk menunaikan tanggungjawab sama ada sebagai ketua negara atau ketua jemaah atau ketua kampung atau imam masjid **atau** pengurus anak yatim atau ketua keluarga atau sebagai guru besar dan lain-lain lagi. Contoh-contoh bagi perkara-perkara yang membawa kemudahan hidup atau kemudahan menunaikan tanggungjawab ialah kenderaan, Wang, bangunan tempat bertugas, telefon dan tenaga manusia.

Itulah dia tuntutan-tuntutan atau kehendak-kehendak setiap manusia dalam hidupnya. Ini merupakan maruah atau harga diri manusia. Kehendak ini adalah keperluan dan kemudahan yang mesti ditunaikan. Jika tidak tertunai, manusia akan susah, gelisah dan sakit hati. Kalaulah sebab-sebab tidak tertunainya kehendak-kehendak itu ialah kelemahan dirinya sendiri yang tidak pandai atau tidak mampu atau kerana kecuaiannya, biasanya manusia akan menyesali dirinya sendiri, tanpa libatkan orang lain.

Tetapi kiranya tidak tertunai kehendak-kehendak itu dikeranakan oleh:

* adanya individu-individu yang menyekat atau mengganggu

* adanya segolongan mereka yang menghalang atau menyusahkannya,

* adanya **satu-satu** sistem atau peraturan dalam sebuah negara atau jemaah yang tidak membolehkan terlaksananya kehendak dan keperluan tadi,

* pemerintah atau pemimpin-pemimpin sendiri tidak memberi peluang kepada rakyatnya menunaikan kehendak-kehendak baik mereka, sama ada yang dharuri ataupun kemudahan-kemudahan hidup,

maka tanpa dipaksa atau diajar oleh sesiapa, lahirlah dalam hati manusia itu rasa sakit, tidak puas hati, marah dan seumpamanya. Akan terucaplah di lidah manusia-manusia tadi, yang ditujukan kepada golongan-golongan yang tersebut, dengan kata-kata: ‘kejam!‘, ‘tak patut!‘, ‘tak adil!‘, ‘zalim!‘, dan lain-lain lagi.

Mereka merasa bahawa mereka tidak diadili, mereka dizalimi dan ditindas. Rasa-rasa ini bukan boleh dikawal dengan undang-undang. Bahkan kerana adanya undang-undang yang cuba menutup mulut mereka itu, lagi tambah membara sakit hati mereka. Mereka menaruh dendam yang mendalam pula. Revolusi Perancis, Revolusi Iran dan lain-lain revolusi termasuk tunjuk perasaan dan pembunuhan ke atas pemimpin, adanya pakatan berjuang di bawah tanah dan di atas tanah dan lain-lain lagi yang berlaku di sepanjang sejarah dunia, adalah berpunca dari dendam dan sakit hati ini. Inilah akar umbi yang menjadi sebab utama pada berbagai krisis. Walaupun ditutup dengan segala bentuk alasan lain, tetapi rahsia sebenar mengapa terjadinya semua itu adalah kerana manusia terasa disakiti fitrahnya, akibat tidak diperlakukan dengan adil.

Sebab itulah ALLAH SWT, Yang Maha Mengetahui hakikat ini, sangat memerintahkan manusia itu berlaku adil. Dengan keadilan, hati manusia terhibur. Bila hati senang, da-

lam keadaan apa pun mereka sedia menerima dan taat setia sesamanya. Lihatlah firman ALLAH tentang perintah adil ini.

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ كُونُوا۟ قَوَّٰمِينَ لِلَّهِ شُهَدَآءَ بِٱلْقِسْطِ
وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَـَٔانُ قَوْمٍ عَلَىٰٓ أَلَّا تَعْدِلُوا۟ ٱعْدِلُوا۟
هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ إِنَّ ٱللَّهَ
خَبِيرٌۢ بِمَا تَعْمَلُونَ

Hai orang-orang yang beriman, jadilah kamu pendukung kebenaran kerana ALLAH, juga menjadi saksi dengan penuh keadilan. Dan janganlah kebencian kamu kepada sesuatu kaum menyebabkan kamu tidak berlaku adil. Berlaku adillah, kerana adil itu lebih dekat untuk mencapai taqwa. Dan bertaqwalah kepada Tuhan, sesungguhnya ALLAH itu maha mengetahui apa yang kamu kerjakan.

(Al Maidah: 8)

Firman-Nya lagi:

وَإِن طَآئِفَتَانِ مِنَ ٱلْمُؤْمِنِينَ ٱقْتَتَلُوا۟ فَأَصْلِحُوا۟ بَيْنَهُمَا فَإِنۢ
بَغَتْ إِحْدَىٰهُمَا عَلَى ٱلْأُخْرَىٰ فَقَٰتِلُوا۟ ٱلَّتِى تَبْغِى حَتَّىٰ تَفِىٓءَ إِلَىٰٓ
أَمْرِ ٱللَّهِ فَإِن فَآءَتْ فَأَصْلِحُوا۟ بَيْنَهُمَا بِٱلْعَدْلِ وَأَقْسِطُوٓا۟ إِنَّ ٱللَّهَ
يُحِبُّ ٱلْمُقْسِطِينَ

Dan jika dua golongan orang Mukmin bergaduhan maka damaikanlah keduanya. Jika didapati salah satu golongan membuat aniaya terhadap yang lainnya maka perangilah golongan itu sehingga mereka kembali kepada perintah Allah. Jika musing-musing kembali kepada perintah Allah damaikanlah keduanya dengan adil

dan hukumlah dengan adil, sesungguhnya ALLAH suka terhadap mereka yang berlaku adil.

(AI Hujurat 9)

Lihatlah Maha Bijaksananya ALLAH memberi penyelesai-an kepada masalah manusia. Diingatkan supaya berlaku adil walaupun pada orang atau puak yang dibenci. Sebab kalau ada orang-orang yang tidak diadili, nanti orang itu akan buat susah pada kita. Lebih-lebih lagi diri kita akan terjerumus ke da: lam kesusahan Neraka. Sebab itu walaupun timbul benci, lawan-lawanlah perasaan itu dengan harapan supaya kita selamat dari kesusahan yang mungkin dilakukan oleh orang yang kita benci itu kepada kita. Tetapi nak lawan perasaan benci itu bukannya senang. Nak bergaduh dengan diri sen-diri (nafsu) atau nak sakitkan diri sendiri siapa yang sanggup? Terlalu sedikit golongan yang sanggup.

Oleh itu ALLAH ingatkan, hanya dengan taqwa saja hal itu boleh terjadi. Yakni dengan adanya rasa takut diazab oleh ALLAH kalau tidak dilaksanakan perintah-Nya, barulah sese-orang ada kekuatan untuk mendorong dirinya mengadili atau tidak menindas orang yang dibencinya.

Rasa taqwa ini saja yang boleh menjamin keadilan yang dibuat benar-benar bersih, bukan dengan tipu muslihat, ber-kepentingan atau terdesak. Yang dengan itu orang lain tidak akan menaruh apa-apa prasangka dan dendam terhadap 'keadilan' itu. Yakni keadilan yang tidak adil. Saya maksud-kan, ada orang ingin menentang penzaliman, tetapi melaku-kan penzaliman lain. Ketidakadilan dihadapi dengan ketidak-adilan pula. Akibatnya sama saja. Tetapi taqwa itu sendiri tidak ramai yang memilikinya. Kerana hanya sedikit orang-orang yang cenderung kepada ALLAH dan yang berkaitan dengannya. Dengan sebab itulah mengapa dunia ini sudah penuh dengan keadilan-keadilan palsu, keadilan puak, keadil-an yang tidak adil. Yang akibatnya manusia saling bersenget hati, dendam-mendendam, benci-membenci, dengki-men-dengki dan lain-lain sakit jiwa.

Peperangan yang tidak habis-habis, krisis yang tidak terkawal, tunjuk-tunjuk perasaan, pencolekan, pembunuhan dan lain-lain lagi, yang sedang berlaku di dunia kini adalah akibat dari sakit hati antara manusia dengan manusia lain. Maka dengan itu kesusahan yang dilakukan terasa oleh banyak pihak terutama pihak pemehntah sendiri.

Sebab itu golongan pemerintahlah yang paling disuruh berlaku adil. Keadilan seorang pemerintah sangat dibesarkan oleh ALLAH SWT di dunia dan lebih-lebih lagi di Akhirat. Hadis ada menyebut:

اَلْوَالِي العَادِلُ ظَلٌّ اللهُ فِى الاَرْضِ ، مَنْ نَصَحَهُ فِي نَفْسِهِ
أَوْ فِىْ عِيَالِهِ أَظَلَّهُ اللهُ بِظِلِّهِ يَوْمَ لاَ ظِلَّ إِلَّا ظِلُّهُ

Pemimpin yang adil ALLAH lindungi di dunia, oleh itu sesiapa yang menasihati dirinya atau keluarganya (agar berlaku adil) nescaya ALLAH melindunginya di hari yang tiada perlindungan melainkan perlindungan-Nya.

Pemerintahlah orang yang paling dituntut agar pandai menjaga hati-hati rakyat sekalipun hati orang yang bukan dari partinya dan orang kafir. Demi membina masyarakat harmoni, kasih sayang dan aman damai, yang benar-benar terasa oleh semua pihak. Bukan slogan-slogan puak untuk menutup kelemahan atau untuk menipu.

Menjaga hati ini adalah mengikut ukuran syariat Islam bukannya mengikut perasaan. Sebab pertimbangan perasaan tidak cukup tepat dalam menilai sesuatu. Untuk menjaga hati ini syariat menetapkan caranya ialah dengan berlaku adil. Yakni adil menurut Islam seperti yang saya definasikan dalam buku ini dan bukannya adil menurut orang-orang sosialis, komunis, ateis, kapitalis, feudalis dan penganut lain-lain isme lagi.

Keadilan yang dilaung-laungkan oleh dunia kini, konon memperjuangkan hak asasi manusia dan lain-lain, sebenarnya

keadilan untuk puak-puak mereka sahaja. Dalam masa yang sama, majoriti penduduk dunia tidak terasa keadilan itu.

Marilah kita melihat dan mempraktikkan keadilan menurut Al Quran. Sebab ianya mampu mengadili setiap hati insan, secara merata, Muslim ataupun bukan Muslim. Bila itu terjadi, dengan sendirinya dunia akan aman damai. Tanpa keadilan, slogan-slogan saja tidak akan mendamaikan dunia yang sedang kusut ini.

BAB TIGA

Erti Keadilan Menurut Islam

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تَتَّخِذُوٓا۟ ءَابَآءَكُمْ وَإِخْوَٰنَكُمْ
أَوْلِيَآءَ إِنِ ٱسْتَحَبُّوا۟ ٱلْكُفْرَ عَلَى ٱلْإِيمَٰنِ ۚ وَمَن يَتَوَلَّهُم
مِّنكُمْ فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلظَّٰلِمُونَ

Wahai orang yang beriman, janganlah kamu melantik bapa kamu dan saudara kamu sebagai pemimpin jika mareka lebih mengutamakan kufur dari iman. Sasiapa dl kalangan kamu yang melantik mereka sesungguhnya mereka edalah zaiim.

(At Taubah: 23)

PERKATAAN adil kalau dilihat ertinya dalam kamus bahasa atau mengikut pengertian biasa, adalah saksama atau samarata atau seimbang atau tidak berat sebelah. Tetapi dalam istilah Islam, sifat adil itu diertikan **meletakkan sesuatu perkara atau seseorang atau benda itu tepat pada tempatnya, yang bersesuaian dengan keperluannya atau kepentingannya atau kewajipannya atau kedudukan sesuatu itu dan selaras pula menurut ketentuan syariat.** Jika ketepatan itu serta keperluan atau kepentingan atau kewajipan itu tidak diukur dengan syariat, ha1 itu tidak boleh dikatakan adil. Sebaliknya ia dianggap satu penzaliman.

Adil di dalam Islam dituntut dan wajib perlaksanaannya dalam seluruh aspek kehidupan. Yakni adil kepada diri sen-

diri, keluarga, masyarakat, pemerintahan, dan rakyat, serta adil dalam pentadbiran, politik, pendidikan, ekonomi, sosial dan dalam sebarang kerja buat setiap manusia. Kerana. semua orang adalah pemimpin mengikut taraf dan kuasa masing-masing. Paling tidak memimpin dirinya sendiri. Rasulullah SAW bersabda:

كُلُّكُمْ رَاعٍ، وكُلُّكُمْ مَسْئُوْلٌ عَنْ رَعِيَّتِه: اَلاِمَامُ رَاعٍ وَمَسْئُوْلٌ عَنْ رَعِيَّتِه.

Setiap kamu adalah pengembala (pemimpin) dan setiap kamu akan ditanya tentang gembalaannya. Pemimpin adalah pengembala dan dia akan ditanya tentang kepimpinannya.

(Riwayat Bukhari)

Seseorang yang tidak memperlakukan dirinya, keluarga, masyarakat, negara, rakyat dan setiap kerjanya tepat dan selaras dengan keperluan atau kepentingan atau kewajipannya yang dibenarkan oleh syariat, maka ia dikatakan tidak adil. Temafilah sifat adil pada dirinya. Maka zalimlah ia. Demikianlah jika seseorang tidak menjalankan hukuman kepada pesalah dengan tepat, tidak meletakkan anak-anaknya pada tempat masing-masing dan tidak memperlakukan isteri-isterinya sesuai dengan keperluan, kepentingan dan kewajipan masing-masing, atau pemerintah yang tidak memperlakukan rakyatnya sesuai dengan keperluan, kepentingan dan kewajipan masing-masing, maka tidak adillah orang itu. Atau zalimlah ia.

Perlu diingat, setiap manusia memerlukan keperluan asas atau keperluan yang dharuri seperti makan minum, pakaian, tempat tinggal dan ilmu pengetahuan (setakat fardhu ain). Kalau peluang-peluang memiliki keperluan asas ini dihalang atau disekat, mereka akan binasa. Manusia juga memerlukan kemudahan-kemudahan hidup untuk mengurus dan menunaikan keperluan asas dan dharuri tadi, atau untuk menunaikan

tanggungjawab atau tugasnya. Kemudahan-kemudahan itu termasuklah kenderaan, telefon dan lain-lain lagi. Kalau peluang-peluang kemudahan ini disekat atau dihalang atau tidak diberi, manusia akan berhadapan dengan kesulitan dan kepayahan hidup.

Begitu juga, manusia mempunyai harga diri atau maruah diri iaitu kemuliaan dirinya, keluarganya, hartanya, agamanya dan bangsanya. Maka harga diri ini tidak dibenarkan sebarang orang mencerobohinya. Kalau ada yang berani menceroboh, pihak yang berwajib atau pihak yang bertanggungjawab mestilah menghukum pesalah itu bersesuaian dengan kesalahannya. Bagi pihak yang dijatuhkan maruahnya, wajib diberi peluang untuk mempertahankan maruahnya dan apa-apa yang ada hubungan dengan maruah dirinya itu.

Kalaulah para penceroboh tidak dihukum dan pihak yang kena ceroboh tidak diberi peluang mempertahankan diri sama ada di mahkamah ataupun buat penjelasan di khalayak ramai (seperti sekarang ini) di media massa (radio, tv dan lain-lain media elektronik dan cetak), ertinya kita telah melakukan penzaliman atau membiarkan penzaliman berlaku. Dalam istilah lain, keadilan menurut Islam telah temafi.

Oleh itu bilamana kita menegakkan keadilan di dalam Islam, sekaligus kita telah menghormati hak asasi manusia. Penghormatan terhadap ha1 ini sangat diambil berat oleh ALLAH SWT. Dan di zaman moden ini, dunia antarabangsa telah mengiktiraf tentang adanya hak asasi kemanusiaan dan setiap orang boleh mempertahankan hak asasinya, yang mana orang lain tidak dibenarkan menceroboh hak-hak asasi itu kerana ia merupakan maruah diri seseorang itu.

Dalam Islam setiap orang yang mempertahankan maruah dirinya atau sehubungan dengan maruah dirinya, kalau mati kerananya ia dianggap mati syahid. Rasulullah bersabda:

مَنِ اسْتَطَاعَ مِنْكُمْ أَنْ يَقِيَ دِيْنَهُ وَعِرْضَهُ بِمَالِهِ فَلْيَفْعَلْ

Siapa yang mampu di kalangan kamu untuk memeli-

hara agama dan maruah diri, buatlah.

(Riwayat Al Hakim)

مَنْ ذَبَّ عَنْ عِرْضِ أَخِيْهِ بِالْغَيْبِ ، كَانَ حَقًّا عَلَى اللهِ
اَنْ يَقِيَهُ مِنَ النَّارِ

Siapa yang menjaga maruah diri saudaranya, maka layaklah Allah memeliharanya dari Neraka.

(Riwayat Ahmad)

Ini juga dapat dilihat tentang ucapan Rasulullah SAW dalam haji wida', tentang bagaimana Islam menghormati maruah manusia atau hak asasi manusia. Sabda Rasulullah

فلأهله ، ومن ترك دينا او ضياعا فإلي وعلي

Aku iebih mengutamakan orang mukmin dari soal peribadi, sesiapa yang meninggalkan harta maka itu pusaka untuk ahli warisnya, dan siapa yang meninggalkan anak-anak yang susah hingga boleh tergadai agama dan maruah, maka akulah yang bertanggungjawab.

(Riwayat Muslim)

BAB PAT

Keadilan Terhadap Diri Peribadi

وَأَنفِقُوا۟ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ وَلَا تُلْقُوا۟ بِأَيْدِيكُمْ إِلَى ٱلتَّهْلُكَةِ ۛ وَأَحْسِنُوٓا۟ ۛ إِنَّ
ٱللَّهَ يُحِبُّ ٱلْمُحْسِنِينَ

Dan berbelanjalah (berkorbanlah) pada jalan Allah dan jangan kamu mencampakkan diri kamu ke dalam kebinasaan, dan berakhlak baiklah, sesungguhnya ALLAH suka kepada mereka yang berbuat balk.

(Al Baqarah: 195)

KEADILAN kepada diri sendiri diukur dengan keperluan, kepentingan dan kewajipan yang ditetapkan oleh syariat. Keperluan-keperluan atau kepentingan-kepentingan atau kewajipan-kewajipan yang tidak syar'i (walaupun disetujui oleh nafsu) dianggap tidak adil walaupun diletakkan pada tempamya yang tepat.

Keperluan diri seseorang manusia ialah makanan. Makanan untuk fizikal, untuk akal dan untuk roh. Makanan fizikal ialah karbohidrat, protin, lemak, vitamin, garam galian dan air. Kurang salah satu darinya akan melemahkan pertumbuhan fizikal manusia. Sebab itu, adalah satu kezaliman kalau seorang itu tidak mencukupkan keperluan zat makanan pada badannya. Dengan syarat makanan itu halal kecuali kalau memang tidak mampu.

Akal juga perlukan makanan untuk kesihatannya. Makanan akal ialah ilmu. Akal yang tidak diberi ilmu ia akan ban-

tut, kering dan beku. Macam pokok bantut. Ilmu yang diperlukan oleh akal ialah ilmu Ukhrawi dan duniawi. Kalau akal dapat satu bentuk ilmu sahaja sama ada duniawi saja atau Ukhrawi saja, dia tidak puas. Kesuburan perkembangannya tidak berlaku. Akal mesti diperkenalkan dengan serba-serbi tentang dunia, tentang Akhirat dan yang paling penting, akal mesti dihubungkan dengan penciptanya. Akal yang tidak kenal Tuhan, dia akan liar. Macam anjing liar yang dapat jinak bila melihat tuannya. Tidak adillah diri, kalau akal tidak diberikan keperluannya. Diri akan rosak dibuatnya.

Manusia bukan lagi manusia kalau tidak ada roh. Roh adalah satu unsur paling penting untuk manusia itu betul-betul dikatakan manusia. Untuk hidup, roh atau jiwa itu pun perlukan makanan. Makanan yang boleh menambah dan memberi kepuasan pada roh ialah keyakinan. Hati yang cukup mantap keyakinannya, yang terisi kekosongannya adalah hati atau roh yang kuat, bertenaga, mampu mendesak manusia untuk memperjuangkan keyakinannya.

Dalam Islam, keyakinan yang wajib diisi ke dada umat ialah iman dengan keenam-enam Rukun Iman. Kalau kurang keyakinan tentang satu sahaja dari enam perkara ini, roh akan cacat, lemah dan tidak mampu untuk membuatkan manusia itu gigih memperjuangkan ke-Islamannya. Keyakinan yang kuat amat diperlukan oleh roh. Roh akan sihat, segar dan mampu membuatkan seseorang itu sentiasa bersemangat muda sekalipun umumya tua. Tahan uji, redha berhadapan dengan taqdir. Kerana watak roh adalah penentu kepada kuat atau lemahnya ke-Islaman seseorang. Kalau roh tidak sihat atau tidak kuat, maka zalimlah seseorang itu kepada dirinya kerana tidak mencukupkan keperluan asasi rohnya.

Demikianlah keadilan kepada diri sendiri, yakni menyediakan keperluan asasinya. Selain itu, setiap anggota lahir manusia seperti mata, telinga, mulut, kaki, tangan, alat kelamin dan lain-lain, itu ada peranan masing-masing. Peranan yang ditetapkan oleh syariat untuk menyempumakan kehidupan manusia.

Mata gunanya untuk melihat kebaikan, melihat tanda-tanda kebesaran ALLAH, melihat ayat-ayat ALLAH yang tertera di muka bumi yang terhampar dan langit yang menutup. Kita mesti adil kepada mata kita. Jangan dibiar mata melihat hal-ha1 yang haram dan merosakkan kita, yang membuatkan kita terjerumus kepada kehinaan dan jauh dari ALLAH SWT. Begitu juga dengan anggota-anggota lain, jangan dibiarkan terlibat kepada perkara-perkara haram yang menjadikan ALLAH murka dan boleh mencampakkan kita ke dalam Neraka. Tetapi temyata kita selalu menzalimi mata kita, telinga, mulut, kaki, tangan, hidung dan kadang-kadang alat kelamin kita. Sebab itu kita kena selalu mengucapkan:

لَآ إِلَٰهَ إِلَّآ أَنتَ سُبْحَٰنَكَ إِنِّي كُنتُ مِنَ ٱلظَّٰلِمِينَ

Tiada Tuhun melainkan Engkau, Maha Suci Engkau, sesungguhnya aku tergolong dalam orang yang zalim.
(Al Anbia': 87)

Seterusnya diri kita ini mempunyai keistimewaan, kelemahan dan kelayakan yang khusus untuk sesuatu bidang, maka hendaklah kita pandai mengukur dan meletakkan diri kita itu di tempat yang tepat. Misalnya, kita hanya layak jadi guru biasa atau layak jadi kerani pejabat, maka janganlah kita memaksa diri untuk jadi jurutera atau jadi menteri. Sebaliknya orang yang layak jadi Perdana Menteri atau jadi doktor, janganlah mengada-ngada nak jadi peon atau pemandu sahaja. Kita semua mesti memaksa diri menerima hakikat diri kita. Itulah sifat adil. Sebaliknya kalau kita cuba keluar dari hakikat diri kita, kerana ikutkan nafsu atau kerana malas dan cuai, maka zalimlah kita kepada diri sendiri.

Al Quran ada menyebutkan sepotong doa ungkapan Nabi **Yunus a.s:**

لَآ إِلَٰهَ إِلَّآ أَنتَ سُبْحَٰنَكَ إِنِّي كُنتُ مِنَ ٱلظَّٰلِمِينَ

Tiada Tuhan melainkan Engkau, Maha Suci Engkau,

sesungguhnya aku tergolong dalam orang yang zalim.
(Al Anbia': 87)

Oleh para mama besar, dipilih doa ini sebagai satu cara taubat yang tinggi nilainya. Hingga jadilah istighfar ini amalan ramai umat Islam. Ertinya, setiap hari umat Islam disuruh mengaku dirinya zalim kepada Tuhan. Dirinya tidak adil kepada segala perintah suruh dan larangan Tuhan, sama ada disedari atau tidak, disengaja atau tidak.

Zalim atau tidak adil dalam Islam bukan sahaja melibatkan perlakuan seseorang kepada orang lain atau kepada kumpulan lain, tetapi berlaku juga kepada dirinya sendiri. Inilah penzaliman yang asas. Yakni apabila keperluan-keperluan, tanggungjawab-tanggungjawab dan kewajipan-kawajipan an terhadap dirinya tidak dipenuhi seperti yang diperintahkan.

Hal ini mungkin asing kepada kebanyakan umat Islam, kerana jarang orang sedar bahawa awal-awal penzaliman oleh seseorang itu adalah kepada dirinya. Barulah selepas itu seseorang itu pandai atau tergamak menzalimi orang lain atau kumpulan lain pula. ~Demikianlah bahawa seseorang yang pandai mengadili dirinya, baru mungkin dia tahu untuk berlaku adil kepada seseorang atau sekumpulan orang lain. Segala-galanya bermula dari diri sendiri.

Lojiknya ha1 ini begini:

Seorang yang sakit, tidak mahu makan ubat, boleh memudharatkan badannya. Ertinya ia zalim pada dirinya. Seorang yang bodoh, tidak mahu belajar adalah zalim pada dirinya. Orang pandai tidak mahu menggunakan kepandaian adalah menzalimi dirinya. Orang sombong, melayan kesombongannya dan tidak diusaha membuangnya, adalah zalim pada dirinya.

Dalam Islam, manusia dilahirkan untuk beribadah kepada ALLAH. Firman-Nya:

وَمَا خَلَقْتُ ٱلْجِنَّ وَٱلْإِنسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ

Tidak Aku jadikan jin dan manusia itu melainkun untuk beribadah kepada Aku.

(Az Zaariat: 56)

Itulah tujuan hidup kita. Supaya kita tidak bertuhan kepada nafsu, syaitan, betina, dunia, harta dan lain-lain lagi, maka Tuhan yang paling tepat disembah ialah ALLAH. Supaya hidup kita bukan untuk nafsu, bukan untuk wanita, bukan untuk dunia, tetapi semata-mata untuk ALLAH. Itulah hidup yang paling tepat, selamat Ukhrawi dan duniawi. Tidak dunia sahaja, tidak Akhirat sahaja. Inilah ibadah yang dimaksudkan. Bila seseorang menjadikan hidup matinya untuk ALLAH, itulah pilihan yang paling adil, paling tepat dan paling benar.

Hujahnya begini:

Katakanlah beberapa orang anak mempunyai niat-niat yang berbeza-beza. Ada yang mahukan hidupnya untuk pelajaran, ada yang mahu hidup untuk makan, ada yang hidup untuk adiknya dan ada yang hidup untuk ibu dan ayahnya.

Mana yang paling tepat? Yang paling bijak ialah yang hidup untuk ibu dan ayah. Sebab mengikut kemahuan ibu ayah ertinya, keselamatan buat anak, sedangkan kalau hidup untuk' selainnya, tidak tepat kejayaannya. Pelajaran, makan dan adik yang dijadikan tujuan hidup itu, tidak akan mampu membuatkan kita mencapai kesempumaan hidup.

Sedangkan ibu ayah itupun terbatas kemampuannya dalam mengenali hakikat anaknya. Hanya ALLAH yang tahu secara tepat apa yang baik untuk kita. Oleh itu menjadikan hidup semata-mata untuk mengabdikan diri kepada kehendak ALLAH adalah keselamatan abadi dan hakiki.

Untuk menjadi hamba ALLAH, kita diperintahkan supaya:

1. Meyakini dan menghayati enam Rukun Iman dan melakukan lima Rukun Islam yang menjadi fardhu ain setiap mukallaf.

2. Berlaku ihsan atau berakhlak baik seperti sabar, redha, tawakkal, rasa diawasi oleh ALLAH dan cinta kepada-Nya.

3. Menjadi hamba dan menjadi khalifah ALLAH (jadi abid di malam hari dan singa di siangnya).

4. Menjadi orang dunia dan orang Akhirat sekaligus.

Inilah yang ALLAH mahukan dari orang-orang yang berkata hidup matinya untuk ALLAH, untuk beribadah pada-Nya. Kalaulah ini kita lakukan, kita akan jadi seorang manusia yang sempurna kemanusiaannya, tidak kebinatangan atau kesyaitanan. Maknanya, kita telah meletakkan diri kita pada tempat yang sebenar yang dikehendaki oleh ALLAH. Maka kita dianggap adil pada diri sendiri.

Kita akan jadi seorang yang luas ilmu mengenai dunia dan Akhirat. Dunia ada, Akhirat pun ada. Kita jadi tinggi akhlak. Kita jadi pemimpin yang adil atau ulama yang mendidik atau orang kaya yang pemurah atau orang miskin yang redha dan sabar atau orang lelaki penegak agama dan bangsa, dan pemudi tiang negara.

Orang Islam begini pernah membentuk empayar menawan 3/4 dunia. Ertinya, jadi tuan di dunia dan jadi tuan di Akhirat. Kalau kita tidak penuhi tuntutan ibadah tersebut, kita sudah zalim dengan dir-i sendiri. Kita tidak jadikan diri kita sebagaimana sepatutnya. Hingga kita membiarkan diri kita masuk Neraka. Itu kan satu kezaliman, yang kita telah lakukan pada diri kita.

Yang sepatutnya dir-i kita ini seolah-olah sebuah rumah yang lengkap. Tetapi kita cuma jadikan ia ada lantai sahaja atau atap sahaja atau lain-lain yang tidak sempuma. Adilkah seorang yang buat rumah cuma ada lantai sahaja? Kita umat Islam kini, cuma ambil dunia saja, Akhirat tidak. Atau ambil fardhu ain saja, tidak fardhu kifayah. Atau jadi khalifah saja tidak jadi hamba, atau jadi hamba sahaja, tidak khalifah. Ataupun ambil separuh-separuh.

Hingga jadilah kita umat Islam dengan peribadi yang tidak meyakinkan. Pemimpin hanya membangun material, tidak insan. Fikir dunia saja, Akhirat dilupakan. Ulama mengajar saja, tidak mendidik dan tidak menjadi contoh. Ulama-ulama

melakukan kerja rasmi saja untuk dapat gaji, tidak lebih dari itu. Tidak buat kerja Islam yang banyak, kerana tidak dijadualkan oleh tuan. Orang kaya bakhil, sasterawan berkhayal-khayal dengan emosi, doktor merawat tidak fikir aurat dan maruah pesakit, peniaga menipu dan tidak mengira halal haram, anggota tentera mengawal orang lain tetapi tidak dirinya, dan macam-macam lagi ketidaksempumaan manusia. Kerana diri tidak diadili sebaik-baiknya.

Dianggap juga tidak adil seseorang yang tidak meletakkan anggota lahimya tepat kepada apa yang disuruh dan diperintah oleh ALLAH. Umpamanya, matanya melihat perkara-perkara maksiat atau perkara-perkara yang dilarang oleh ALLAH seperti melihat aurat wanita. Tangannya membuat perkara-perkara yang hat-am atau menyentuh perkara-perkara yang tidak dihalalkan oleh ALLAH seperti menampar orang. Telinga mendengar perkara-perkara yang haram seperti mendengar lagu-lagu lucah dan mengkhayalkan, mendengar orang mengumpat dan sebagainya.

Mulutnya digunakan untuk mengumpat, mencerca, memaki, memfitnah, memperkatakan hal-ha1 yang hat-am seperti menceritakan hal-hal perempuan. Perutnya diisi dengan makanan-makanan yang haram dan syubahat seperti meminum arak, makan daging yang tidak sembelih, daging yang haram seperti babi, makan dari duit yang haram seperti duit yang dicuri, duit rasuah, duit tipuan dan duit riba. Kakinya dihala ke tempat-tempat yang haram atau yang dimurkai oleh ALLAH seperti ke disko dan pub, rumah sundal dan penzinaan, tempat pergaulan bebas, rumah perjudian, pergi bermain muzik, ke majlis tari-menari, menonton wayang dan sebagainya. Hal-ha1 seumpama ini dianggap menzalimi dirinya sendiri. Kerana dirinya tidak diletakkan pada tempatnya iaitu melakukan apa yang disuruh oleh ALLAH. Bahkan sebaliknya, melakukan perkara-perkara yang dilarang oleh ALLAH.

Bila diri tidak pandai diadili, maka mudah saja orang itu menzalimi orang lain. Kalau dia sombong, bagaimana hendak suruh orang lain tawadhuk. Kalau dia penipu, bolehkah

dia buatkan orang lain tidak menipu? Kalau dia pun mabuk dunia, harta orang harta dia, bolehkah dia buatkan orang lain sabar dan zuhud dengan dunia dan ghairah dengan Akhirat? Kalau dia pun tidak khusyuk sembahyang, bolehkah dia buatkan orang lain khusyuk? Bolehkah ketam mengajar anak-nya berjalan betul?

Diri kita ini hendaklah dicukupkan kehendak-kehendak akal, jiwa (roh) dan fizikal. Macam kereta, perlu cat untuk *body,* perlu minyak untuk enjin dan perlu cas baterinya. Kalau asyik cat *body* saja, bateri tak dicas, minyak tidak diisi, berguna ke kereta itu? Kalau asyik *make-up* badan saja, akal tidak hidup, jiwa sakit,ini orang tidak seimbang namanya.

Kemudian, bila sudah berjalan, jalan mana yang nak dipilih? Salah pilih jalan merosakkan kereta itu. Kereta kuat boleh jalan walaupun lambat, tapi tidak kereta lemah. Nak muat apa pula dalam kereta itu pun mesti ditepati. Jika tidak, rosak juga jadinya.

Demikianlah manusia kalau sudah boleh berfungsi, mesti tepat fungsi itu sesuai dengan upaya dan kebolehan. Nak suruh buat apa, ke mana dan bagaimana, itu semuanya kena diadili. Seseorang mesti tahu meletakkan dirinya dalam masyarakat. Kalau setakat layak jadi penghulu, jangan ambil jawatan lebih daripada itu. Begitulah kalau kita tidak layak menjadi pemimpin, jangan rebut jawatan itu. Kalau ambil juga, kita tergolong ke dalam orang yang tidak pandai meletakkan diri sendiri pada tempatnya.

Pandai seseorang itu mengenali dan meletak dirinya, pandai jugalah dia mengenali dan mengadili orang lain. Sebaliknya, tidak pandai dia kenal diri dan meletak dirinya, maka lebih-lebih tidak pandailah dia mengenal dan meletakkan diri orang lain pada tempatnya dengan seadil-adilnya. Bukan mudah nak dapatkan sifat adil seadil-adilnya seperti yang ALLAH mahu. Sebab itu dalam Islam, hanya orang adil saja yang boleh jadi pemimpin. Sama ada pemimpin negeri atau pemimpin negara dan sebagainya. Bahkan orang tidak adil

tidak boleh jadi hakim atau wali nikah atau saksi nikah atau saksi-saksi yang lainnya.

Pemimpin, hakim, wali dan saksi-saksi ini kalau tidak adil akan merosakkan manusia dan kemanusiaan manusia. Beristighfarlah kita sebanyak-banyaknya seperti yang tertulis di atas tadi:

لَّآ إِلَٰهَ إِلَّآ أَنتَ سُبْحَٰنَكَ إِنِّي كُنتُ مِنَ ٱلظَّٰلِمِينَ

Tiada Tuhan melainkan Engkau. Maha Suci Engkau, sesungguhnya aku tergolong sebagai orang-orang zalim.

(Al Anbia': 87)

BAB LIMA

Keadilan dalam Keluarga dan Masyarakat

ٱلرِّجَالُ قَوَّٰمُونَ عَلَى ٱلنِّسَآءِ بِمَا فَضَّلَ ٱللَّهُ بَعْضَهُمْ
عَلَىٰ بَعْضٍ وَبِمَآ أَنفَقُوا۟ مِنْ أَمْوَٰلِهِمْ

Kaum lelaki adalah pemimpin kepada wanita kerana ALLAH telah melebihkan mereka (lelaki) darl wanita dan kerana mereka membelanjakan harta (untuk wanita ltu).

(An Nisa': 34)

Keadilan Terhadap Isteri

DALAM keluarga, ketua adalah ayah atau suami atau kalau ibu ayah sudah tiada, maka ketua keluarga mungkin datuk, pak cik dan lain-lain lagi. Sebab itu dalarn Islam, seorang wanita yang berkahwin itu sekaligus mendapat seorang suami, guru dan pemimpin (di peringkat rumahtangga). Sebab seorang lelaki selain daripada diperintahkan jadi suami, juga mesti bertindak sebagai seorang guru dan pemimpin. Manakala kaum wanita sesudah menjadi isteri kepada seorang lelaki mesti juga menjadi murid dan pengikut.

Sebagai pemimpin kepada isteri atau isteri-isterinya, seorang suami mesti adil. Adil dalam Islam ialah meletakkan isterinya pada tempat yang tepat dengan kelayakannya. Adil dalam menyediakan keperluan isteri-isterinya dan adil dalam mendidik isteri-isterinya. Supaya mudah mereka menunaikan kewajipan-kewajipan kepada ALLAH. jsteri tidak hanya di-

beri nafkah lahir dan batin tetapi juga diberi didikan dan pimpinan rohaniah. Suami juga mesti adil dalam memberikan giliran kepada isteri-isteri (bagi mereka yang berpoligami).

Perempuan kalau dibiarkan pada fitrahnya yang asal yang penuh emosi itu, tidak dikendalikan dengan pengawalan-pengawalan emosi dan panduan-panduan tindakan, akan SENTIASA keterlaluan dalam hidupnya. Misalnya seorang isteri yang suaminya seorang yang berjawatan besar, seorang jutawan, seorang yang hebat, kacak dan gagah, mendapat segala-gala yang menjadi keinginan nafsu wanita, dibelai dan dilayan semahu-mahunya serta sangat dimuliakan oleh rakyat, apakah yang akan jadi pada wanita ini?

Dia akan jadi wanita yang sangat pemboros dan membazir. Dia juga akan sangat meninggi diri dengan angkuh dan sombongnya. Dia akan menzalimi dalam tindakannya sama ada dia sedar atau tidak.

Bagaimana mengawal dan memandu isteri supaya tidak terlalu ke kiri atau tidak terlalu ke kanan? Supaya dia tetap menjadi wanita yang sederhana, yang zuhud, pemurah, tawadhuk dan penyayang?. Supaya hatinya selamat dari sifat-sifat jahat dan selamat dari tindakan liar yang membahayakan kedudukan suaminya?

Suami yang beriman dan berilmu akan tahu caranya untuk mengawal emosi isterinya itu. Antara kaedah-kaedahnya ialah:

1. Beri ilmu tentang manusia yang baik dan yang tidak baik. Tentang nasib manusia di Akhirat. Ilmu tentang nafsu jahat dan nafsu baik. Ilmu tentang cara bermujahadah dengan nafsu jahat dan syaitan yang sangat jahat. Ilmu ini semua terdapat dalam kitab-kitab tasawuf. Saya sudah ringkaskan ilmu-ilmu tarbiah ini dalam kitab-kitab saya, antaranya: *iman dan Persoalannya, Mengenal Diri Melalui Rasa Hati, Ilmu Rohaniah* (bakal terbit). Terdapat juga dalam video dan kaset yang bertajuk *Lapan Syarat Menjadi Orang Bertaqwa* dan lain-lain kuliah tasawuf seperti *Ghurur* (21 siri dalam 21 video), *Akhlak* dan sebagainya.

2. Didik ibadah, zikir wiridnya agar berbekas di hati dan didik akhlaknya dengan akhlak-akhlak yang baik. Suami rnenjadikan dirinya peribadi contoh dalam didikan melalui perbuatan ini (bilhal).

3. Hukuman-hukuman pada kesalahannya perlu diberi. Misalnya, kalau dia sudah salah gunakan Wang, hentikan pemberian Wang padanya beberapa waktu. Kalau dia menghina-hina orang, 'elok dia pun dihina secara yang dibenarkan oleh syariat. Supaya dia tahu sakitnya seseorang yang kena hina. Dengan itu perangainya itu tidak diulang. Demikian seterusnya. Peraturan menghukum itu mula-mula dinasihat, kalau tidak berubah dipukul. Sewaktu memukul tidak boleh di muka dan jangan sampai mudharat. Jikalau tetap tidak berubah juga diasingkan tempat tidumya. Akhir sekali datangkan dua puak di kalangan ketua keluarga untuk mengadili dan membaiki.

4. Poligami adalah kaedah didikan dan pimpinan yang paling berkesan bagi isteri. Perempuan yang disusahkan dengan poligarni, yakni di hari-hari *yang bukan gilirannya, adalah seperti pesakit yang doktor arahkan supaya berpuasa sebagai ubat kepada penyakitnya. Tetapi puasa itu bukan berterusan. Sehari puasa sehari tidak. Kesakitan berpuasa dan kenikmatan berbuka yang dipergilirkan itu akan mengimbangkan perjalanan penghazaman supaya sentiasa seimbang dan normal, tidak keterlaluan.

Demikianlah pendidikan poligami yang menggilirkan seorang wanita dengan susah dan senang; ia sebenarnya akan memandu emosi wanita agar sentiasa menengah, tidak keterlaluan sama ada ke kiri atau ke kanan. Inilah pendidikan dan pimpinan yang dapat dilakukan secara istiqamah, berkesan dan cepat membawa hasil yang diharapkan.

5. Isteri atau isteri-isteri mesti diletakkan pada tempatnya supaya tidak rosak. Seorang yang kemarnpuannya hanya setakat menjadi suri rumah, jangan dibawa ke dalam soal-soal ke-

masyarakatan sekalipun suaminya orang besar. Sebaliknya seorang isteri yang boleh diketengahkan dalam soal-soal kebajikan masyarakat, jangan dikurung di rumah saja. Dikeluarkan dengan menurut syarat. Seorang yang berwatak ayam hendaklah diletakkan di tempat yang sesuai, jangan disuruh jadi watak kambing. Inilah keadilan. Ayam dipaksa jadi watak kambing adalah satu penzaliman, sekalipun si ayam meminta dan meronta-ronta ingin menjadi watak kambing.

Isteri-isteri mesti diletakkan di fungsi masing-masing dengan keperluan dan kewajipan yang berbeza-beza. Suami selaku pemimpin mesti tegas dalam menjalankan keadilan ini. Jangan diperturutkan nafsu tamak ,dan cemburu wanita. Menyamarasa dan menyamarata perihal mereka adalah satu penzaliman kepada mereka. Perlu diingat, bahawa Rasulullah sangat adil dalam memberi giliran kepada isteri-isterinya di waktu baginda berkumpul bersama.

Semua isterinya ialah anak murid dan pengikut-pengikutnya. Tetapi ingat, ada isteri yang redha memberikan gilirannya pada isteri yang lain. Apabila dalam keadaan safar atau berpergian (untuk jihad), kalau mahu membawa isteri, wajib diundi. Isteri mana yang mahu dibawa. Pada saya, kalau pergi itu atas urusan perjuangan, eloklah isteri yang dibawa adalah yang boleh membantu buat kerja-kerja perjuangan. Isteri yang berperanan di rumah, didik dia supaya berperanan di rumah. Jangan sebaliknya. Pendidikan dart pimpinan yang tepat kepada isteri-isteri boleh membuatkan mereka redha dengan keputusan itu.

Keadilan Terhadap Anak-anak

ALLAH SWT berfirman:

وَاعْلَمُوٓا۟ أَنَّمَآ أَمْوَٰلُكُمْ وَأَوْلَٰدُكُمْ فِتْنَةٌ وَأَنَّ ٱللَّهَ
عِندَهُۥٓ أَجْرٌ عَظِيمٌ

Ketahuilah sesungguhnya harta-harta kamu dan anak-

anak kamu itu adalah fitrah Sesungguhnya di sisi ALLAH-lah pahala yang besar.

(Al Anfal: 28)

Dalam mengendalikan harta dan anak-anak, kita mesti berhati-hati atau adil betul. Supaya kita selamat dari fitnah mereka. Kita mesti juga adil dalam mendidik mereka supaya mereka tidak dirosakkan oleh kita. Kita sangat sayang pada anak-anak. Kalau perasaan sayang itu diturutkan, anak-anak itu akan rosak oleh kita. Kita akan membuatkan mereka tidak tahu berdikari, tidak tahu bertolak ansur, tidak tahu bersederhana dan merendah diri, dan lain-lain lagi. Sebaliknya, mereka akan manja, sombong, mementingkan diri dan sebagainya. Ini merbahaya pada seseorang manusia.

Dari kecil lagi anak-anak itu dibentuk supaya ia kasih dan takut. Jangan kasih saja, nanti ia akan manja. Jangan takut saja, nanti ia benci dan hilang bahagia. Anak-anak jangan diikut saja kemahuannya tetapi jangan pula dihalang semua hajatnya. Segalanya disukat dengan keperluan dan kepentingan mereka. Keperluan itu ialah keperluan yang disukat dengan syariat. Keperluan-keperluan yang di luar batas syariat tidak dikira keperluan sekalipun nafsu manusia sangat menginginkannya.

Selain dari disediakan segala keperluan-keperluan syar'i, anak-anak juga mesti diadili dengan kemudahan-kemudahan untuk menunaikan kewajipan-kewajipan mereka terhadap ALLAH, ibu bapa, adik beradik, guru-guru dan lain-lain lagi. Terhadap anak-anak yang memang berbeza-beza umur, kehendak, kebolehan (I.Q.), keperluan dan lain-lain lagi, maka mengadili mereka di antara mereka hendaklah dengan member-i mengikut keutamaan, kepentingan dan peranan masing-masing sesuai dengan syariat.

Anak-anak tidak boleh disamarata dan samarasakan. Misalnya, anak yang besar diberi makan ikan, si kecil minum susu. Jangan anak kecil disuap dengan ikan juga, konon untuk keadilan. Pakaian untuk anak kecil biarlah kecil, tidak mung-

kin disamasaizkan dengan anak yang besar. Anak kecil kerana keperluan dan kewajipannya sedikit, cukuplah diberikan sedikit (harga murah). Anak yang besar, kerana keperluan dan kewajipannya juga besar, maka kepadanya hendaklah diberi lebih dengan harga yang mahal. Ibu ayah tidak dikatakan zalim kerana membezakan anak-anaknya dalam perkara ini.

Keadilan kepada anak-anak juga mesti dilakukan dalam hal pendidikan. Yakni diberi pendidikan yang tepat, iaitu ilmu Islam. Paling zalim bagi kedua ibu bapa ialah mengabaikan didikan tentang ALLAH dan Akhirat serta lain-lain bidang dalam agama kepada anak-anaknya kerana sibuk mengajar urusan dunia sahaja. Rosak pelajaran dan pendidikan yang diterima, rosaklah manusia itu. Ibu ayah akan dipertanggungjawabkan dalam hal ini. Rasulullah SAW bersabda:

كُلُّ مَوْلُوْدٍ يُوْلَدُ عَلَى الفِطْرَةِ وَإِنَّمَا أَبَوَاهُ يُهَوِّدَانِهِ اَوْ يُنَصِّرَانِهِ اَوْ يُمَجِّسَانِهِ

Semua anak dilahirkan dalam fitrah (putih bersih). Sesungguhnya ibu bapanyalah yang menjadikannya Yahudi, nasrani atau majusi.

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

Dalam menghukum anak-anak, rotan hanya boleh digunakan pada anak-anak yang berumur sepuluh tahun ke atas. Kanak-kanak di bawah umur sepuluh tahun dianggap tidak adil atau zalim kalau dirotan. Sebaliknya yang sudah berumur lebih sepuluh tahun, kalau bersalah dianggap zalim atau tidak adil kiranya dibiarkan tanpa dirotan.

Nabi-nabi dan imam-imam besar- dalarn Islam semuanya tidak dibesarkan oleh ibu bapa yang melahirkan mereka. Hal ini perlu diambil perhatian penting. Bahawa manusia-manusia yang paling berguna itu, dibesarkan bukan oleh belaian ibu bapanya. Kerana emosi ibu bapa biasanya akan melebihkan kemanjaan kepada si anak dan itu akan merosakkannya. Kalau pokok diberi baja berlebihan, bagaimana? Akan ma-

buk daun dan tak berbuahlah ia. Pesakit diberi injeksi lebih, bagaimana?

Demikianlah anak-anak kalau terlebih diberi kasih. Sebenarnya mental dan jiwa anak-anak itu akan rosak. Lihat anak-anak yang sejak kecilnya dilebihkan pemberian kasih oleh ibu ayah. Dibelai dan dimanja-manjakan sepertimana yang kerap dilakukan oleh sebahagian besar orang-orang besar, orang-orang kaya dan bahkan sebahagian ulama. Bila besar ia menyusahkan ibu ayah itu sendiri. Tidak pandai bergaul sesama manusia, apalagi dengan ALLAH, pembazir dan tamak. Ini adalah kenyataan yang banyak berlaku di depan mata kita. Anak ulama pun jadi bintang filem. Sebenarnya orang-orang besar dan orang-orang kayalah yang sangat pening kepala dengan anak-anak hari ini.

Inilah fitnah anak-anak. Ia bukan saja merosakkan hati kita tetapi **juga** merosakkan hidup anak-anak itu sendiri. Tetapi kalau diberi pendidikan yang tepat, marah berpatutan, kasih dikawal, nanti anak seolah-olah sepohon pokok yang memberi hasil lumayan pada tuannya. Tetapi ha1 ini bukannya mudah berlaku. Wallahu a'lam!

Adil Kepada Masyarakat

Adil kepada masyarakat boleh dicontohkan begini: Katalah dalam sebuah kampung, jalannya sangat lecak dan becak. Dalam pada itu masjidnya sudah tua, tetapi masih boleh digunakan. Apakah sikap yang adil kepada orang kampung ini? Keperluan yang lebih utama pada mereka ialah baiki jalan itu. Kemudian baru diganti masjidnya. Sebab masjid walaupun sudah tua tetapi masih boleh dipakai lagi. Penggunaannya pun tidak sekerap penggunaan jalan raya.

Pemberian subsidi secara adil ialah diukur pada bidang kerja rakyat, dan juga keperluan dan kewajipan, bukan diukur pada keanggotaan parti. Bantuan baja hendaklah diberi kepada petani. Tidak adil kalau baja diberi kepada bukan petani. Begitu juga tidak adil jika diberi hanya kepada ahli parti pe-

merintah sahaja. Bantuan kewangan diberi kepada peniaga, bukan kepada semua orang. Keadilan itu ialah member-i kepada sesiapa yang layak menerima, bukan kepada sesiapa saja termasuk yang tidak bersangkutan. Semua orang miskin mesti dicukupkan keperluan hidup Ukhrawi dan duniawinya. Kecuali memang sudah tidak mampu untuk mencukupkannya. Itu adalah kewajipan dan itulah keadilan namanya.

Dalam sebuah sekolah tentu ada pelajar cerdik, lemah dan sederhana. Keadilan pihak sekolah ialah menghantar semua pelajar cerdik ke sekolah asrama penuh supaya mereka mendapat pelajaran yang cukup untuk mengisi kemampuannya. Pelajar sederhana pula dididik dan diajar setepatnya un-tuk mengisi ruang-ruang yang sesuai dengan mereka. Mana-kala pelajar-pelajar lemah dilayan sepadan dengan mereka pula, supaya mereka juga berguna di bidang-bidang yang memerlukan tenaga mereka.

Mereka ini janganlah dibiarkan menganggur kerana ia akan menjadi masalah kepada masyarakat. Inilah keadilan. Bukannya keadilan itu menyamakan semua orang tetapi meletakan mereka di tempat masing-masing tanpa ada yang dibiarkan. Yang penting, setiap golongan dilayan sesuai dengan kebolehan, keperluan dan lain-lain seperti yang telah disebut. Bukan disamaratakan kebolehan dan keperluan mereka tetapi disamaratakan peluang untuk mengisi keperluan dan kewajipan-kewajipan mereka.

Keadilan Pada Binatang

Keadilan dalam Islam bukan saja dituntut dilakukan kepada kalangan manusia. Kerana bukan manusia saja makhluk ALLAH. Makhluk ALLAH yang lain termasuklah binatang-binatang. Sebab itu ALLAH menetapkan binatang-binatang pun mesti diadili, atas dasar binatang pun ada perasaan; tahu susah dan senang, sakit dan sihat. Maka kalau kita ada membela atau mentemak binatang, kita kenalah bertimbang rasa dan berbuat baik dengan binatang-binatang temakan kita itu dengan cara:

1. Buatkan tempat tinggalnya supaya terpelihara daripada binatang buas, dari panas dan sejuk.

2. Kalau binatang itu membawa beban maka jangan terlebih beban (overload). Masa kerjanya jangan terlebih dant kena rehatkan dia dengan memberi cuti. Makanannya mesti cukup dan tidak boleh kita memukul atau menyakitinya secara emosi.

3. Penjagaan dan kawalan mesti dibuat rapi supaya dia tidak merayau-rayau merosakkan tanam-tanaman orang-orang lain hingga memungkinkan orang marah dengan mengapak atau memukulnya, yang mana itu akan menganiaya binatang itu.

4. Sewaktu menyembelih; mestilah dengan pisau yang tajam. Supaya dia tidak terasa lama sakitnya. Kemudian biarkan dia mati dulu baru dilapah.

Itulah antara penghalusan Islam dalam menimbangkan perasaan binatang. Kasihanilah mereka walaupun mereka jauh lebih hina dari kita. Sabda Rasulullah:

اَلرَّاحِمُوْنَ يَرْحَمُهُمُ الرَّحْمٰنُ اِرْحَمُوْا مَنْ فِيْ الأَرْضِ
يَرْحَمْكُمْ مَنْ فِيْ السَّمَاءِ

Orang yang pengasih Tuhan Ar Rahman mengasihi mereka. Oleh itu kasihanilah makhluk di bumi nanti makhluk di langit akan mengasihani kamu.

(Riwayat **Abu Daud)**

Dalam sabda yang lain:

مَنْ لاَ يَرْحَمِ النَّاسَ لاَ يَرْحَمْهُ اللهُ

Siapa yang tidak mengasihi manusia maka ALLAH tidak akan mengasihinya.

(Riwayat At Tarmizi)

BAB ENAM

Asas-Asas Keadilan dalam Sebuah Pemerintahan

إِنَّ هَٰذَا ٱلْقُرْءَانَ يَهْدِى لِلَّتِى هِىَ أَقْوَمُ وَيُبَشِّرُ ٱلْمُؤْمِنِينَ
ٱلَّذِينَ يَعْمَلُونَ ٱلصَّٰلِحَٰتِ أَنَّ لَهُمْ أَجْرًا كَبِيرًا

Sesungguhnya Al Quran ini memberikan petunjuk kepada jalan yang lebih lurus dan memberi khabar gembira kepada orang-orang Mukmin yang mengerjakan amal soleh dengan pahala yang besar

(Al isra' 9)

SEBELUM menghuraikan bentuk-bentuk keadilan yang dituntut oleh Islam kepada pemerintah-pemerintah negeri atau negara, saya ingin menyebut faktor-faktor asas yang mesti ada bagi sesebuah pemerintahan. Yang dengan faktor-faktor itu sajalah baru munasabah dan berkemungkinan untuk pemerintah itu berlaku adil. Tanpa faktor asas ini, takkan mungkin terjadi keadilan menyeluruh dalam pemerintahan tersebut. Katakanlah seseorang itu hendak bawa kereta dengan cermat dan selamat, tetapi dia memandunya di atas lumpur. Bolehkah dia membawa kereta tersebut dengan selamat?

Keadilan yang syumul dan hakiki itu hanya ada dalam Islam Kerana Islam sahaja yang menitikberatkan perihal perasaan-perasaan manusia yang dizalimi, baiknya hati orang-orang yang adil dan hukuman-hukuman untuk orang-orang

zalim dan orang-orang adil serta cara-cara pendidikan yang memungkinkan manusia-manusia berlaku adil. Dengan mendidik manusia mengenal dan mencintai ALLAH serta'mengutamakan Akhirat dan memahami syariat ALLAH, Islam memberi satu dorongan dan tunjuk ajar yang mampu membuatkan manusia berlaku adil.

Ini telah terbukti dalam sejarah, di **zaman Rasulullah,** pemerintahan **Khulafa'ur Rasyidin** dan di zaman Khalifah **Umar Abdul Aziz.** Apa yang dipaparkan oleh sejarah itu bukan sahaja diterima oleh umat Islam, bahkan diakui sendiri oleh para cerdik pandai, sesetengah pemimpin dan sebahagian besar orang-orang yang bukan Islam, yang tidak prejudis kepada Islam dan umat Islam.

Sedangkan dalam ajaran-ajaran lain apalagi dalam ideologi-ideologi bikinan manusia sama ada komunisme, kapitalisme, sosialisme, nasionalisme, feudalisme dan lain-lain isme lagi, tidak terjumpa oleh kita bagaimana cara-cara menuju keadilan untuk panduan manusia-manusia yang memang dilahirkan lebih cenderung hatinya kepada kezaliman itu. Dan tidak ada golongan yang mengiktiraf keadilan mereka walaupun bangsa mereka sendiri. Kerana ia tidak memberi satu pendorong dan pengawal yang betul-betul mampu mendisiplinkan manusia untuk berlaku adil.

Buktinya, lihat saja betapa kezaliman yang dilakukan oleh pembesar-pembesar dunia hari ini, yang terdiri daripada mereka yang menganut dan gigih memperjuangkan ideologi-ideologi rekaan manusia itu. Diakui oleh dunia sekalipun seorang ateis, bahawa hanya Al Quran dan tidak selainnya yang mampu memandu manusia kepada sebuah sistem yang adil. Yang mengambil kira semua jenis hati manusia sekalipun si fakir miskin. Mengambil kira perasaan, fikiran, keperluan, keinginan kemahuan, kehendak-kehendak dan fitrah manusia-manusia seluruhnya. Bukan untuk satu-satu puak atau kelompok sahaja.

Al Quran saja yang mampu membawa kaedah yang dengannya semua manusia termasuk raja dan rakyat jelata,

merasa diadili, memperolehi hak-hak mereka dan beroleh bahagia. Bukan raja saja dan tidak rakyat saja. Al Quran memberi panduan yang mampu membuat seluruh manusia terbela dunia dan Akhiratnya. Ini ada bukti sejarahnya di zaman gemilang Islam dulu. Dan sejarah ini insya-Allah akan berulang kerana Islam mampu untuk bangkit sekali lagi. Sedangkan ideologi-ideologi ciptaan manusia ini sesudah dicuba, ternyata zaman gemilang dan kebesarannya penuh dengan penindasan dan kekejaman serta penentangan dan dendam kesumat dari rakyat di bawah jajahan takluknya serta dibenci manusia di dunia. Bahkan rakyat yang sebangsa dengan bangsa yang berkuasa itu pun membenci pemerintah mereka. Hingga akhimya pemerintah dikuburkan oleh orang-orangnya sendiri. Dan sesudah itu tidak bangun-bangun lagi. Komunis di Rusia terkubur sesudah lebih 70 tahun berkuasa. Nasionalis, sesetengahnya sedang sakit dan ada pula yang sedang nazak di negara masing-masing. Demikian juga sosialisme dan kapitalisme. Sedangkan Islam sedang mengembang kembali di umur 1400 tahunnya. Sekarang manusia sedang mula mencari Islam kembali terutama di sebelah Timur ini, sesuai dengan apa yang dijanjikan oleh Rasulullah SAW.

Memang Islam dan hanya Islam yang mengajarkan keadilan secara syumul dan hakiki. Sebab itu, pemerintah yang mahu berlaku adil seadil-adilnya, mesti menerima Islam sebagai dasar ptrlembagaan pemerintahannya. Al Quran dan Hadis mesti diambil sebagai kitab rujuk dalam segala aspek hidup. Dalam mengatur pendidikan, dalam melantik pemimpin dan pegawai tadbir, dalam menyusun ekonomi dan lain-lain lagi.

Perkara ini mesti ditiru terutama apa yang dibuat oleh Rasulullah dan Khulafa'ur Rasyidin serta Sayidina Umar Abdul Aziz. Yang pada zaman merekalah Al Quran dan Hadis terlaksana secara syumul dalam seluruh sistem hidup mereka dan masyarakatnya. Tiru bagaimana mereka bergaul dengan masyarakat. Adakah mereka bermewah-mewah lebih dari rakyat? Adakah mereka mengambil harta baitul ma1 (harta

negara) untuk kepentingan diri dan keluarganya hingga berlebih-lebihan seperti yang telah dibuat oleh pemerintah-pemerintah di dunia hari ini? Bagaimana mereka melayan kehendak-kehendak rakyat? Bagaimana mereka menerima teguran rakyat? Mereka tidak berdendam dan tidak cari-cari pasal untuk hukum rakyat.

Keadilan menyeluruh ini hanya mungkin dilakukan sekiranya keadilan yang asas itu dilaksanakan. Yakni dengan mengambil Al Quran dan Hadis dengan meniru kehidupan Rasulullah sebagai dasar, teknik dan matlamat dalam berekonomi, melaksanakan sistem pendidikan, dan perlantikan pemimpin, ketenteraan, perubatan, melaksanakan hukum dan lain-lain lagi.

Inilah faktor asas untuk keadilan total dan hakiki dalam pemerintahan. Kalau ini tidak berlaku, nescaya tidak berlaku keadilan yang lebih luas dan merata di semua sudut dan bidang. Sebab segala ajaran sekular ini, tidak memberi panduan untuk melakukan keadilan secara praktis terhadap semua golongan manusia, dan mereka tidak mempunyai dorongan yang kuat. Mereka cuma mampu melaungkan slogan-slogan dan kata-kata muluk tentang keadilan tetapi hakikatnya kosong dari berlaku adil dalam melayani kehidupan manusiawi.

Bila faktor-faktor asas untuk pembinaan pemerintahan adil ini tidak dipedulikan, keadilan yang cuba dibuat walaupun berlaku tetapi tidak menyeluruh dan tidak tepat. Dalam melaksanakan sistem ekonomi secara riba misalnya, memang ada beberapa orang yang merasa bertuah dan terbela. Tetapi ribuan orang lain yang tertindas dan ditimpa malang. Berjudi itu memang ada sekelompok yang bemasib baik tetapi ribuan yang papa kedana.

Dalam pendidikan, pembangunan akal disuburkan tetapi jiwa dibiarkan. Sebab itu kebanyakan orang besar dan orang kaya bunuh diri. Paling tidak sakit jiwa. Bila ada masalah, sulit hendak mengawal perasaan. Emosional tidak dapat dibendung lagi. Manusia pandai membangunkan tamadun ma-

terial tetapi tamadun insaniah yang murni tidak terbangun bahkan hancur lebur. Akibatnya manusia sering berkrisis, tuduh-menuduh, tekan-menekan bahkan berperang. Makin tinggi tamadun material makin runtuh tamadun insaniah. Manusia gila dunia hingga merebut-rebutkannya, tetapi Akhirat dilupakan sama sekali. Kalau ada yang menyebut Akhirat, diketawakan.

Pegawai-pegawai keselamatan konon nak selamatkan orang tetapi mereka pun buat banyak masalah. Doktor-doktor dan jururawat pun ada yang sakit jiwa. Ramai yang melakukan tugas untuk berebut status dan gaji lumayan, bukan lagi untuk perkhidmatan. Sedangkan dalam Islam, jawapan pada semua masalah ini dapat diberikan. Islam bukan saja berslogan tetapi ada dorongan, ada cara dan ada ilmunya bagaimana untuk mengatasi masalah kezaliman atau ketidakadilan yang berleluasa ini.

Para pemerintah mesti tahu bahawa ideologi-ideologi itu tidak mampu untuk membawa manusia melaksanakan keadilan kepada seluruh rakyat. Niat baik untuk adil saja tidak cukup untuk buatkan seorang pemerintah itu adil. Iman, keyakinan, ilmu, cara, akhlak dan macam-macam lagi amat perlu untuk tujuan baik itu. Dan itu semua hanya ada dalam Islam. Tidak dalam selainnya. Ideologi rekaan itu sebenamya tidak mampu untuk mengatasi semua masalah manusia di zamannya. Masakan ia boleh dipakai untuk generasi lain yang masalahnya berlainan? Kerana mereka melihat masalah hanya luar-luaran sahaja. Hanya ALLAH yang boleh menyelesaikan semua masalah kerana Dia yang menjadikan orang dahulu dan orang kemudian.

Para pemerintah janganlah mudah-mudah mengaku bahawa dia sudah melakukan keadilan sedangkan keadilan yang asas tidak ada. Kalau dasar pemerintahannya masih menggunakan perlembagaan sekular oleh otak manusia, ekonomi kapitalis atau sosialis, pendidikan sekular, para pemimpin tidak beriman dan bertaqwa menurut Islam (bukan sekadar pengakuan), polis dan tentera tidak didisiplinkan fikiran dan

jiwa mereka kepada Islam, hanya dilatih fizikalnya sahaja, bagaimanakah keadilan yang menyeluruh boleh berlaku?

Bolehkah kita kelirukan rakyat, konon kita sudah adil? Mungkin boleh tetapi ALLAH dan Rasul tidak boleh 'ditipu. Sebahagian orang Mukmin yang faham juga melihat ketidakadilan yang disembunyikan itu. Bila pemerintah tidak adil, segala sistem lain tidak ada tempat rujuk lagi untuk menemukan keadilan. Sebab itu keadilan pemerintahan sangat dituntut oleh Islam.

B A B T U J U H

Pemerintah Yang Adil

إِنَّآ أَنزَلْنَآ إِلَيْكَ ٱلْكِتَٰبَ بِٱلْحَقِّ لِتَحْكُمَ بَيْنَ ٱلنَّاسِ بِمَآ
أَرَىٰكَ ٱللَّهُ ۚ وَلَا تَكُن لِّلْخَآئِنِينَ خَصِيمًا

Sesungguhnya Kami telah menurunkan Kitab kepadamu dengan membawa kebenaran, supaya kamu mengadili antara manusia dengan apa yang telah ALLAH wahyukan kepadamu, dan janganlah kamu menjadi penentang kerana membela pengkhianat.

(An Nisa': 105) .

DUNIA merindui pemerintah yang adil, kerana hanya pemerintah yang adil saja yang dapat membawa perpaduan, keamanan, kedamaian, kemakmuran serta pengampunan Allah kepada penghuni dunia ini. Hari ini dunia tidak aman, tidak ada perpaduan, tidak ada kemakmuran yang menyeluruh dan jauh sekali dari mendapat keampunan ALLAH. Mengapa saya katakan dunia kini tidak ada perpaduan, tidak ada keamanan, tidak ada kemakmuran dan tidak diampunkan oleh ALLAH?

Sebab kalaulah dunia ini aman kerana dipimpin dan dididik oleh pemerintah yang adil, yang melahirkan manusia yang hidup di dalamnya penuh dengan keimanan, ketaqwaan, ketenangan, kelegaan, kepuasan dan kebahagiaan, ia sudah tentu sunyi dari kegelisahan, krisis, ketegangan, kesempitan dan penderitaan. Manusia dari semua lapisan dan golongan saling

berkasih sayang, bertolong bantu, hormat-menghormati, bertolak-ansur, maaf-bermaafan, bekerjasama, boleh duduk bersama dan doa-mendoa. Ini kerana hati manusia sudah dibersihkan oleh pemimpin atau pemerintahnya atau melalui pendidikan, dari segala hasad dengki, dendam, sombong, bakhil, tamak, gila dunia, gila puji, gila pangkat dan lain-lain lagi. Bila hati tidak kotor lagi, manusia jadi orang-orang yang merendah diri sesamanya, pemurah, pemaaf, berkasih sayang, bertolak-ansur, mencintai kebenaran dan memburu kebaikan. Alangkah tenang dan amannya dunia ini waktu itu. Yakni mengulangi sejarah kehidupan generasi salafussoleh.

Saya katakan dunia kini tidak makmur kerana manusia sedang merasakan tidak cukup dengan segala apa yang ada padanya. Orang kaya pun merasa tidak cukup dan tidak puas. Apalagi orang miskin. Orang yang memiliki berpuluh-puluh buah banglo mewah pun tidak puas-puas. Orang yang bergaji besar pun masih tidak cukup dengan gajinya. Hampir tidak ada seorang pun manusia kini yang sudah tidak mahu ambil apa-apa lagi dari harta dunia ini.

Sebab itu tabung-tabung kebajikan dan baitul ma1 kosong. Sedangkan dalam masyarakat yang makmur, yang pernah wujud dulu itu, di bawah pemerintah yang adil, semua orang berebut-rebut mengisi tabung kebajikan dan baitul ma1 terutama orang kaya. Mereka lebih suka memberi daripada menerima. Sebab itu negara dan masyarakat jadi begitu makmur dengan harta yang berlebihan dalam tabung-tabung kepunyaan masyarakat. Individu-individunya merasa kaya, cukup dan puas dengan apa yang ada.

Hari ini kalau manusia boleh berubah menjadi orang-orang yang suka memberi dari menerima, cukup dengan harta yang sedikit, apatah lagi harta yang banyak, tentunya segala kekayaan individu akan jadi milik masyarakat, memenuhi tabung-tabung kebajikan dan baitul mal. Tidak akan ada yang terlalu kaya dan tidak ada yang terlalu miskin. Semua merasa cukup keperluannya dan kemakmuran negara terasa dan dikecapi oleh semua. Hari ini orang yang paling kaya pun

tidak rasa cukup kerana hatinya dengan ALLAH dan pautan pada Akhirat telah terputus sama sekali.

Mana ada negara di dunia hari ini yang ada padanya harapan pengampunan dari ALLAH? Sedangkan syarat ini penting sekali dipenuhi oleh sesebuah negara demi tercapainya negara yang bersih dari sebarang maksiat dan mungkar. Selagi negara itu belum dapat mengawal dan membersihkan sebarang maksiat dan mungkar, bolehkah dibanggakan negara itu sebagai negara yang baik? Bolehkah pemerintahnya disebut sebagai pemerintah yang adil?

Demi tercapainya sebuah negara yang aman, makmur dan mendapat keampunan ALLAH inilah maka kita amat memerlukan pemerintah yang adil. Erti adil itu apa? Adil mengikut pengertian biasa dan mengikut istilah bahasa ialah meletakkan sesuatu pada tempatnya. Misalnya kopiah dipakai di kepala, kasut dipakai di kaki, itulah adil namanya. Tapi kalau kasut dijunjung, kopiah dipijak, itu tidak adil namanya atau tidak cocok dan tidak kena tempatnya. Demikianlah seterusnya.

Namun dalam konteks pemerintah yang adil, keadilan tidak lagi boleh disandarkan pada pengertian menurut istilah bahasa atau pengertian biasa yang tersebut itu. Sebab ia tidak cukup luas untuk menutup seluruh bidang dan gelanggang pemerintah dalam negara.

Pengertian adil menurut syariat Islam ialah menjalankan hukum-hakam ALLAH pada sebarang tindak-tanduk, pembangunan, percakapan dan hukuman (yang hendak dijatuhkan kepada pesalah). Dengan kata lain, keadilan itu terbahagi kepada beberapa bahagian:

1. Menjalankan aktiviti dalam semua tindak-tanduk serta dalam semua sistem hidup seperti pendidikan, ekonomi, kesihatan, pertanian, pentadbiran dan lain-lain, selaras dengan syariat Islam.

2. Membentuk atau mendidik insan supaya menjadi hamba dan khalifah ALLAH serta meletakkan mereka tepat

pada tempatnya sesuai dengan kebolehan, kemampuan dan peranan masing-masing. Dan memberi peluang untuk .mereka menyumbangkan kreativiti asalkan tidak melanggar syariat.

3. Menjalankan hukum-hakam ALLAH iaitu hukum hudud, qisas dan ta'zir dalam sebarang hukuman yang hendak dijatuhkan kepada pesalah.

4. Sebarang tindakan dan hukuman syarak itu hendaklah dijalankan kepada sesiapa saja dan pada semua golongan tanpa kecuali termasuk menteri-menteri, raja-raja dan hakim-hakim.

5. Membahagi-bahagikan harta benda negara dan kemudahan untuk rakyat dan pembayaran dengan tepat mengikut keperluan dan tanggungjawab, tanpa pembaziran dan sia-sia.

6. Diri peribadi para pemerintah juga selaku warganegara tidak boleh terkeluar atau terkecuali dari langkah-langkah atau hukum-hukum keadilan yang telah digariskan dalam negara. Pemerintah bukan golongan istimewa terhadap tuntutan-tuntutan melaksanakan hukum-hukum ALLAH. Semua orang sama sahaja di sisi ALLAH sekalipun dia seorang raja, presiden atau perdana menteri. Kalau bersalah mesti dihukum. Kalau tidak bersalah mesti dilepaskan dari hukuman.

Perlu diingat bahawa pemerintah umpama ayah terhadap rakyat. Kalau ayah tidak pernah menuntut apa-apa dari anak-anak yang dibesarkan, demikianlah pemerintah, tidak mencari keuntungan apa-apa dalam menjalankan tanggungjawabnya terhadap rakyat. Juga tidak mengungkit-ungkit jasa mereka kepada rakyat.

Keadilan yang dituntut oleh Islam terhadap orang yang bersedia memikul amanah memerintah negara seperti yang saya senaraikan di atas, dapat dihuraikan seperti berikut:

1. Pemerintah yang adil itu dapat selaraskan semua tindak-tanduk dengan hukum fardhu dan sunat yang telah diten-

tukan oleh ALLAH. Serta dapat hindarkan perkara-perkara yang haram dan makruh. Termasuk dalam tuntutan ini semua kerja-kerja pembangunan di bidang ekonomi, pendidikan, kesihatan, pertanian, kebudayaan, pentadbiran, sosial, politik dan lain-lain lagi. Pemerintah yang gagal menepati syarat ini dikira sebagai pemerintah yang zalim terhadap hukum ALLAH dan segala tindakan dan sumbangannya tidak bernilai di sisi ALLAH.

Sebaliknya pemerintah yang taat pada ALLAH, menegakkan hukum-hukum wajib dan sunat dan menjauhi perkara yang haram dan makruh dalam pemerintahan di semua aspek, dalam melayan rakyat yang berbagai-bagai itu, adalah pemerintah yang berjaya menegakkan hukum dan tamadun Islam. Usaha-usahanya menjadi ibadah. Lagi banyak pembangunan dilakukan ertinya lagi banyak ibadahnya pada ALLAH dan lagi hebat kemajuan dan tamadun berlaku dalam negara. Di Akhirat, pemerintah yang adil ini akan menerima ganjaran pahala yang besar di sisi ALLAH. Layaklah Syurga untuk tempat istirahatnya.

2. Para pemerintah mesti mempastikan semua rakyatnya terdidik dan terpimpin. Rakyat tidak boleh dibiarkan tanpa didikan dan pimpinan. Rakyat yang Islam mesti diasuh dengan iman dan syariat Islam. Mereka mesti diajar tentang dunia dan Akhirat. Yakni supaya sesuai dengan keyakinan mereka bahawa hidup di dunia cuma sementara, hidup di Akhirat yang kekal abadi. Dan kepada rakyat yang bukan Islam mesti diusahakan supaya Islam (selamat) secara berhikmah, bukan dipaksa.

Selama ini dalam pemerintahan-pemerintahan di negara-negara umat Islam di dunia, rakyat yang Islam dibiar untuk hidup memburu dunia semata-mata tanpa memburu Akhirat yang maha tinggi itu. Ilmu dunia diberi setinggi-tingginya tetapi ilmu Akhirat dicatu dan dipersempitkan atau tidak dikisahkan langsung. Akibatnya, umat Islam tidak jadi betul-betul Islam. Rakyat jadi umat yang hanyut dalam jahiliah

sekularisme, hidup tanpa identiti dan tanpa pembangunan tamadun Islam yang gagah dan agung.

Rakyat yang sudah diberi ilmu dunia dan Akhirat,.hendaklah pula disusun atur peranan dan bidang tugas masing-masing di kedudukan yang tepat. Supaya tidak ada rakyat yang tercicir, menganggur, membuang tenaga dan sia-sia. Setiap rakyat mesti ada tugas sesuai dengan profesyennya sebagai sumbangan kepada negaranya di samping mendapat rezeki yang halal.

Pemerintah juga mesti memberi peluang atau kebebasan kepada rakyat untuk berkreativiti, selagi kerja itu tidak bertentangan dengan syariat. Kalau ianya bertentangan dengan syariat, pemerintah mesti tegas menghalangnya. Kerajaan yang membenarkan pertunjukan-pertunjukan maksiat oleh keluarga-keluarga diraja atau oleh pihak yang ada kepentingan kepada mereka atau pihak keluarga, sebaliknya hanya menghalang perkara yang haram itu dari orang-orang bawahan adalah pemerintah yang tidak adil.

3. Pemerintah mesti menjalankan hukum ALLAH. Yakni hukum hudud dan hukum ta'zir. Hukuman-hukuman ini diputuskan oleh mahkamah terhadap pesalah-pesalah tanpa mengira siapakah yang bersalah itu. Sama ada raja atau rakyat jelata, orang kaya atau miskin, berjawatan besar atau berjawatan kecil, semuanya mesti dihukum bila bersalah. Dan semuanya mesti dibebaskan kalau tidak bersalah.

Hukuman-hukuman ALLAH ini adalah hukuman yang adil. Kadar hukumannya tepat dengan kadar kesalahan yang dilakukan. Sebab itu ianya amat berkesan untuk membuatkan pesalah serik dan berhenti dari kesalahannya. Orang yang melihat pun tidak akan berani untuk melakukan kesalahan tersebut. Untuk huraian panjang lebar sila rujuk buku saya *Falsafah Perlaksanaan Hukum Hudud Dalam Masyarakat.*

4. Pemerintah yang adil cukup berhati-hati dalam masalah harta, negara dan rakyat. Harta yang begitu banyak yang

diserahkan padanya, adalah amanah yang mesti dipikul dengan sebaik-baiknya. Harta itu mesti digunakan dan disalurkan dengan sebaik-baiknya tanpa mengambil apa-apa kepentingan. Kita hairan lumrah berlaku, para pemerintah tergamak mengambil gaji yang sangat besar, menimbun Wang di bank-bank dan membuat berbagai-bagai harta seelok mereka jadi orang besar negara.

Lumrah di mana-mana negara di dunia kini, pemerintah dan pembesamya menjadi kaya-raya apabila memegang jawatan tersebut. Seolah-olah jawatan itu satu peluang untuk cari harta benda. Seolah-olah bila jadi pemerintah seseorang berhak untuk mengaut harta negara untuknya. Seolah-olah memerintah itu satu 'bisnes' yang sangat menguntungkan. Atau seolah-olah ladang yang memberi hasil lumayan.

Dalam Islam, seperti yang dipraktikkan oleh **Rasulullah** dan **Khulafa'ur Rasyidin,** pemerintah ialah khadam yang berkhidmat untuk rakyat. Mereka bukan saja tidak mengambil harta rakyat yang diamanahkan, bahkan harta-harta mereka pun dikorbankan untuk kepentingan negara dan rakyat. Mereka hidup lebih zuhud daripada rakyat bahkan mati tidak meninggalkan apa-apa untuk dipusakakan pada waris-warisnya.

Ertinya dalam Islam, kepimpinan atau pemerintahan ialah perjuangan atau lambang khidmat yang membahagi-bahagi dan mengagih-agihkan keperluan untuk membina negara yang aman, makmur dan mendapat keampunan ALLAH, sepertimana yang ALLAH syaratkan. Maka untuk mendapatkannya, pemerintah perlu lakukan segala upaya dan pengorbanan. Mereka mesti buktikan pada ALLAH kejujuran mereka menerima amanah yang besar itu. Kalau mereka gagal bererti mereka tidak lulus dalam ujian, dan hukuman ALLAH amat berat sama ada di dunia atau di Akhirat.

Sebab itu **Sayidina Umar Ibnu Khattab** sewaktu jadi pemerintah, di satu musim kemarau telah bersumpah untuk tidak makan kecuali minyak zaitun dan roti. Beliau tidak mahu rakyatnya susah. Beliau ingin untuk sama-sama menanggung dan

merasai masalah rakyat. Hingga kerana itu, wajahnya jadi kekuningan kerana hanya memakan minyak zaitun.

Hal ini tidak berlaku dalam konsep pemerintahan sekular. Yang para pemerintahnya telah menjadikan tugas kepimpin-an sebagai perlumbaan untuk menjadi kaya-raya. Perihal nasib rakyat dan negara adalah soal berikutnya yang dirasakan tidak akan ada siapa yang akan meminta mereka pertanggungjawab-kan. Maka jadilah di dunia kini si kaya menekan si miskin. Orang besar menelan orang kecil. Negara kaya, kaya sekaya-kayanya; negara miskin, miskin semiskin-miskinnya. Mana ada negara yang betul-betul aman, makmur dan mendapat ke-ampunan ALLAH hari ini? Sekalipun negara yang kaya apa-lagi yang miskin.

Kalaulah pemerintah-pemerintah orang Islam kembali mengamalkan sistem pemerintahan Islam, barulah mungkin umat Islam jadi empayar sekali lagi. Tetapi selagi pemerin-tah hidup kaya-raya, rakyat terbiar, negara berhutang, nasib disandarkan pada musuh, sistem hidup meniru cara Barat, rakyat tidak dididik dengan iman dan Islam, selama itulah negara-negara umat Islam tidak akan bersatu, aman, makmur dan mendapat keampunan ALLAH. Bukan saja tidak boleh jadi negara maju bahkan akan terus dijajah lahir batinnya. Fir-man ALLAH dalam surah Al An'am:

وَهُوَ ٱلَّذِى جَعَلَكُمْ خَلَٰٓئِفَ ٱلْأَرْضِ وَرَفَعَ بَعْضَكُمْ فَوْقَ
بَعْضٍ دَرَجَٰتٍ لِّيَبْلُوَكُمْ فِى مَآ ءَاتَىٰكُمْ إِنَّ رَبَّكَ سَرِيعُ
ٱلْعِقَابِ وَإِنَّهُۥ لَغَفُورٌ رَّحِيمٌ

*Dan DIA-lah yang menjadikan kamu penguusa-pengua-sa di bumi dan Dia meninggikan sebahagian kamu dari sebahagian yang lain beberapa darjat untuk menguji-*mu *tentang apa yang diberikan-Nya padamu. Sesung-guhnya Tuhanmu amat cepat seksaan-Nya dan sesung-guhnya Dia Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.*

(Al An'am: 165)

5. Pemerintah dan keluarga mereka tidak boleh dikecualikan dari segala peraturan dan hukuman dalam negara. Rasulullah pemah bersabda:

لَـوْ أنَّ فَـاطِمَـةَ بِنْـتَ مُحَمَّـدٍ سَرَقَتْ لَقَطَعْتُ يَدَهَا

Kalaulah Fatimah anak Muhammad mencuri, pasti kupotong tangannya.

(Riwayat Muslim)

Sabda Rasulullah lagi,

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللّٰهُ عَنْهُمَا أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ صَلَّى اللّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ أَتَشْفَعُ فِيْ حَدٍّ مِنْ حُدُوْدِ اللهِ ، ثُمَّ قَامَ فَخَطَبَ فَقَالَ: أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّمَا أَهْلَكَ الَّذِيْنَ مِنْ قَبْلِكُمْ أَنَّهُمْ كَانُوْا إِذَا سَرَقَ فِيْهِمُ الشَّرِيْفُ تَرَكُوهُ ، وَاذَا سَرَقَ فِيْهِمُ الضَّعِيْفُ أَقَامُوْا عَلَيْهِ الْحَدَّ

Dari Aisyah r.ha bahawa Rasulullah SAW bersabda: *Apakah kamu meminta kecuali dari hukuman hudud?* Kemudian baginda bangun lalu berkhutbah, sabdanya: *Wahai manusia, sesungguhnya hinasa mereka yang sebelum kamu ialah kerana apabila orang ternama di kalangan mereka mencuri didiamkan saja, tapi apabila orang bawahan mencuri lalu dihukum hudud.*

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

Maknanya dalam Islam siapa saja yang bersalah mesti dihukum dengan seimbang, sekalipun ia dari keluarga diraja atau dari keluarga pemerintah. ALLAH bet-fir-man lagi dalam surah Al An’am:

وَإِذَا قُلْتُمْ فَاعْدِلُوا وَلَوْ كَانَ ذَا قُرْبَىٰ وَبِعَهْدِ ٱللَّهِ أَوْفُوا

Dan apabila kamu berkata maka hendaklah kamu berlaku adil kendatipun dia adalah kerabatmu dan penuhilah janji ALLAH (perintah-perintah-Nya).

(**Al** An'am: 152)

Pemerintah yang melindungi dirinya, keluarga, klik-kliknya dan golongan diraja dari hukuman adalah pemerintah yang tidak adil dan tidak jujur dalam menegakkan kebenaran dan kebaikan. Sebab membiarkan pesalah tanpa dihukum sebenamya membenarkan dia terus jahat dan terbiar (tidak dididik). Selain dari itu, rakyat yang terhukum, akan sentiasa tidak puas hati kerana ada orang lain yang juga bersalah tapi dilepaskan atau dilindungi dari hukuman hanya kerana dia dari keluarga pemerintah atau keluarga diraja. Hal ini membuatkan rakyat jadi liar dan tidak puashati dengan pemerintah. Bila keadaan-keadaan ini berlaku dalam sebuah negeri atau negara, hilanglah barakahnya dan berlakulah bermacam-macam masalah yang tidak dapat dikawal.

Menurut Islam, sebuah pemerintahan yang tidak adil, akan jatuhlah ia kepada salah satu hukum fasiq, zalim atau kafir. Bergantunglah kepada bentuk-bentuk atau sebab-sebab penolakan mereka kepada hukum-hukum ALLAH. Namun dalam ha1 ini, perlu saya ingatkan bahawa dalam Islam, hukum fasiq, zalim dan kafir ini bukan sahaja ditujukan kepada pemerintah yang menolak hukum ALLAH. Tetapi siapa juga kalau menolak hukum ALLAH sama ada dalam diri, rumahtangga atau jemaah, jatuhlah ia ke dalam salah satu hukuman itu.

Rakyat juga tidak boleh mengata-ngata pada pemerintah yang tidak adil saja. Kerana pemerintah itu naik dari rakyat. Bagaimana rakyat, begitulah pemerintah. Sebaik-baiknya kedua-dua rakyat dan pemerintah taat pada ALLAH, barulah terbentuk keadilan yang sempurna. Berjayanya Khulafa'ur Rasyidin melaksanakan pemerintahan yang adil adalah kerana rakyat mereka secara umum orang-orang soleh dan solehah. Yakni orang yang berlaku adil pada diri masing-masing.

Rakyat sangat membantu dalam menjalankan atau mengingatkan pemerintah kepada keadilan. Sebab itu pemah seorang pemerintah bemama Makmun mengingatkan rakyatnya:

> "Kamu meminta aku menjalankan pemerintahan yang adil seperti yang dilakukan oleh **Sayidina Abu Bakar** dan **Sayidina Umar.** Maka untuk itu kamu sendiri hendaklah menjadi sebagaimana rakyat kedua-duanya yakni rakyat yang baik."

Ya, rahsia utama untuk membangunkan pemerintahan yang adil adalah mengusahakan taqwa di pihak pemerintah dan rakyat. Sebab itu, bagi mereka yang merindukan negara adil, aman, makmur dan mendapat keampunan ALLAH, taqwa mesti disediakan sebagai tapaknya oleh pemerintah dan juga rakyatnya.

BAB LAPAN

Keadilan Yang Lebih Halus

فَلَمَّا نَسُوا۟ مَا ذُكِّرُوا۟ بِهِۦٓ أَنجَيْنَا ٱلَّذِينَ يَنْهَوْنَ عَنِ ٱلسُّوٓءِ
وَأَخَذْنَا ٱلَّذِينَ ظَلَمُوا۟ بِعَذَابٍۭ بَـِٔيسٍۭ بِمَا كَانُوا۟ يَفْسُقُونَ

Maka tatkala mereka melupakan apa yang diperingatkan kepada mereka, kami selamatkan orang yang melarang dari perbuatan jahat dan kami timpakan kepada orang-orang yang zalim seksaan yang keras, disebabkan mereka selalu berbuat fasiq.

(Al A'raf: 165)

SETELAH saya bahaskan ciri-ciri penting mengenai keadilan dan ketidakadilan seseorang terutama bagi seorang pemerintah atau pemimpin, maka supaya lebih kelihatan pentingnya keadilan itu dalam kehidupan bermasyarakat menurut Islam, berikut saya akan bahaskan pula tentang keadilan yang lebih halus lagi. Yakni keadilan yang diukur dari segi moral atau kesopanan. Kerana dalam Islam ini, perkara yang halus dihaluskan lagi. Yang sudah kena diperkemaskan lagi. Ini atas dasar bahawa ALLAH itu cantik dan Ia sukakan kecantikan. Bahawa adanya perbuatan-perbuatan seseorang yang tidaklah berdosa tetapi orang itu masih dianggap tidak adil menurut hukum feqah (syariat Islam), ditimbang dari segi perasaan atau mengikut moral atau kesopanan dari fitrah yang sejahtera.

Ertinya dalam Islam ini, orang-orang yang dikatakan tidak adil itu bukan saja mereka yang jelas melakukan perkara-

perkara haram dan meninggalkan suruhan ALLAH atau menganiaya dan menzalim makhluk ALLAH, yang ianya dibenci oleh ALLAH. Tetapi ada beberapa perbuatan yang tidak haram dilakukannya, sebaliknya kalau dibuat, maka ia dikira ternafi keadilannya. Walhal perkara itu bukannya jatuh kepada dosa.

Erti lanjutannya, bahawa pemerintah yang adil, hakim yang adil, saksi yang adil dan lain-lain itu, bukan saja kerana mereka tidak melakukan perkara yang haram dan meninggalkan yang wajib. Tetapi juga kerana mereka tidak melakukan perkara-perkara fasiq yang kecil atau menjatuhkan maruah. Siapa yang melakukannya (sekalipun tidak berdosa) maka dikatakan tidak adil. Maka tidak layaklah ia menjadi saksi dalam sebarang kes, atau jadi hakim dan jadi pemimpin dan pemerintah. Dalam perbahasan ilmu feqah, orang-orang ini dikatakan fasiq atau orang yang tidak menjaga maruah diri sendiri.

Adapun mengapa perkara-perkara yang tidak berdosa itu dikatakan perbuatan zalim pada diri sendiri, kerana kesan dari perbuatan itu, orang tersebut tidak diyakini atau keyakinan orang lain terhadapnya akan hilang. Atau orang ramai menganggap orang seperti itu kurang berhalus dalam disiplin hidup atau kurang bermaruah dan bersopan hingga orang ramai kurang memberi kepercayaan. Bila seseorang itu tidak diyakini untuk diberi kepercayaan atau amanah, maka dia dikatakan fasiq atau menzalimi diri. Sebab syariat mengambil kira perasaan umum manusia terhadap seseorang dalam menetapkan kedudukan seseorang. Sebab itu seorang yang sikap dan tindak-tanduknya sampai menghilangkan kepercayaan dan keyakinan orang ramai padanya, walaupun di sisi ALLAH dia tidak berdosa, tetapi syariat tidak melayakkan dia diterima menjadi wali nikah, saksi nikah dan sebarang saksi seperti penyaksian zina, nampak anak bulan Ramadhan atau 1 Syawal, walaupun dia berkata benar.

Syariat menetapkan orang-orang begini kalau jadi wali nikah, tidak sahlah nikah itu. Kalau seratus orang seperti ini

berkumpul melihat anak bulan untuk menentukan hari memulakan puasa Ramadhan atau 1 Syawal, tidak boleh diterima kesaksiannya kecuali untuk mereka sendiri. Tuan hakim tidak boleh terima kesaksiannya walaupun dia benar.

Di antara contoh perkara-perkara yang tidak berdosa yang dilakukan oleh seseorang tetapi membuatkan dia dikatakan menzalimi diri atau fasiq atau temafi keadilannya hingga dia dianggap berperangai kurang sopan, ialah:

1. Orang yang berjalan tidak menutup kepala (tanpa serban atau kopiah atau songkok).

Perkara ini mungkin sensitif disebutkan di zaman ramai orang yang tidak menutup kepala ini. Kalau dengan perkara ini seseorang itu dikatakan tidak adil hingga hilang kepercayaan orang padanya, mungkin ramai yang menafikannya. Untuk membenarkan ketentuan syariat ini di sudut rasional, saya hujahkan begini:

Waktu dalam masjid, ketika mahu memilih imam untuk sembahyang jemaah, siapa yang makmum suka? Orang yang macam mana yang ditonjolkan untuk menjadi imam? Orang yang berkopiah atau berserban ataukah orang yang bergondo1 kepala, yakni tidak berkopiah atau tidak berserban? Saya yakin bahawa pada pendapat umum umat Islam, walaupun tidak salah orang bergondol itu, tetapi orang ramai suka orang yang tutup kepala itulah yang menjadi imam. Walaupun di sisi ALLAH mungkin orang yang tidak tutup kepala itu yang lebih baik, tetapi umum manusia merasakan orang berserban atau berkopiah itulah yang lebih manis atau sopan untuk menjadi imam.

Demikianlah yang saya maksudkan. Bahawa psikologi atau fitrah manusia lebih yakin kepada orang yang menutup kepala sekalipun tidaklah dikatakan orang yang tidak tutup kepala itu tidak baik. Demikian juga orang yang berseluar ketat.

2. Orang yang berjalan tanpa kasut (kecuali kerana miskin hingga tidak mampu membeli kasut).

Apa rasa anda apabila melihat seseorang yang tidak berkasut di jalan raya? Umum merasakan orang itu mungkin tidak siuman atau dikatakan hidupnya tidak menentu. Akan hilang keyakinan orang padanya untuk dijadikan wali atau saksi atau hakim atau untuk diamanahkan sesuatu. Sebab itu syariat mengkategorikan orang itu fasiq atau menzalimi diri atau tidak adil.

3. Orang yang ke tandas dengan tidak menutup kepala atau tidak pakai alas kaki. Hal ini pun umumnya bukan budaya orang Melayu. Jadi tentu ramai yang malu menafiiannya. Cuma dalam Islam, hal begitu sangat diberi perhatian. ALLAH benci seseorang yang tidak berkasut dan tidak tutup kepala ke tandas. Kerana kepalanya itu akan dilumur dengan najis oleh syaitan. Sebab itu syariat menetapkan orang ini sekalipun tidak berdosa tetapi telah menzalimi dirinya sendiri. Orang begini kesaksiannya diragui ketepatannya dan keadilannya.

4. Orang yang bertabiat suka atau selalu duduk-duduk di kedai-kedai kopi hingga jadi semacam amalan tetap. Berbual-bual kosong, berbual perkara-perkara yang harus tanpa tujuan dan habiskan masa dengan sia-sia. Orang ini taklah salah, yakni tidak berdosa tetapi dianggap tidak berdisiplin atau tak sopan atau tidak manis tabiatnya. Orang begini biasanya kurang dihormati dan kurang diyakini. Dia dikatakan tidak adil pada dirinya. Kerana manusia yang baik dan bermaruah itu tidak begitu hidupnya. Begitulah perasaan orang ramai.

Termasuk dalam kumpulan ini orang yang selalu duduk-duduk tanpa tujuan di depan panggung wayang atau di pasar-pasar atau di tepi-tepi jalan yakni tempat-tempat yang boleh menimbulkan fitnah. Umum merasakan tempat yang tersebut tidak mulia. Kecuali orang-orang yang memang ada keperluan di sana seperti berniaga, berdakwah, membeli-belah, menjaga keselamatan dan lain-lain keperluan yang dibenarkan.

5. Orang yang suka berlengging (tidak berbaju) di depan

ramai atau di luar rumah atau di tepi-tepi jalan. Walaupun orang ini tidak buka aurat, yakni tidak berdosa tetapi perbuatannya tak berbaju di depan orang apalagi di luar rumah adalah tidak sopan atau tidak senonoh. Orang begini temafi keadilannya.

6. Orang yang kencing berdiri dan makan berdiri atau makan berjalan-jalan. Perbuatannya tidaklah salah tetapi syariat dan fitrah murni memandang tidak manis.

Itulah dia di antara perkara-perkara tidak haram yakni tidak berdosa, tetapi kalau dijadikan tabiat, seseorang itu akan jatuh fasiq atau zalim pada dirinya. Orang ini temafi keadilannya.

Kalaulah hal-ha1 itu pun Islam sudah tolak perkataan atau orangnya, cubalah kita bayangkan perihal seorang yang membangunkan ekonomi riba, perlembagaan sekular, bina patung, benarkan judi, tinggal sembahyang, tinggal puasa, dedah aurat, songlapkan Wang negara, tipu Wang rakyat, rasuah, judi, zina dan lain-lain kemungkaran lagi. Tentunya orang ini lebih-lebih tidak adil dan lebih-lebih tidak layak untuk menjadi pemerintah, hakim, jadi sebarang saksi atau jadi mufti (tidak boleh diterima fatwanya).

Tetapi kerana di dunia ini sudah tidak ada lagi orang yang adil, maka atas keadaan dharuri, kita kena terimalah pemerintah yang tidak cukup syarat. Sebab dalam Islam, lebih baik ada pemimpin yang tidak adil daripada langsung tidak ada pemimpin. Bagaimanapun umat Islam perlu berusaha untuk menyempumakan syarat-syarat ini supaya berlaku perubahan ke arah pemerintahan yang lebih adil dari itu. Walaupun tidak sempuma keadilannya tetapi sekurang-kurangnya dia lebih adil dari pemerintah dharuri yang zalim tadi.

B A B   S E M B I L A N

Tanda-tanda Pemerintahan Yang Zalim

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ ءَامِنُوا۟ بِٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ وَٱلْكِتَٰبِ ٱلَّذِى
نَزَّلَ عَلَىٰ رَسُولِهِۦ وَٱلْكِتَٰبِ ٱلَّذِىٓ أَنزَلَ مِن قَبْلُ ۚ وَمَن
يَكْفُرْ بِٱللَّهِ وَمَلَٰٓئِكَتِهِۦ وَكُتُبِهِۦ وَرُسُلِهِۦ وَٱلْيَوْمِ ٱلْءَاخِرِ فَقَدْ
ضَلَّ ضَلَٰلًۢا بَعِيدًا

Wahai orang yang beriman, tetaplah beriman kepada Allah dan Rasui-Nya dan kepada Kitab yang Allah turunkan kepada Rasui-Nya, serta Kitab yang Allah turunkan sebeiumnya. Barangsiapa yang kafir (engkar) kepada Allah, maiaikat-maiaikat-Nya, kitab-kitab-Nya, rasul-rasul Nya dan Hari Akhirat, maka sesungguhnya mereka telah sesat sejauh-jauhnya.

(An Nisa': 136)

SEBENARNYA untuk mengetahui sesebuah pemerintahan itu adil atau zalim, kita boleh melihat tanda-tanda pada zahimya. Kalau hal-hal yang zalim lebih banyak daripada yang adil, itulah dia pemerintah dan masyarakat yang zalim. Sebaliknya jika kebaikan dan keadilan jauh lebih banyak daripada kekejaman dan penzaliman, maka mirip kepada adillah kerajaan itu. Dalam bab ini saya akan senaraikan ciri-ciri penting bagi sebuah pemerintahan yang zalim. Perkara-perkara utama yang

menjadi tanda-tanda zalimnya sesebuah pemerintahan adalah seperti berikut:

1. Tidak mengambil Al Quran dan Hadis sebagai dasar perlembagaan dan pemerintahan negara. Hal ini sudah disebut dalam bab *‘Asas-Asas Keadilan Dalam Sebuah Pemerintahan’* atau *‘Keadilan Yang Lebih Halus’.* Bahawa sebuah pemerintahan umat Islam yang menolak Al Quran dan Hadis dalam persoalan kehakiman, ketenteraan, pendidikan, ekonomi, pentadbiran, kesihatan, politik, sosial, diplomatik dart serba-serbi aspek hidup masyarakat, maka itulah dia sebab-sebab awal untuk terjadinya segala macam penzaliman dalam negara.

Fit-man ALLAH:

وَكَتَبْنَا عَلَيْهِمْ فِيهَآ أَنَّ ٱلنَّفْسَ بِٱلنَّفْسِ وَٱلْعَيْنَ بِٱلْعَيْنِ
وَٱلْأَنفَ بِٱلْأَنفِ وَٱلْأُذُنَ بِٱلْأُذُنِ وَٱلسِّنَّ بِٱلسِّنِّ
وَٱلْجُرُوحَ قِصَاصٌ ۚ فَمَن تَصَدَّقَ بِهِۦ فَهُوَ كَفَّارَةٌ
لَّهُۥ ۚ وَمَن لَّمْ يَحْكُم بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلظَّٰلِمُونَ

Dan Kami telah tetapkan terhadap mereka di dalamnya (Taurat) bahawasannya jiwa dibalas dengan jiwa, mata dengan mata, hidung dengan hidung, telinga dengan telinga, gigi dengan gigi dan luka-luka juga ada qisasnya. Maka siapa yang mengikutnya terlepaslah dari dosa, dan sesiapa yang tidak mahu menghukum sebagaimana yang diturunkan maka mereka itu tergolong sebagai orang zalim.

(Al Maidah: 45)

Mahkamah sivil dibezakan dari mahkamah syariah sedangkan hukum hudud, ta’zir dan qisas yang ada dalam Al Quran itu adalah sebaik-baik kaedah dalam menjatuhkan hukuman kepada pesalah. Lihatlah apa yang terjadi dalam negara

yang mengambil sebahagian dari isi kitab dan menolak yang lainnya, penjara tidak pemah kosong. Bahkan penjara bertambah besar kerana orang bersalah semakin bertambah ramai. Ertinya, hukuman itu gagal menepati fungsinya untuk mengawal kebaikan dari dirosakkan oleh kejahatan. Sedangkan kejahatan menjadi-jadi dan bertambah-tambah. Ertinya, pemerintah gagal menjadikan rakyatnya baik.

Sistem pendidikan sekular yang memperkecilkan agama dant Akhirat temyata mengeluarkan hasil-hasil (produk) yang menyakitkan hati. Lulusan-lulusan dari sistem ini serta mereka yang sedang diproses dalam sistem sekular ini adalah insan-insan yang kebanyakannya bukan lagi bersifat manusia ataupun mereka sudah jadi separuh manusia separuh haiwan. Perasaan mereka sungguh kejam. Tindakan mereka penuh kepentingan diri, dan ukhuwah (perpaduan) terbarai sama sekali. Inilah yang terjadi di dalam dunia golongan elit dan dalam dunia orang-orang yang tercicir. Penuh sombong, tekan-menekan, di pihak lain penuh dendam, kecewa dan lain-lain lagi. Sistem ekonomi kapitalisme yang diterima, begitu dahsyat merosakkan manusia. Hal ini saya huraikan secara khusus dalam bab *'Ketidakadilan Dalam Ekonomi'*.

Ini semua tanda-tanda yang jelas di depan mata kita, berlaku dalam negara-negara yang menolak Al Quran dan Hadis sebagai sistem hidup mereka.

2. Kelompok pemerintah dari raja atau presiden atau perdana menteri hinggalah ke menteri-menteri dan wakil-wakil rakyatnya, adalah perompak-perompak terhormat yang mengaut kekayaan rakyat untuk menjadikan mereka kaya-raya hasil menyertai politik. Rumah-rumah dibesarkan bilangan dan saiznya, harta makin banyak, kereta makin mewah dan lain-lain lagi. Harta negara digunakan untuk peribadi mereka dan konco-konconya sebanyak 90%. Cuma 10% saja untuk rakyat. Inilah kezaliman. Kalau ditegur oleh rakyat akan kezaliman ini, rakyat itu akan dihukum, diboikot dan diapa-apa sajakan.

Pemerintah yang katanya Islam itu, sembahyang dan fardhu ainnya pun tidak beres. Ke masjid jarang tapi ke disko, tempat perjudian dan kelab malam selalu. Jumpa rakyat di majlis-majlis rasmi saja terutamanya waktu-waktu genting dengan ada udang di sebalik batu. Merunduk atau mendidik rakyat dengan kasar, melalui ugut-ugutan atau diumpan dengan Wang, bukan dengan iman, taqwa, ilmu, ukhuwah, lemah-lembut dan kasih sayang.

Rakyat yang tidak satu parti dengannya dianaktirikan, dikecualikan dari keistimewaan subsidi, biasiswa, pinjaman dan lain-lain kemudahan lagi. Kesalahan puaknya tidak dihukum bahkan cuba disorok-sorokkannya. Kecuali yang tidak dapat dielakkan. Tetapi kesalahan rakyat, apalagi rakyat yang tidak sebulu dengannya, dicari-cari dan dibesar-besarkan untuk dihukum. Adakalanya yang tidak salah pun cuba hendak disalahkan.

Keluarga para pemerintah dan wakil rakyat yang sepatutnya menjadi model baik untuk dicontohi oleh rakyat di sudut ibadah, akhlak, pemurah dan lain-lain sifat mahmudah lagi, sebaliknya merupakan sasaran kebencian dan hasad dengki rakyat. Akhlak dan ibadah tidak jadi contoh, sebaliknya kebarat-baratan atau setengahnya lebih Barat dari orang Barat sendiri.

Tanda-tanda yang saya sebut ini adalah umum terjadi di mana-mana negara umat Islam. Saya tidak nafikan adanya segelintir yang baik.

3. Siaran-siaran radio dan televisyen serta isi kandungan majalah, 95% adalah maksiat. Memang ada yang baiknya tetapi cuma dalam kadar 5% sahaja.

4. Terdapat binaan tugu-tugu dan patung-patung dalam negara, yang tugu-tugu dan patung-patung tersebut dibesar-besarkan.

5. Muzik-muzik haram, tari-menari, bergaul bebas, panggung-panggung wayang lucah, mengangkat sembah, pen-

dedahan aurat, arak, judi, zina dan lain-lain lagi dibenarkan berleluasa secara legal atau secara adat atau secara tidak dikawal.

6. Waktu-waktu sembahyang, masjid kosong. Majoriti manusia berkeliaran di luar masjid dengan segala bentuk urusan duniawi.

7. Peminta sedekah, fakir miskin, anak yatim, orang-orang tua dan janda-janda disisihkan. Mereka merupakan golongan terbuang yang hidup penuh sengsara dan kesusahan. Tidak ada pembelaan yang tepat dan serius untuk jasmani dan rohani mereka. Haiwan-haiwan di zoo dan pokok-pokok kayu lebih diberi perhatian dari mereka ini. Seolah-olah mereka tidak berguna dan ditempatkan di tempat yang paling bawah. Sedangkan Islam sangat memuliakan orang ini.

8. Banyak projek yang sia-sia atau membazir, dengan menggunakan Wang berjuta-juta seperti membesar dan memperbanyakkan padang golf untuk segelintir orang-orang besar dan kaya sahaja. Sedangkan projek-projek yang lebih asasi dan manusiawi tidak diusahakan sungguh-sungguh atau dibuat secara acuh tak acuh sahaja seperti projek perumahan rakyat dan industri rumah (home industry) untuk meningkatkan pendapatan rakyat bawahan dan lain-lain lagi.

9. Polis dan tentera konon tugasnya untuk menjaga keamanan tetapi merekalah yang banyak buat rakyat tidak aman. Seperti menakut-nakutkan, merampas sesuka hati, menahan sesuka hati dan sebagainya. Memang ada kebaikan yang dibuatnya tetapi peratus zalimnya lebih tinggi.

10. Para pemimpin daripada parti yang memerintah lebih kaya daripada parti sendiri.

11. Keadaan tidak aman, krisis parti dengan parti dan sesama ahli parti, anak menderhakai ibu ayah, isteri menderhakai suami, murid menderhakai guru, pengikut tidak taat, rakyat jadi korban raja, benci-membenci, tuduh-menuduh dan

lain-lain lagi, semuanya gara-gara penzaliman yang kronik yang tidak dapat dikawal lagi. Pentadbiran sudah cukup lemah untuk membendung ini semua.

12. Rakyat jelata atau golongan yang tidak mengikut parti pemerintah, apabila mereka difitnah atau dituduh, mereka tidak dapat peluang untuk membela diri sama ada melalui ceramah umum, di mahkamah, di radio, suratkhabar, majalah atau tv. Tetapi sebaliknya mereka terus dihukum melalui pengharaman buku-buku, akhbar dan majalah sama ada kepunyaan mana-mana jemaah atau orang perseorangan. Atau mereka dipenjara tanpa dibicarakan di mahkamah terlebih dahulu.

13. Kafir zimmi (yang taat setia) dan kafir 'ahdi (ada hubungan diplomatik atau perdagangan) disusah-susah dan diabai-abaikan keperluan dan keselamatan mereka hingga terdengar suara-suara kritikan mereka terhadap pemerintahan.

14. Para pemimpin apabila ditegur, mereka melenting dan marah-marah. Maka mereka pun berdendam dan mencari peluang mendedahkan kesalahan pihak yang menegur untuk diambil tindakan.

Demikianlah di antara tanda-tanda yang terdapat dalam negara dan masyarakat yang zalim. Yang kalau dibiarkan, tidak lama lagi negara-negara itu akan hancur. Hal begini bukan rahsia lagi. Hampir semua negara umat Islam di masa kini, berada dalam keadaan inilah. Sebab itu saya ambil inisiatif untuk ingatkan diri, keluarga, jemaah saya dan umat Islam di Malaysia serta seluruh dunia. Marilah sama-sama kita bertaubat kepada ALLAH dengan sungguh-sungguh sebelum terlewat masanya. Sudah terlalu lama kita lalai dari ALLAH dan dari perintah-perintah-Nya. Hingga negara terbiar, jadi begini sekali!

Kita perlu mengubah sikap untuk meniru Sunnah Rasulullah. Itulah dia jalan atau sistem yang sebenamya. Rakyat jelata perlu berdoa agar setiap pemerintah di dunia khususnya di

peme
ı mog
rakya
ALL/

ra pe
\LLA
łiduku
.LAH.

BAB SEPULUH

Ketidakadilan dalam Ekonomi

kan dan memuja nafsu mazmumah tamakkan dunia yang sangat dibenci oleh ALLAH SWT. Lihatlah firman ALLAH:

أَلْهَىٰكُمُ ٱلتَّكَاثُرُ ﴿١﴾ حَتَّىٰ زُرْتُمُ ٱلْمَقَابِرَ ﴿٢﴾ كَلَّا سَوْفَ
تَعْلَمُونَ ﴿٣﴾ ثُمَّ كَلَّا سَوْفَ تَعْلَمُونَ ﴿٤﴾ كَلَّا لَوْ تَعْلَمُونَ
عِلْمَ ٱلْيَقِينِ ﴿٥﴾ لَتَرَوُنَّ ٱلْجَحِيمَ ﴿٦﴾ ثُمَّ لَتَرَوُنَّهَا
عَيْنَ ٱلْيَقِينِ ﴿٧﴾ ثُمَّ لَتُسْـَٔلُنَّ يَوْمَئِذٍ عَنِ ٱلنَّعِيمِ ﴿٨﴾

Bermegah-megahan telah melalaikan kamu sampai kamu masuk ke dalam kubur. (Bermegah di sini bermaksud dalam soal banyak anak, harta, ramai pengikut, kemuliaan dan seumpamanya). *Janganlah begitu, kelak kamu akan mengetahui (akibat perbuatanmu) dan janganlah begitu, kelak kamu akan mengetahui (akibat perbuatanmu) dan janganlah begitu, kelak kamu akan mengetahui. Janganlah begitu jika kamu mengetahui dengan pengetahuan yang yakin. Nescaya kamu benar-benar akan melihat Neraka Jahanam. Dan sesungguhnya kamu benar-benar akan melihatnya dengan ainul yaqin. Kemudian kamu pasti akan ditanyai pada hari itu tentang kenikmatan (yang kamu megah-megahkan di dunia ini).*

(At Takasur: l-8)

ALLAH berfirman lagi dalam surah Al ‘Aadiyaat:

إِنَّ ٱلْإِنسَٰنَ لِرَبِّهِۦ لَكَنُودٌ ﴿٦﴾ وَإِنَّهُۥ عَلَىٰ ذَٰلِكَ لَشَهِيدٌ ﴿٧﴾
وَإِنَّهُۥ لِحُبِّ ٱلْخَيْرِ لَشَدِيدٌ ﴿٨﴾ ۞ أَفَلَا يَعْلَمُ إِذَا بُعْثِرَ مَا
فِي ٱلْقُبُورِ ﴿٩﴾ وَحُصِّلَ مَا فِي ٱلصُّدُورِ ﴿١٠﴾ إِنَّ رَبَّهُم بِهِمْ
يَوْمَئِذٍ لَّخَبِيرٌۢ ﴿١١﴾

Sesungguhnya manusia itu sangat ingkar, tidak berterima kasih pada Tuhannya. Dan sesungguhnya munusia itu menyaksikun (sendiri) keingkarannya. Dan sesungguhnya dia sangat bakhil kerana cintanya kepada harta. Maka apakah dia tidak mengetahui apabila dibangkitkan apa **yang** *ada di* **dalam** *kubur, dan dilahirkan apa yang di dalam dada. Sesungguhnya Tuhun mereka pada hari itu Maha Mengetahui keadaan mereka.*
(Al 'Aadiyaat: 6-11)

Firman-Nya lagi:

وَيْلٌ لِّكُلِّ هُمَزَةٍ لُّمَزَةٍ ﴿١﴾ ٱلَّذِى جَمَعَ مَالًا وَعَدَّدَهُۥ ﴿٢﴾
يَحْسَبُ أَنَّ مَالَهُۥٓ أَخْلَدَهُۥ ﴿٣﴾

Kecelakaanlah bagi setiap pengumpat dan pencela, yang mengumpul harta dan menghitung-hitung. Dia mengira bahawa hartanya itu dapat mengekalkannya.
(Al Humazah: 1-3)

Islam sangat memusuhi dasar kapitalisme dan puak-puak kapitalis ini. Tetapi malangnya umat Islam hari ini bukan saja tidak berusaha untuk memusuhinya bahkan turut menjayakan serta memperjuangkan sistem kapitalis ini. Hingga ramailah umat Islam menjadi mangsanya sedangkan sedikit sekali yang mendapat untungnya. Walhal kedua-dua kelompok ini pasti akan dilempar ke Neraka kerana memperturutkan nafsu yang terkutuk itu, sekiranya mereka tidak kembali menerima ALLAH dan ajaran-Nya.

Sepatutnya nafsu jahat itu (yakni sifat kapitalis yang semulajadi itu) dikawal dengan iman ilmu dan syariat Islam. Tetapi musuh-musuh Islam menyubur, merancang dan memperjuangkan lagi arahan kapitalis itu hingga jadilah ia satu sistem atau ideologi yang bertenaga, sistematik dan cukup teknologis untuk hidup, yang telah merebak ke seluruh dunia jahiliah kedua ini.

Apakah itu kapitalisme? Kapitalisme berasal dari perkataan 'capital' yang bererti modal. Jadi kapitalisme ialah satu ideologi yang memuja modal atau sistem berdasarkan modal yang sedikit tetapi hendak mengaut keuntungan yang sebanyak-banyaknya.

Dengan kata lain, kapitalis itu ialah orang-orang yang merajakan modal atau memuja-muja modal. Supaya modal itu akan membesar-besar dan meninggi-ninggi untuk membawa keuntungan yang sebanyak-banyaknya. Kapitalis mahu agar dengan modal itu mereka dapat mengaut sebanyak-banyak untung, dengan cara apa sekalipun sama ada halal atau haram dalam tempoh yang cepat, walaupun modalnya sedikit. Modal itu dijadikan denak untuk mendapat dan membesarkan kekayaan.

Kapitalis tidak mengambil kira perihal kemanusiaan orang-orang lain, soal-soal akhlak dan Ukhrawi. Tidak ada kasihan belas, timbang rasa, tolong-menolong, bantu-membantu, pengorbanan dan sebagainya. Oleh kerana Wang itu diurusniaga **sesama** manusia maka terkikis habis harta dan Wang rakyat oleh kapitalis. Mereka bagaikan lintah darat, menghisap kehidupan rakyat untuk menggemukkan badan dan membuncitkan perut mereka. Atau bagaikan harimau dan singa di rimba raya, membaham kehidupan lain untuk kepentingan perut mereka. Hidup di atas mayat orang lain. Itulah kapitalis atau kapitalisme. Dasar ini sangat bertentangan sekali dengan pandangan Islam dan perikemanusiaan. Sebab itu Islam sangat memusuhi dasar kapitalisme ini.

Campuran antara ciri kapitalis yang semulajadi dengan kapitalisme yang dirancangkan ini, jadilah para kapitalis ini seolah-olah raja. Raja Wang yang bertuhankan duit. Kalau ia benar-benar raja, jadi dua kali rajalah dia; raja Wang dan raja manusia. Dengan itu akan rosak binasalah rakyat dikerjakan oleh lintah-lintah darat ini. Ia terjadi begini:

1. Menzalimi rakyat

Orang-orang kapitalis ini melakukan monopoli ke atas

bahan mentah. Yakni dengan membeli dan menguasai semua sekali pencarian rakyat seperti pisang, ubi, kelapa, durian, padi, ikan, udang dan lain-lain hasil usaha petani-petani dan nelayan-nelayan. Mereka akan beli borong semua hasil-hasil yang baik dengan harga yang murah.

Bagi kapitalis yang kuat, bukan saja mereka membeli hasil bahkan beli juga para petani dan nelayan-nelayannya, beli pokok-pokok durian, kelapa dan ikan-ikan di laut yang akan ditangkap oleh nelayan. Jadi, rakyat jadi pekerja saja, kalau dapat hasil, semua sekali diberi pada tauke yang sudah lama membayar duitnya. Harga barang ditentukan oleh kapitalis. Yang punya barang itu langsung tidak boleh campurtangan dalam soal harga.

Saya pemah ke pantai di sebuah tempat di utara Malaysia, bertujuan untuk beli udang segar dari nelayan yang baru pulang dari laut. Terkejutnya saya kerana kata nelayan itu, "Ini semua tauke sudah beli." Begitu juga saya dapat tahu tentang kelapa-kelapa yang di pokok lagi sudah jadi kepunyaan tauke. Akibatnya petani atau nelayan atau penduduk sekitarnya pun tidak dapat membeli hasil pencarian tempatan mereka. Mereka pula terpaksa membeli dari tauke atau dari orang-orang yang menjualnya, dengan harga yang berlipat ganda. Orang-orang tempatan di tempat keluamya durian tidak dapat kecapi nikmat durian yang mereka sudah lihat di sekitar rumah mereka. Kalau nak makan pun kena beli dengan mahal di tangan orang kedua. Hal begini sangat zalim.

Pemiagaan monopoli ini sangat dibenci oleh Islam. Menurut pandangan feqah Islam, bemiaga secara ***talaqqur rukban*** (تَلَقِّى الرُّكْبَانِ) iaitu secara menyongsong adalah salah. Sebab rakyat tempatan yang mengusahakan, orang tempatan pula yang tidak cukup makan. Mereka hanya melihat-lihat saja orang-orang mewah memakan hasil usaha mereka atau hasil usaha orang tempatannya. Pencarian mereka disapu bersih oleh golongan kapitalis. Habis dibawa ke tempat lain. Ini satu penzaliman.

2. Membunuh perniagaan-perniagaan kecil

Apabila semua barang-barang mentah dimonopoli oleh orang yang banyak modal, yakni ekonomi dimonopoli oleh seorang atau golongan yang sedikit, maka peniaga-peniaga kecil yang bilangannya lebih ramai tidak dapat lagi beli barang mentah. Kalau nak beli juga, kena beli dengan harga yang mahal. Peniaga-peniaga kecil ini terpaksa mengambil dari kapitalis dengan harga yang sudah digandakan. Barang-barang itu terpaksa pula dijual kepada pengguna dengan harga yang lebih lagi, supaya dapat untung, sedangkan kapitalis jual dengan harga yang lebih murah. Maka pembeli lebih mengerumuni kapitalis daripada peniaga-peniaga kecil. Kerana faktor harga barang yang berbeza. Maka terbunuhlah peniaga-peniaga kecil yang majoritinya kebanyakannya adalah dari kalangan kaum bumiputera di negara tersebut. Sedangkan dalam negara Islam, rakyat diadili supaya mereka pun dapat berniaga, yakni dengan menyekat dasar monopoli itu.

3. Wujudnya gangster-gangster atau polis tak rasmi

Para kapitalis yang sudah monopoli harta rakyat ini, kerana sedar sikapnya dibenci oleh orang ramai, takut dibunuh oleh rakyat, peniaga kecil dan kerana musuhnya pun ramai, maka demi mempertahankan diri dan modal mereka itu, ditubuhkanlah pasukan pengawal peribadi mereka yakni sekumpulan gangster. Inilah polis-polis tak rasmi dalam negara. Hatta polis-polis rasmi pun **takut** dengan sindiket-sindiket ini.

Jadilah kerajaan dalam kerajaan. Kerajaan rasmi dan yang tidak rasmi. Di negara-negara yang lemah pentadbiran dan politiknya seperti Pakistan, India, Bangladesh dan kebanyakan negara di Amerika Latin dan Afrika, kerajaan rasmi takut dan terpaksa tunduk kepada kerajaan kapitalis yang tidak rasmi ini.

Dengan itu lihatlah apa yang ada di Pakistan dan lain-lain negara itu, rakyatnya lebih hina dari rumput-rampai di jalan. Hidup manusia bagaikan nasib kucing kurap. Perang, colek, bunuh dan dera sudah jadi perkara biasa yang berlaku setiap

hari di depan mata. Itu belum lagi dihitung di tempat-tempat yang tersembunyi. Kerana polis tak rasmi itu buat kerja di atas' undang-undang (above the law). Tidak ada siapa yang boleh saman atau hukum mereka.

4. Menguasai negara dengan wang

Bila kerajaan sudah tunduk, maka senanglah para kapitalis ini membeli orang-orang politik dan wakil-wakil rakyat. Beli raja dan beli negara. Polis-polis rasmi pun dapat dikuasai. Di negara-negara demokrasi ala Barat ini, mereka pun ikut bertanding atau melalui wakil-wakil rakyat yang dibeli, akhimya kapitalis dapat kuasa negara. Memang di negara demokrasi ala Barat, ha1 ini mudah berlaku dan kapitalis hidup dengan subumya.

Dengan dua kuasa yang ada, kuasa Wang dan kuasa politik, kapitalis akan sesuka hati menindas rakyat, tetapi tidak terasa kerana tindakan mereka telah diundang-undangkan. Sehingga golongan majoriti jadi lumpuh selumpuh-lumpuhnya. Rakyat tidak boleh bangun lagi di negara-negara kapitalis ini.

5. Penjajahan dan peperangan

Kapitalis bukan saja mampu menawan kuasa politik di negaranya, tetapi juga atas nama negara mereka, mereka boleh beli dan jajah negara lain untuk mendapatkan bahan-bahan mentah. Kerana mahu kontrol dant memilikinya. Di negara mana mereka menjajah, ha1 yang sama terjadi pada rakyat. Bila majoriti sudah tidak tahan maka timbullah peperangan. Inilah yang pemah terjadi di Indonesia terhadap Belanda, Perancis di Vietnam dan lain-lain negara. Kalau tidak dapat menjajah kuasa politik, penjajahan ekonomi akan dilakukan. Yakni dengan menawarkan pinjaman kepada negara-negara miskin, kemudian memberi syarat-syarat yang mencekik leher mereka dan turut mencatur serta menindas negara miskin tersebut.

6. Menaikkan harga barang

Dasar kapitalis menangguk di air keruh. Bila waktu-waktu masyarakat dan negara menghadapi inflasi atau ekonomi merosot disebabkan oleh perang atau banjir atau kemarau atau ketidakstabilan politik, yakni barang makanan dan keperluan utama akan kurang dalam pasaran, golongan kapitalis akan kaut semua keperluan rakyat. Disorok barang-barang itu semuanya. Cuma dikeluar atau dijual sedikit-sedikit dengan harga yang mahal. Alasannya, barangan kurang, susah dapat, jadi harganya pun mahal. Orang yang tidak mampu akan mati kelaparan.

7. Pembaziran

Puak kapitalis cukup takut rugi. Mereka tidak mahu jualan mereka merosot. Sebab itu demi mempertahankan harga barang mereka, sangguplah mereka membazir. Misalnya, satu barangan itu sudah berlebih di pasaran, yang memungkinkan harga barangannya turun. Maka supaya tidak berlaku hal itu, barang-barang tadi sanggup dimusnahkan. Ini yang kerap berlaku di Barat. Demi menjaga harga barang mereka, hasil gandum yang berlebihan dibakar beribu-ribu tan. Kambing yang berlebihan dibunuh beribu-ribu ekor. Ini pembaziran yang keterlaluan yang haram hukumnya dalam Islam. Sedangkan negara-negara miskin terlalu memerlukan itu semua.

8. Menipu rakyat

Untuk lariskan barang keluaran atau jualan mereka, mereka meminta orang politik gunakan kuasa untuk mengarahkan rakyat membeli barang mereka. Misalnya, sesebuah negara yang mahu lariskan keretanya di sesebuah negara yang lain, maka diupah atau dirasuahlah seseorang menteri supaya diwujudkan peraturan negara mengimport kereta dari negaranya. Oleh kerana tidak sanggup menolak wang yang disogokkan, maka terpaksalah diterima. Maka lakulah kereta negara itu di negara yang menerima itu. Rakyat tertipu oleh mereka. Dimainkan oleh orang politik.

9. Menindas rakyat dengan riba

Melalui bank-bank yang mereka taja, konon mahu bantu beri pinjaman kepada rakyat, tetapi dari situ diambil peluang menindas rakyat. Apalah ertinya kalau meminjam RMlO tetapi nanti terpalcsa bayar balik RM 15. Hakikat dari peraturan ini sebenamya adalah menghisab darah rakyat. Di manakah berlakunya dengan meminjam di bank-bank riba ini majoriti rakyat terbela hingga meningkat taraf ekonomi mereka? Padahal yang banyak berlaku, orang yang meminjam di bank-bank riba ini sudah banyak yang diisytiharkan bangkrap. Yang benar-benar untung dari bank-bank ini ialah kapitalis itu sendiri.

Dalam Islam, riba itu haram. Jual beli halal. Supaya orang miskin dibela kerana merekalah orang-orang yang mengeluarkan bahan-bahan mentah atau membeli barangan keluaran kapitalis untuk membuatkan orang-orang kaya itu bertambah kaya dan hidup mewah, Islam mewajibkan zakat. Itulah habuan untuk orang-orang miskin supaya titik peluh mereka dinilai, mereka dikasihi, dibantu dan dihargai. Supaya terjalin kasih sayang. Tetapi kapitalis tidak fikir itu semua. Kalau bantu pun ada udang di sebalik batu.

10. Merosakkan akhlak dan menggalakkan maksiat

Di negara-negara kapitalis, terjadinya keruntuhan moral dan kegiatan maksiat yang paling tinggi kadarnya. Sebab lintah-lintah darat itu dalam melariskan perniagaan mereka, tidak kira halal atau haram. Nilai-nilai akhlak dant kemanusiaan tidak diperhitungkan. Kalau dengan meruntuhkan akhlak dan membinatangkan manusia itu boleh dapat untung, maka ha1 itu dipergiatkan. Lihatlah perjajaan wanita dan gambar-gambar lucah dipamerkan begitu leluasa supaya menarik pelanggan. Sekalipun kerana itu rosak agama dan bangsa, mereka sanggup membuatnya. Rumah pelacuran, judi dan arak yang haram itu ditaja sebagai sumber kewangan mereka. Rakyat hanyut dalam arus maksiat yang mereka ciptakan.

11. Perpecahan dan krisis

Dasar kapitalisme sebenarnya membuatkan masyarakat berpecah-belah dan bukannya bersatu padu. Berlakunya perpecahan dalam keluarga, dalam masyarakat dan di alam sejagat. Kerana kegilaan pada harta sebagai modal, seseorang sanggup mencuri, menipu, merompak, rasuah, jual tanah pusaka dan lam-lain lagi. Semua itu adalah punca-punca manusia akan berpecah-belah.

Terjadinya jurang yang ketara antara orang kaya dengan yang miskin. Dalam negara kapitalis, orang kaya terlalu kaya, si miskin makin miskin. Apalagi kerana si kaya menindas si miskin, akan membuatkan orang miskin benci kepada si kaya dan sebaliknya orang kaya takut dan sombong dengan si miskin. Akibatnya terjadilah bermacam-macam penyakit sosial itu.

Terjadi pemberontakan oleh orang-orang miskin yang sudah tidak tahan melihatkan kerenah orang-orang kaya, terjadi pergaduhan, krisis dan perpecahan yang melampau. Ukhuwah dan perpaduan rosak serosak-rosaknya.

12. Akibat mendak Tuhan

Segala apa yang terjadi dalam masyarakat dan negara kapitalis itu, adalah akibat tidak merujuk kepada Tuhan dan kepada peraturan yang telah diturunkan oleh ALLAH SWT. puak kapitalis tidak mengambil kira langsung tentang Tuhan dan hal-ha1 kerohanian, adanya Akhirat dan sebagainya. Maka kejahatan yang mereka lakukan amat dahsyat, langsung tanpa takut dan bimbang. Akibatnya, orang yang yakin dengan Tuhan, yang tidak berani untuk sekejam lintah-lintah darat ini menjadi umpama lembu yang tidak bertuan. Akhimya disembelih orang.

Orang yang tertindas tidak tahan dengan keganasan puak kapitalis yang terlalu merosakkan kebahagiaan orang lain. Dunia kini sudah cukup berdendam dengan kapitalis-kapitalis. Di Barat, Utara, Selatan dant Timur, semuanya sudah tidak tahan lagi dengan watak dunia yang begini!

Kalau adalah orang-orang yang tahu dan boleh membunuh kapitalisme ini, nescaya terlalu ramai orang yang akan menyokongnya. Moga-moga ALLAH tidak biarkan bumi-Nya ini selama-lamanya dalam tangan-tangan yang kejam itu. Kekejaman dan ketidakadilan pasti lenyap. Kebenaran dan keadilan pasti menang pada akhirnya!

BAB SEBELAS

Kemuncak Penzaliman

وَضَرَبَ ٱللَّهُ مَثَلًا قَرْيَةً كَانَتْ ءَامِنَةً مُّطْمَئِنَّةً يَأْتِيهَا
رِزْقُهَا رَغَدًا مِّن كُلِّ مَكَانٍ فَكَفَرَتْ بِأَنْعُمِ ٱللَّهِ فَأَذَٰقَهَا
ٱللَّهُ لِبَاسَ ٱلْجُوعِ وَٱلْخَوْفِ بِمَا كَانُوا۟ يَصْنَعُونَ
﴿١١٢﴾ وَلَقَدْ جَآءَهُمْ رَسُولٌ مِّنْهُمْ فَكَذَّبُوهُ فَأَخَذَهُمُ
ٱلْعَذَابُ وَهُمْ ظَٰلِمُونَ ﴿١١٣﴾

Dan Allah telah mencontohkan dengan sebuah negeri yang dahulunya aman lagi tenteram, rezekinya datang kepadanya melimpah ruah dari segenap tempat, tetapi (penduduk)nya mengingkari nikmat ALLAH; kerana itu ALLAH merasakan kepada mereka pakaian kelaparan dan ketakutan, berpunca dari apa yang mereka perbuat. Dan sesungguhnya telah datang kepada mereka seorang rasul dari mereka sendiri tetapi mereka mendustakannya; kerana itu mereka diazab dan mereka adalah orang yang zalim.

(An Nahl: 112–113)

DI DALAM Islam ini, syarat yang penting untuk diukur adil atau tidaknya seseorang ialah tentang agamanya. Seseorang yang tidak Islam, awal-awal lagi sudah ternafi keadilannya. Mungkin ada orang tidak boleh terima kalau hal ini dikatakan begitu saja, maka saya hujahkan begini:

Dalam dunia ini setiap orang ada ibu bapa. Semua bangsa mengakui bahawa ibu bapa adalah orang yang mesti disayangi, dihormati, didengar cakapnya dan dibalas jasanya. Jangan sekali-kali orang derhakakan ibu bapanya. Demikianlah secara fitrah, kebenaran itu dibenarkan oleh semua orang, tidak kira apa bangsa sekalipun sama ada orang Islam atau bukan Islam.

Apa kata hati kecil kita, kalau kita melihat seorang yang melayani ibu bapanya dengan baik sekali? Apa rasa kita melihat seorang yang tahu ibu bapanya, terima kedua-duanya sebagai ibu dan bapa tetapi tidak mempedulikarmya? Apa pendapat kita tentang seseorang yang melebihkan orang lain dari ibu bapanya? Apa pandangan kita terhadap seorang yang menendang-nendang ibu ayahnya? Dan apa perasaan kita bila ada orang yang tidak mahu mengaku yang ibu bapa itu, ibu bapanya?

Adilkah seorang yang tidak memperlakukan ibu dan ayah dengan sebaik-baiknya? Tentu tidak, bukan? Sekalipun dia itu orang yang baik dengan orang lain, banyak membuat bakti kepada masyarakat tetapi pasti kebaikannya tidak boleh diterima oleh ibu dan ayahnya. Ibu dan ayahnya tidak mahu mengakui yang anaknya itu orang baik. Anaknya melakukan kebaikan yang kecil, sedangkan kezaliman yang dibuatnya sangat besar. Hakikatnya orang ini tidak adil. Kerana kebaikannya kecil saja dibandingkan dengan kejahatan. Biasanya orang yang tidak boleh sabar dengan ibu bapa, takkan dapat sabar dengan orang lain. Orang yang tidak hormat dengan ibu bapa tidak akan boleh hormat dengan orang lain. Kalau berlaku juga, sudah mesti tidak ikhlas, yakni ada udang di sebalik batu.

Dalam pandangan Islam, Tuhan yang punya langit, bumi, manusia-manusia dan segala makhluk serta seluruh isinya ini, cuma ada satu saja. Tuhan tidak boleh dua atau tiga dan berbilang-bilang banyaknya. Macamlah presiden atau raja atau perdana menteri dalam sesebuah kerajaan itu tidak boleh ada dua atau tiga atau lebih. Demikianlah Presiden atau Raja bagi

kerajaan langit dan bumi, wajib satu. Kalaulah orang Melayu Tuhannya lain, orang Cina Tuhannya lain lagi, orang India lain pula Tuhannya, masakan Tuhan-Tuhan itu berkongsi matahari yang sama, bulan yang satu, untuk dibahagi-bahagikan kepada hamba-hamba masing-masing?

Tidakkah Tuhan itu berbeza pendapat, waktu bila nak naikkan matahari dan menjatuhkannya? Mengapa Tuhan itu menyamakan sistem penghadaman makanan dalam perut hamba-hamba-Nya? Dan punya sistem cakerawala yang satu, pertukaran malam dan siang yang satu bentuk atau sistemnya? Mengapa Tuhan satukan sistem perjalanan hidup sejak lahir hingga mati hamba-hamba-Nya itu?

Kalau semua orang perlu mati, apa ada pula Syurga atau Neraka yang berbeza-beza? Tetapi kalau Syurga dan Neraka itu juga yang dikongsi bersama oleh semua bangsa, adalah lebih lojik bahawa Tuhan itu cuma satu, daripada mengatakan ianya berbilang-bilang.

Bila Tuhan itu satu, Islam mewajibkan bahawa Dia ada sifat istimewa yang khusus, yang layak untuk Tuhan. Tuhan tidak boleh disamakan dengan mana-mana makhluk ciptaan-Nya. Samakah halnya makhluk dari spesis atau jenis yang berlainan? Semut dan manusia samakah sifatnya? Pokok dengan binatang samakah keadaannya? Kertas dengan pen samakah jenisnya? Jawapannya tidak, bukan?

Kalau sesama makhluk yang berlainan jenis pun tidak sama zat dan sifatnya, mana boleh dikatakan Tuhan itu sama dengan segala ciptaan-Nya di langit dan di bumi ini? Kalau manusia buat patung, manusia terlalu berbeza sifatnya sebagai pencipta dengan yang dicipta, hingga yang dicipta itu tidak mampu untuk kenal penciptanya. Begitu jugalah, masakan manusia boleh menilai-nilai tentang zat Tuhan Penciptanya? Tentulah mustahil.

Demikianlah dalam pandangan Islam, bahawa Tuhan itu satu dan Dia sama sekali tidak serupa dengan makhluk-Nya. Akal ini cukup lemah untuk menilai zat Tuhan yang menciptakannya. Bahkan bukan saja tentang Tuhan, akal juga tidak

tahu banyak tentang dirinya sendiri. Bila dia akan sakit dan bila dia akan kahwin atau akan mati. Bila akan pandai dan bila akan susah.

Sebab itu Tuhan hantarkan Rasul-Nya untuk memberitahu tentang sifat-sifat-Nya dan tentang katalog pembaikan manusia dan syariat untuk menjaga kebaikan diri dan hidupnya. Kerana Rasul pun satu untuk satu zaman, maka semua manusia sepatumya mengikuti satu cara atau satu sistem hidup. Sistem-sistem selain dari yang satu ini adalah yang diandai-andaikan oleh otak yang sudah terbukti meleset sama sekali. Banyaknya sistem hidup di dalam satu zaman menunjukkan tidak mampunya otak mencari satu sistem yang benar yang datang dari ALLAH yang Esa.

Demikianlah, maka Islam pun menetapkan bahawa kiranya ada orang yang tidak kenal Tuhan dan tidak ikut peraturan yang dibuat-Nya, maka orang ini ialah orang yang sangat tidak adil. Ketidakadilan atau kekejaman yang paling kemuncak. Sezalim-zalim makhluk terhadap Tuhan.

Saya perturunkan satu cerita yang sudah saya muatkan dalam buku *iman dan Persoalannya.* Bahawa ada seorang majusi yang meminta untuk menumpang bermalam di rumah **Nabi Musa a.s.** Kata Nabi Musa, "Boleh. Dengan syarat engkau Islam." Majusi itu pun meninggalkan rumah itu kerana tidak dapat memenuhi syarat tersebut. Tiba-tiba ALLAH berfirman kepada Nabi-Nya itu:

"Mengapa engkau tidak benarkan dia menumpang cuma untuk satu malam saja walaupun dia tidak Islam? Sudah 70 tahun AKU memberikannya rezeki dan lain-lain nikmat, walha1 dia sangat derhaka dengan-Ku."

Dengan itu Nabi Musa pun berkejar kepada si majusi tadi untuk mengajaknya bermalam. Terkejutlah si majusi akan perubahan yang berlaku, maka ditanyakan sebabnya. Setelah Nabi Musa menceritakan fnman ALLAH itu, majusi itu begitu tersentuh nalurinya, lalu bertanya tentang agama Islam. Hingga akhimya dia pun memeluk Islam.

Dengan cerita ini cukup membuatkan kita pun terusik

naluri untuk berfiiir lebih jauh tentang Tuhan itu. Dalam Islam, penzaliman pada Tuhan yang dibuat oleh orang-orang kristian, Yahudi, majusi dan lain-lain kepercayaan adalah seperti berikut:

1. Menafikan wujudnya Tuhan.
2. Mengatakan Tuhan dengan perkataan yang tidak layak baginya seperti mengatakan Tuhan itu tiga.
3. Mensifatkan Tuhan miskin, walhal mustahil Tuhan itu miskin.
4. Mengatakan syariat ALLAH tidak sesuai dengan zaman.
5. Merupakan Tuhan dengan berbagai-bagai objek, arca atau patung.
6. Mengatakan Tuhan makan, minum dan sebagainya sedangkan Maha Suci Tuhan dari kelemahan-kelemahan begitu.

ALLAH Yang Maha Esa, Suci dari segala kelemahan dan kekurangan, Yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang, yang setiap detik mengawasi hamba-hamba dan makhluk-makhluk-Nya itu dikatakan oleh orang-orang komunis bahawa Dia tidak wujud. Alam ini berjalan secara nature, bukan ciptaan dan jagaan Tuhan, kata mereka.

Apa rasa anda, kalau anak anda mengatakan dia bukan dilahirkan oleh anda? Rumah tempat tinggalnya bukan pencarian anda? Sedangkan sebenarnya itu semua titik peluh anda untuk membahagiakan dia.

Orang Yahudi pula percayakan Tuhan tetapi mengatakan Tuhan itu miskin. Hingga kerana itu mereka boleh cabar Tuhan. ALLAH kerana terlalu sabarnya, membiarkan dulu hal ini tetapi telah menceritakan dalam Al Quran:

لَّقَدْ سَمِعَ ٱللَّهُ قَوْلَ ٱلَّذِينَ قَالُوٓا۟ إِنَّ ٱللَّهَ فَقِيرٌ وَنَحْنُ أَغْنِيَآءُ

Sesungguhnya ALLAH mendengar ucapan mereka, katanya: "Sesungguhnya ALLAH itu fakir dan kamilah yang kaya."

(Ali Imran: 181)

Tergamak si Yahudi mempennain-mainkan ALLAH bahkan membunuh nabi-nabi mereka. Inilah sezalim-zalim manusia, munasabahlah ALLAH akan lempar ke Neraka. Orang kristian pun tahu adanya Tuhan, tetapi ALLAH Yang Esa itu, kata mereka, ada anak dan isteri, tiga dalam satu, satu dalam tiga. Mereka sekutukan ALLAH dengan makhluk ALLAH dan mengada-adakan segala sesuatu yang bukan-bukan kepada ALLAH. ALLAH biarkan dulu mereka, cuma dengan satu amaran keras dengan firman-Nya:

لَّقَدْ كَفَرَ ٱلَّذِينَ قَالُوٓا۟ إِنَّ ٱللَّهَ ثَالِثُ ثَلَـٰثَةٍ

Sesungguhnya kafirlah orang-orang yang mengatakan: 'Bahawasanya ALLAH salah satu dari yang tiga...'

(Al maidah 73)

Orang-orang hindu dan buddha percaya juga kepada Tuhan, tetapi tak kenal Tuhan. Dikononkanlah dengan berbagai-bagai penzaliman pada Zat Tuhan Yang Maha Agung itu. Kata mereka menyembah Tuhan perlukan patung-patung perantara kerana Tuhan itu boleh dirupakan dengan patung-patung batu atau besi yang tidak bemyawa.

Apa rasa anda kalau anak anda yang tinggal di Amerika, kerana konon mahu berbakti dan berhubungan dengan anda, diambil satu batang kayu yang hitam busuk diletak di dinding kemudian diberitahu bahawa itulah bapanya dan ibunya? Itulah caranya untuk meminta sesuatu dari anda dan mendapatkan kasih dari anda? Bukankah itu satu pendustaan, pembohongan dan penzaliman yang sungguh biadab.

ALLAH Yang Maha Luas Rahmat-Nya itu sudi menjawab segala pendustaan dan penzaliman terhadap-Nya ini dengan firman-Nya:

وَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنِ ٱفْتَرَىٰ عَلَى ٱللَّهِ كَذِبًا أَوْ كَذَّبَ بِـَٔايَـٰتِهِۦٓ ۗ
إِنَّهُۥ لَا يُفْلِحُ ٱلظَّـٰلِمُونَ

Dan siapakah yang lebih zalim daripada mereka yang membuat-buat suatu kedustaan terhadap ALLAH atau mendustakan ayat-ayat-Nya? Sesungguhnya orang yang zalim tidak mendapat kejayaan.

(Al An'am: 21)

Firman-Nya lagi:

فَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنِ ٱفْتَرَىٰ عَلَى ٱللَّهِ كَذِبًا لِّيُضِلَّ ٱلنَّاسَ
بِغَيْرِ عِلْمٍ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَهْدِى ٱلْقَوْمَ ٱلظَّٰلِمِينَ

Maka siapakah yang lebih zalim daripada orang-orang yang membuat-buat dusta terhadap ALLAH untuk menyesatkan manusia tanpa pengetahuan? Sesungguhnya ALLAH tidak memberi pertunjuk kepada orang-orang yang zalim.

(Al An'am: 144)

Apa pendapat anda tentang seorang presiden yang bersabar berpuluh-puluh tahun kepada seorang rakyatnya yang mengatakan presiden itu tidak layak jadi presiden. Atau dalam negara itu dikatakan ada tiga orang presiden atau diwajahkan presiden dengan seketul batu kotor di jalan?

Presiden itu tahu tentang itu, membiarkan orang itu menyebarkan ajarannya itu dan mengembangkan pengaruhnya dalam negara presiden itu. Si presiden biarkan, cuma mengeluarkan satu buku menjawab tuduhan dan penzaliman kepadanya. Tetapi kalau rakyat itu tidak sedar-sedar juga, tidak peduli juga, apakah salah jika presiden itu menghukum orang tersebut?

Bahkan itulah keadilan, yakni hukuman yang paling adil kepada kesalahan yang dilakukan. Yakni terhadap orang-orang yang tidak berusaha untuk mengenali Tuharmya yang sebenar dan atau orang yang sengaja membohongi ALLAH. Walhal, mereka tahu tentang Tuhan yang sebenar. Inilah orang-orang yang paling tidak adil kepada diri dan kepada Tuhannya.

Termasuk dalam golongan orang yang sangat zalim ini ialah orang Islam' sendiri, yang mereka itu mengatakan syariat ALLAH tidak sesuai lagi di zaman moden ini. Atau orang-orang yang menghalalkan perkara yang diharamkan oleh ALLAH seperti menghalalkan judi, riba, arak, zina dan lain-lain lagi. Atau orang-orang yang mengharamkan apa yang dihalalkan oleh ALLAH. Perkataan-perkataan ini diucap sama ada secara sedar atau tidak, dengan ilmu atau tidak, adalah boleh membawa kepada kafir dan mereka masuk dan kekal ke dalam Neraka. Kerana mereka telah mencacatkan Zat ALLAH yang telah menetapkan bahawa syariat-Nya terpakai sepanjang zaman dan ia membawa keselamatan dunia dan Akhirat.

Semua orang yang mendustakan ALLAH ini termasuk orang yang melakukan kemuncak kezaliman. Mereka tidak boleh diharapkan lagi untuk melakukan keadilan dalam apa hal pun. Keadilan yang mereka usahakan tidak diiktiraf, sebab asas bagi keadilan itu tidak ada. Mereka menolak ALLAH dan menolak peraturan yang ALLAH buat. Jadi keadilan yang mereka katakan itu keadilan yang tidak ikut aturan, cuma kebetulan saja. Sebab memang fitrah manusia inginkan keadilan. Macamlah seorang yang mencuri untuk bersedekah, sedekah itu tertolak kerana ia dibuat dengan Wang yang haram. Atau orang buat rumah di atas lumpur, boleh digunakankah rumah tersebut?

Keadilan yang tidak bertunjang pada iman, terlalu rapuh, mudah roboh, tidak bertahan dalam suasana yang tidak menggalakkan. Mereka tidak akan adil dalam suasana-suasana yang manusia tidak nampak dan sebagainya. Dalam Islam, niat dan keyakinan amat penting, mendahului amal. Ini bagi menjamin kebaikan itu murni dan tulus ikhlas hengan merujuk pada Tuhan. Sebab hidup ini adalah kepunyaan Tuhan, hidup untuk dan kerana Tuhan.

Islam menolak takrif adil yang dibuat oleh adat-istiadat dan ideologi akal manusia dan untuk segolongan puak. Kerana keadilan mereka itu terlalu nisbi dan tidak universal. Mana

ada manusia-manusia pejuang ideologi dan adat-adat serta kepentingan duniawi semata-mata di dunia ini yang sedang melakukan keadilan yang hakiki? Umat Islam yang tidak ikut Quran dan Sunnah pun termasuk dalam kategori ini. Dunia merindui dan menunggu keadilan oleh orang dan orang-orang yang betul-betul adil.

B A B D U A B E L A S

Hadapi Kezaliman dengan Keadilan

لَّا يُحِبُّ ٱللَّهُ ٱلْجَهْرَ بِٱلسُّوٓءِ مِنَ ٱلْقَوْلِ إِلَّا مَن ظُلِمَ ۚ وَكَانَ
ٱللَّهُ سَمِيعًا عَلِيمًا ﴿١٤٨﴾ إِن تُبْدُوا۟ خَيْرًا أَوْ تُخْفُوهُ أَوْ تَعْفُوا۟ عَن
سُوٓءٍ فَإِنَّ ٱللَّهَ كَانَ عَفُوًّا قَدِيرًا ﴿١٤٩﴾

ALLAH tidak menyukai ucapan buruk (yang diucapkan) dengan terus terang kecuali oleh orang yang dianlaya. ALLAH adalah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahul. Jika kamu melahirkan sesuatu kebaikan atau menyembunyikan atau memaafkan sesuatu kesalahan (orang lain) maka sesungguhnya ALLAH Maha Pemaaf lagi Yaha Kuasa.

(An Nisa': 148-149)

DUNIA sekular ini nampaknya sudah begitu tersasul sekali kerana telah cuba menyelesaikan masalah, tetapi masalah lain pula yang timbul. Bila satu penzaliman berlaku, ia cuba diatasi, tetapi bukan keadilan yang berlaku, sebaliknya kezaliman kedua dan lebih besar pula terjadi. Mereka cuba menutup atau menimbus satu lubang, tetapi mengorek atau menggali lubang yang lebih banyak dan lebih dalam lagi. Hingga masalah tidak pemah habis-habis.

Guru besar cuba atasi masalah murid-murid sekolah dengan merotan mereka atau mengumpan-umpan mereka dengan upah dan lain-lain lagi. Walhasil murid akan memberontak atau manja dan mengada-ngada. Ertinya, guru tadi bukan

menyelesaikan masalah tetapi buat masalah yang lain pula.

Suami mahu supaya isteri taat digula-gulakannya dengan segala kemewahan atau bertindak kasar atau langsung ditinggal-tinggalkamrya (tanpa cerai), yang akibatnya timbullah masalah lain pula.

Seorang yang mahu atasi masalah jirannya yang selalu merosakkan kepentingannya dengan membakar rumah jirannya itu. Cara ini lagi tidak betul. Seorang punya pasal, satu kampung menanggung akibatnya.

Amerika mahu selesaikan masalah Iraq merampas Kuwait dengan menyerang Iraq. Ternyata mengakibatkan kerosakan yang lebih besar dan lebih kejam berlaku. Lebih besar daripada apa yang Saddam lakukan pada Kuwait. Niat baik konon mahu membendung kerosakan yang dilakukan oleh Saddam itu temyata menjadi penzaliman yang lebih dahsyat lagi. Bila satu puak tidak setuju dengan kezaliman puak lain, kemudian menghadapinya dengan cara yang tidak adil, maka akibatnya ialah terjadi kezaliman yang lebih besar lagi.

Barangkali semua orang perasan perihal kesalahan besar ini. Tetapi semua tidak tahu atau tidak mampu untuk berbuat apa yang lebih baik dari itu. Kerana masing-masing puak ada kepentingan yang dipertahankan atau paling tidak mereka tidak tahu kaedah yang tepat untuk selesaikan masalah-masalah mereka.

Untuk itu mari kita lihat apa kata Islam. Apa kata ALLAH dan Rasul. Apa kata Al Quran dan Hadis. Dalam surah Al Maidah, ALLAH betfirman:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ كُونُوا۟ قَوَّٰمِينَ لِلَّهِ شُهَدَآءَ بِٱلْقِسْطِ
وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَـَٔانُ قَوْمٍ عَلَىٰٓ أَلَّا تَعْدِلُوا۟ ٱعْدِلُوا۟
هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ إِنَّ ٱللَّهَ
خَبِيرٌۢ بِمَا تَعْمَلُونَ

Hui orang-orung yang beriman, judilah kamu pendo-

kong kebenaran kerana ALLAH, juga menjadi saksi dengan penuh keadilan. Dan janganlah kebencian kamu kepada sesuatu kaum menyebabkan kamu tidak berlaku adil. Berlaku adillah, kerana adil itu lebih dekat untuk mencapai taqwa. Dan bertaqwalah kepada Tuhan, sesungguhnya ALLAH itu mahu mengetahui apa yang kamu kerjakan.

(Al Maidah: 8)

Rasulullah SAW bersabda:

أَحْسِنْ إِلَى مَنْ أَسَاءَ إِلَيْكَ

Berbuat baiklah kepada orang yang berbuat jahat kepada kamu.

Inilah Islam. Islam mengajarkan, kalau mahu membasuh najis jangan guna air mutanajjis atau air musta'mal. Ataupun menyucikan najis walaupun dengan air mutlak tetapi kalau tidak betul caranya, jangan-jangan najis itu merebak lebih luas dan merata lagi. Misalnya, tahi ayam di lantai, disimbah dengan sebaldi air, untuk konon menyucikannya, tetapi apa yang terjadi ialah najis itu makin merata. Dalam Islam, ALLAH mengajarkan supaya hamba-hamba-Nya ini hadapi kezaliman dengan adil. Hadapi masalah dengan kebijaksanaan. Hadapi kejahatan dengan kebaikan.

Inilah dia satu tafsiran baru, yang dunia mesti ambil perhatian dengannya. Kerana teori ini kelihatan lebih intelek daripada andaian intelektual di dunia intelek kini. InsyaALLAH dengan teori ini, banyak masalah dunia akan selesai. Banyak penzaliman akan dapat diadili. Banyak kejahatan akan dapat dibaiki.

Contohnya:

1. Seorang yang jirannya selalu menyusahkannya, alangkah bijaknya kalau dihadapi dengan kebaikan akhlak. Misalnya, berziarah ke rumah, bawa hadiah sehingga jiran itu malu sendiri dan berhenti dari sifat buruk itu. Atau kalau tidak

boleh ziarah dan beri hadiah kerana ditutup pintu, buat baik pada anak-anaknya atau saudara-saudaranya dengan memanggil mereka ke rumah, dijamu dan lain-lain lagi. Nanti keluarganya akan menegur jiran tadi itu.

Demikian ajaran Islam, begitu bijak dan begitu intelek sekali Islam menyelesaikan masalah. Yang dengarmya tidak timbul masalah kedua dan lambat-laun kebaikan merebak merata-rata. Tetapi kalau dihadapi dengan emosi, selama-lamanya masalah tersebut tidak selesai bahkan akan tambah menjadi-jadi.

2. Masalah murid-murid atau isteri-isteri, Islam mengajarkan kita hadapi dengan ilmu dan didikan. Dengan hujah-hujah yang baik-baik atau dengan akhlak yang baik. Dengan iman dan taqwa. Tunjukkan kita lebih baik dari orang yang kita katakan salah itu. Biar sampai mereka menjadi orang-orang yang benci dengan kejahatan dan cintakan kebaikan. Nanti segala harapan kita itu akan dilaksanakan.

Tetapi kalau terus-terus dihukum tanpa diberi ilmu dan iman, dan kita yang menghukum itu pula tidaklah lebih baik daripada mereka, nanti mereka jadi pemberontak. Tidak di depan kita, di belakang dibuat juga. Dan orang yang menyaksikan turut sama membenci orang yang menghukum kerana orang tahu dia yang menghukum itu bukanlah orang yang baik. Atau kalau digula-gulakan terus, mereka terlalu manja dan akan selama-lamanya membebankan kita dengan itu dan ini.

3. Masalah di Iraq itu, pada saya bukanlah Amerika itu bijak. Kalau bijak, supaya dunia terus menghormatinya, dia tidak akan campurtangan tetapi benar-benar menjadi orang tengah. Buat baik dengan Iraq, berbaik-baik dengan Kuwait. Kemudian buat perundingan agar mereka berdamai.

Katalah Iraq tetap berdegil, Amerika jangan emosional dalam menghadapi Iraq. Cuba ajak semua negara-negara orang Islam bersatu supaya mereka menyuarakan kepada Iraq niat suci mereka. Memang waktu itu setiap umat Islam tidak

boleh terima sikap Iraq itu. Jadi kalau Amerika pandai dan ikhlas, satukan orang-orang ini. Biar mereka yang hadapi Iraq. Jadi Amerika bersih. Katalah Iraq tetap berdegil juga, maka dalam Islam, dibenarkan Kuwait mempertahankan maruah negaranya. Maka bolehlah berperang tetapi cukuplah di kawasan-kawasan tentera sahaja, tidak di kawasan orang awam.

Ini kejahatan dan kekejaman yang berkali-kali lebih besar dari yang pertama. Apa ertinya ini? Mampu dan adilkah Amerika dalam menangani masalah dunia ini? Nyata Amerika ini lebih kejam dan perosak sekali. Memang dasar perjuangarmya tidak suci sama ada diambil dari kristian atau dari ideologi politik Barat itu sendiri, yang memang tidak terdapat ajaran-ajaran yang adil begini. Yang ada cuma kepentingan nafsu dengan menzalim dan menindas. Sebab itu Amerika ini tidak layak untuk selamatkan dunia.

4. Masalah di Bosnia, biar saya beri pandangan ringkas dengan merujuk kepada Islam (mengikut tafsiran saya). Saya terkejut mengapa umat Islam khususnya di Malaysia begitu ghairah dan serius dengan masalah Bosnia. Sedangkan dalam masa yang sama di banyak tempat di dunia ini, penindasan atau kesusahan kepada umat Islam menjadi-jadi bahkan ada yang lebih dahsyat dari Bosnia. Misalnya di Palestin, Afghanistan, Somalia, Sudan, Myanmar dan Filipina. Mengapa tidak dibela semuanya secara serius?

Hal ini seolah-olahnya begini:

Terdapat satu keluarga yang anak-anaknya sangat derhaka pada ibu ayahnya. Hingga ibu ayah pun membiarkan mereka hidup sendiri bersama-sama kejahatan yang macam-macam yang mereka lakukan. Tiba-tiba anak-anaknya dalam rumah itu diserang oleh penjahat-penjahat yang melanyak mereka sezalim-zalimnya. Apa rasa, apa kata ibu ayah terhadap nasib anak-anaknya itu. Tentu mereka kasihan tetapi mereka tetap berkata, "Itulah akibat derhaka pada kami".

Jadi apa penyelesaian sebenarnya kepada masalah ini? Ya, dengan menyelamatkan mereka dari serangan itu. Tetapi itu

kecil. Ada penyelesaian yang lebih besar yang perlu dibuat. Yakni menjadikan mereka orang-orang yang tidak derhaka kepada ibu bapa. Namun kalau mampu, buatlah kedua-duanya sekali. Yakni bela mereka dan didik mereka.

Masalah umat Islam di seluruh dunia yang sudah kusut ini, tidak akan selesai hanya dengan menolong Bosnia. Sebab itu kalau betullah kita mahukan penyelesaian ini berlaku secara *total,* mari kita bangunkan rumah baru. Rumah buruk itu biarkan dulu. Kerana kalau asyik nak baiki atap, tiang pula yang patah. Baiki tiang, laritai rosak. Baiki lantai, tingkap roboh. Tidak akan selesai-selesai hingga kita seolah-olah tetap tidak ada rumah.

Mari kita buat rumah baru, mungkin lambat tetapi kalau menunggu rumah lama itu pun, kita bukannya ada rumah. Lama-lama langsung tak berumah. Kita bina kekuatan baru, bermula dari membangunkan iman, taqwa dan jemaah yang kuat mengikut kaedah Islam, moga-moga sampai mampu untuk menaungi umat Islam sejagat di samping dapat mengelirukan dan menangkis serangan musuh. Inilah cita-cita murni asas kepada tertegaknya keadilan untuk umat Islam sejagat. Tetapi kalau hanya kita ambil berat ekonominya saja dengan tidak memberi perhatian tentang iman, taqwa dan jemaah mereka, masalah umat Islam ini takkan selesai bahkan tambah kusut. Kerana kezaliman yang berlaku itu balasan kepada kezaliman mereka. Dikatakan mereka zalim kerana mereka membelakangkan iman dan taqwa.

5. Isu raja-raja dengan orang-orang politik di Malaysia, siapa duga yang ianya berlaku? Tetapi kini kian meruncing nampaknya. Islam sudah lama memberi jalan keluar pada masalah-masalah begini. Tetapi kerana memang tidak merujuk kepada Islam, maka inilah akibatnya.

Bila dua golongan berselisih faham, kembalilah pada ALLAH dan Rasul. Dengan itu takkan ada masalah yang tidak selesai. Takkan terjadi penzaliman itu berlanjutan. Sebab ALLAH itu Maha Bijaksana untuk menyelesaikan segala

amat kusut sekalipun.

Dalam masalah yang terjadi di Malaysia, saya nampak, punca sebenarnya ialah semua pihak keliru tentang erti atau konsep adil dan ketidakadilan ini. Dan keliru 'dalam menyelesaikan segala masalah yang timbul. Akibat dari kekeliruan itu, terjadilah apa yang terjadi sekarang ini. Menyelesaikannya bukanlah mudah. Kerana hendak mengubah perangai bukan mudah. Rasulullah SAW pernah bersabda yang maksudnya:

Kalau ada orang mengatakan Gunung Uhud itu sudah berubah tempat boleh dipercayai tanpa dilihat terlebih dahulu. Tapi kalau ada orang berkata polan itu sudah berubah perangainya, jangan kita terima dahulu kecuali kita saksikan dahulu.

Ini memberi erti kepada kita, gunung lebih mudah untuk diubah daripada mengubah perangai manusia. Namun secara kecil-kecilan, saya usahakan melalui buku ini. Moga-moga ALLAH mudahkan urusan kita, demi mengembalikan negara Malaysia pada keadaan aman, damai dan makmur yang hakiki.

Seorang yang salah faham tentang erti cantik, disuruh mencantikkan rumah. Padanya cantik itu ialah sesuatu yang sedap dilihat mata. Itu saja. Maka supaya rumah itu sedap dipandang mata, dia pun mencuri duit di dalam rumah itu atau dari rumah jiran unmk membeli cat demi mencantikkan rumahnya itu. Memanglah cantik rumah itu tetapi apa ertinya kecantikan itu kerana ia telah mengorbankan kebahagiaan orang lain?

Seorang ayah mahukan rumahtangga dan keluarganya . cukup bahagia. Untuk itu diusahakanlah supaya anak-anaknya buat apa yang mereka suka. Pantang larang tidak ada. Bebaslah sebebas-bebasnya. Isteri-isteri pula dimewahkan semewah-mewahnya. Semua permintaan perempuan itu ditunaikan. Kerana itulah erti bahagia pada si ayah. Apa yang akan terjadi sebenarnya? Nanti anak akan langkah kepala ayah.

Waktu suaminya sakit, isteri akan minta seorang suami lagi. Bahagiakah ini?

Dapatkah Malaysia menjadi negara maju, aman dan makmur sedangkan di dalamnya keadaan bagaikan satu keluarga, yang anak-anak bercakaran sesamanya, bahkan juga dengan ibu ayahnya. Masalah suami dengan isteri pun tak selesai-selesai. Datuk nenek pun dilanyak oleh cucu-cucu kerana dilihat orang tua itu pun tak betul. Inikah keadilan? Inikah keamanan? Inikah negara maju, aman dan makmur?

Dalam Islam, sesuatu ketidakadilan itu hendaklah dihadapi dengan baik. Supaya kezaliman itu benar-benar dapat direntikan. Supaya ia berakhir dengan kebaikan. **Untuk itu, orang yang melaksanakannya mestilah seorang yang peribadinya diyakini. Kerana dia sendiri tidak terlibat dalam kes zalim dan tidak adil di sudut-sudut dan di aspek-aspek yang lain.**

Kalau orang yang zalim dan tidak adil mengatakan keinginan untuk hadapi orang-orang lain yang zalim, biasanya cara dia menghadapinya adalah dengan penzaliman juga. Orang ramai pun akan ketawakan sebab bagaikan tikus nak baiki labu atau ketam menyuruh anaknya berjalan betul. Awal-awal lagi keadaan ini akan ditolak kerana mustahil ia boleh berlaku adil.

Kalau seseorang mengata-ngata, menuduh-nuduh atau menengking-nengking seorang yang lain, maka sebaik-baiknya orang yang kena tengking itu jangan menengking balas. Sikap sabar dan tenang mendengar akan membuatkan suasana pulih kembali. Sedangkan tengking-menengking yang berlaku akan membawa akibat yang dahsyat pada negara dan rakyat. Apatah lagi orang yang terlibat adalah orang-orang penting dalam negara.

Ketegangan antara dua golongan, kalau tidak dapat diatasi ,dengan kebaikan-kebaikan yang diusahakan, bolehlah dihadapi dengan cara-cara berikut:

a. Mengirim surat berisi teguran dan nasihat yang baik

yang boleh menyedarkan dan menginsafkan. Atau menghantar nasihat dan panduan melalui media-media seperti buku, supaya semua pihak merasa dibantu dalam menyelesaikan masalah, bukan menambah masalah. Lebih-lebih jangan menghebah keburukan dan memalukan sebelum sebarang keputusan dibuat.

b. Diajak berunding di meja bundar, supaya saling bertukar-tukar fikiran, saling memahami, saling melihat kebenaran dan tunduk padanya, sekaligus memberhentikan penzaliman. Perlu diingat, rundingan ini hanya mungkin, kalau kedua-dua pihak masih berbaik sangka. Tetapi kalau masing-masing sudah memukul lawan bar-u diajak berunding, mana mungkin? Hukuman sudah dijatuhkan bar-u diajak bicara.

c. Bawa ke mahkamah untuk diadili. Agar yang bersalah dihukum. Lebih baik pihak berwajib dihukum daripada rakyat sendiri.

d. Sekiranya tidak juga selesai dengan usaha-usaha damai, sebaliknya satu pihak menyerang pihak yang lain, maka waktu itu Islam membenarkan perang. ALLAH berfirman

وَقَاتِلُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ الَّذِينَ يُقَاتِلُونَكُمْ وَلَا تَعْتَدُوا
إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُعْتَدِينَ

Dan perangilah di jalan Allah orang-orang yang memerangi kamu, (tetapi) junganlah kamu melampaui batas, kerana sesungguhnya ALLAH tidak menyukai orang-orang yang melampaui batas.

(Al Baqarah: 190)

Fir-man-Nya lagi:

وَلَا تُقَاتِلُوهُمْ عِندَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ حَتَّىٰ يُقَاتِلُوكُمْ فِيهِ فَإِن
قَاتَلُوكُمْ فَاقْتُلُوهُمْ كَذَٰلِكَ جَزَاءُ الْكَافِرِينَ

Jangan kamu membunuh mereka di perkarangan Masjidil Haram sehinggalah mereka membunuh kamu di dalamnya, maka jika mereka membunuh kamu bunuhlah mereka. Demikianlah balasan untuk orang yang kafr.

(Al Baqarah: 191)

Perang dibenarkan oleh Islam tetapi bukan kita yang mengundangnya. Yakni bila masa musuh yang mulakan, wajib kita bela atau pertahankan diri. Namun cara-cara berperang sama ada perang senjata atau perang saraf, itu pun tidak dibenarkan berlaku kejam dan emosional. Yakni tidak melampaui batas-batas keadilan. Iaitu tidak boleh tebang pokok-pokok yang sedang berbuah. Tidak boleh bunuh kaum wanita, orang-orang tua, kanak-kanak dan orang yang sedang beribadah. Tidak boleh musnahkan binatang temak. Air sungai tidak boleh diracun.

Dalam perang saraf, jangan sampai berbohong, tipu, rasuah dan membuka aib manusia kecuali orang itu jelas dan muktamad menjadi musuh Islam, tanpa takwil lagi. Atau dia telah terkeluar dari Islam secara soreh dan qat'i.

Begitu halus dan telitinya Islam dalam menangani sesuatu keadaan. Yang dengan itu, Islam mampu membawa keadilan dan kebahagiaan hakiki pada dunia. Cuma malangnya, umat Islam tidak ikut agama yang dianuti. Mereka tidak mengambil kaedah yang bijak ini dalam berhadapan dengan masalah mereka. Hal ini terjadi sejak empayar Islam jatuh di tangan Yahudi dan kristian, 700 tahun dulu lagi. Mereka meniru cara musuh untuk jatuhkan musuh. Ini tidak mungkin bawa kejayaan pada kita. Mereka ingin bebaskan diri dari Yahudi dan kristian dengan mengambil sosialisme, nasionalisme, kapitalisme dan lain-lain isme lagi. Yang isme-isme ini sama salah dan batilnya dengan Yahudi dan kristian.

Terjadilah penzaliman dilawan dengan penzaliman. Ketidakadilan dilawan dengan ketidakadilan. Rosak lawan rosak. Maka bukan kekuatan yang diperolehi tetapi nampaknya

hingga kini musuh tetap gagah dan umat Islam terus diperalatkan untuk kepentingan mereka itu. Di sisi musuh, umat Islam terus terhina dan menderita. Negara umat Islam tidak boleh hidup kalau tidak berpaut pada musuh-musuhnya.

Bahkan di dalam negara umat Islam, yang tidak ikut Islam itu, kelihatan akhlak mereka dalam bertindak lebih buruk dan lebih kejam daripada orang bukan Islam. Penzaliman sesama Islam lebih dahsyat daripada sesetengah orang bukan Islam. Sebab itu dalam sejarah hidup di dunia ini, keamanan itu sekejap saja, penzaliman lebih lama.

Inilah realiti dari kehidupan orang-orang Islam yang tidak pedulikan persoalan iman dan taqwa kepada ALLAH SWT. ALLAH biarkan dan lupakan mereka seperti mana mereka selalu biar dan lupakan ALLAH. Cita-cita mereka banyak yang gagal daripada yang berjaya. Hidup mereka lebih banyak susah daripada bahagia. Perjuangan mereka selalu kandas dan buntu

Maka saya berseru pada diri saya dan saudara-saudara umat Islam, untuk tafakkur mengingati dan mengakui dosa-dosa. Bahawa dosa-dosa itulah yang telah menjahanamkan kita di dunia sebelum dijahanamkan di Akhirat kelak dengan api Neraka. Pintu taubat masih terbuka. Peluang untuk menghidupkan Sunnah Rasulullah dan Khulafa'ur Rasyidin terbentang di hadapan mata. Inilah satu-satunya jalan keluar. Bukankah di tangan mereka dunia aman damai hingga orang bukan Islam pun menerimanya dengan baik?

BAB TIGA BELAS

Dua Kali Zalim

وَأَقْسَمُوا بِاللَّهِ جَهْدَ أَيْمَانِهِمْ لَئِن جَاءَهُمْ نَذِيرٌ لَّيَكُونُنَّ أَهْدَىٰ
مِنْ إِحْدَى الْأُمَمِ ۖ فَلَمَّا جَاءَهُمْ نَذِيرٌ مَّا زَادَهُمْ إِلَّا نُفُورًا ﴿٤٢﴾
اسْتِكْبَارًا فِي الْأَرْضِ وَمَكْرَ السَّيِّئِ ۚ وَلَا يَحِيقُ الْمَكْرُ السَّيِّئُ
إِلَّا بِأَهْلِهِ ۚ فَهَلْ يَنظُرُونَ إِلَّا سُنَّتَ الْأَوَّلِينَ ۚ

Dan mereka bersumpah dengan nama ALLAH dengan sekuat-kuat sumpah; sesungguhnya jika datang kepada mereka seorang pemberi peringatan, nescaya mereka akan lebih mendapat petunjuk dari umat-umat (yang lain). Tapi tatkala datang kepada mereka pemberi ingatan, tidak menambah kepada mereka, kecuali bertambah jauh dari (kebenaran).

Kerana kesombongan (mereka) di muka bumi dan kerana rencana (mereka) yang jahat, maka rencana yang jahat itu tidak menimpa sesiapa melainkan mereka sendiri. Tiadalah yang mereka nanti-nantikan melainkan (berlakunya). Sunnah (ALLAH yang telah berlaku) kepada orang-orang yang terdahulu.

(Faathir: 42-43)

KITA telah pun membahaskan keadilan menurut Islam itu yang begitu syumul, mencakup seluruh aspek hidup iaitu:

1. Keadilau pada diri sendiri.
2. Keadilan pada keluarga.

3. Keadilan pada masyarakat.
4. Keadilan dalam pemerintahan.
5. Keadilan dalam ekonomi.
6. Keadilan dalam pendidikan.
7. Keadilan dalam budaya dan dalam seluruh sistem sosial, kesihatan, perhubungan, politik, pertanian dan sebagainya.

Maka perlulah diingat bahawa sesiapa yang menolak konsep dan perlaksanaan hukum ALLAH itu, yakni kebenaran, jatuhlah ia kepada zalim. Ini zalim yang pertama. Terdapat banyak ayat-ayat Al Quran yang menjelaskan perihal zalim ini. Fit-man ALLAH:

تِلْكَ حُدُودُ ٱللَّهِ فَلَا تَعْتَدُوهَا ۚ وَمَن يَتَعَدَّ حُدُودَ ٱللَّهِ
فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلظَّٰلِمُونَ

Itulah hukum-hukum ALLAH, maka janganlah kamu melanggarnya. Barangsiapa yang melanggar hukum-hukum ALLAH mereka itulah orang-orang yang zalim.

(Al Baqarah: 229)

Firman ALLAH:

وَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنِ ٱفْتَرَىٰ عَلَى ٱللَّهِ كَذِبًا أَوْ كَذَّبَ بِـَٔايَٰتِهِۦٓ ۗ
إِنَّهُۥ لَا يُفْلِحُ ٱلظَّٰلِمُونَ

Dan siapakah yang lebih aniaya daripada orang-orang yang membuat-buat suatu kedustaan terhaa'ap ALLAH, atau mendustakan ayat-ayat-Nya? Sesungguhnya orang-orang yang aniaya itu tidak mendapat keberuntungan.

(Al An'am: **21)**

Firman ALLAH:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تَتَّخِذُوٓا۟ ءَابَآءَكُمْ وَإِخْوَٰنَكُمْ

أَوْلِيَآءَ إِنِ ٱسْتَحَبُّوا۟ ٱلْكُفْرَ عَلَى ٱلْإِيمَـٰنِ ۚ وَمَن يَتَوَلَّهُم
مِّنكُمْ فَأُو۟لَـٰٓئِكَ هُمُ ٱلظَّـٰلِمُونَ

*Wahai orang-orang yang beriman, janganlah **kumu** jadikan bapa-bapa dan saudara-saudaramu menjadi pemimpin jika mereka lebih mengutamakan kekafiran dari keimanan dan siapa di antara kamu yang menjadikan mereka pemimpin, maka mereka itulah orang-orang yang zalim.*

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا يَسْخَرْ قَوْمٌ مِّن قَوْمٍ عَسَىٰٓ أَن يَكُونُوا۟ خَيْرًا
مِّنْهُمْ وَلَا نِسَآءٌ مِّن نِّسَآءٍ عَسَىٰٓ أَن يَكُنَّ خَيْرًا مِّنْهُنَّ ۖ وَلَا تَلْمِزُوٓا۟
أَنفُسَكُمْ وَلَا تَنَابَزُوا۟ بِٱلْأَلْقَـٰبِ ۖ بِئْسَ ٱلِٱسْمُ ٱلْفُسُوقُ بَعْدَ
ٱلْإِيمَـٰنِ ۚ وَمَن لَّمْ يَتُبْ فَأُو۟لَـٰٓئِكَ هُمُ ٱلظَّـٰلِمُونَ

*Wahai orang-orang yang beriman, janganlah **suatu** kaum mengolok-olokkan kaum yang lain (kerana) boleh jadi mereka (yang diolok-olokkan) lebih baik dari mereka (yang mengolok-olokkan) dan jangan pula wanita-wanita (mengolokkan-olokkan) wanita-wanita lain (kerana) boleh jadi wanita-wanita (yang diperolok-olokkan) lebih baik daripada wanita (yang mengolok-olokkan) dan janganlah kamu mencela dirimu sendiri dan janganlah kamu panggil-memanggil dengan gelaran yang buruk. Seburuk-buruk panggilan ialah (panggilan) yang buruk sesudah iman dan barang siapa yang tidak bertaubat maka mereka itulah orang-orang yang zalim.*

(Al Hujurat: 11)

Firman ALLAH:

إِنَّمَا يَنْهَاكُمُ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ قَاتَلُوكُمْ فِي الدِّينِ وَأَخْرَجُوكُم مِّن
دِيَارِكُمْ وَظَاهَرُوا عَلَىٰ إِخْرَاجِكُمْ أَن تَوَلَّوْهُمْ ۚ وَمَن يَتَوَلَّهُمْ
فَأُولَٰئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ

Sesungguhnya ALLAH hanya melarang kamu berkawan dengan orang-orang yang memerangi kamu kerana agama dan mengusir kamu dari negerimu dan membantu (orang lain) untuk mengusirmu. Dan barang siapa menjadikan mereka sebagai kawan, maka mereka itulah orang-orang yang zalim.

(Al Mumtahanah: 9)

Ada juga orang Islam yang tidak terima konsep keadilan menurut Islam ini kerana jahil atau kerana memang tidak pemah belajar tentang Islam. Ini boleh tahan. Yang lebih zalim dari itu ialah orang Islam yang tahu tentang Islam, tetapi oleh kerana ada kepentingan diri atau tidak yakin dengan Islam itu sendiri walaupun dia tahu, lantas dia menolak sistern hidup Islam. Sebaliknya memilih sistem-sistem akal dengan isme-isme yang berbagai-bagai itu untuk diperjuangkan. Ini zalim yang kedua.

Zalim yang ketiga ialah orang-orang yang sesudah menolak kebenaran atau keadilan yang ada dalam Islam, kemudian mengambil ajaran lain untuk diperjuangkan, lalu menentang dan memusuhi pula orang-orang yang menegakkan keadilan menurut Islam itu. Dia kalau boleh mahu hancurkan dan membunuh perjuangan Islam yang tulen itu. Orang ini sungguh dahsyat kezalimannya. Tiga kali lebih hebat dari kezaliman biasa. Sudahlah menolak kemampuan Islam, tidak mengambilnya sebagai cara hidup dengan mengambil cara hidup yang lain, menentang pula dari ianya dijadikan cara hidup.

Orang itu benar-benar derhaka kepada ALLAH. Kalau nak

ditafsirkan kata-kata mereka itu, seolah-olah dia berkata pada ALLAH:

1. Saya tak nampak bijaknya ALLAH.

2. Saya tak yakin peraturan yang ALLAH buat boleh membawa keamanan, kemajuan dan kejayaan hidup. Sebab itu saya nak ambil peraturan-peraturan yang manusia (otak) buat, lebih meyakinkan dan lebih menyelamatkan.

3. Saya sangat benci dengan cara-cara yang ALLAH ajarkan. Sebab itu saya mesti menentangnya (ALLAH) dan menentang siapa saja yang mengamalkannya.

Biadab sekali si hamba ini. Sebab itu ALLAH panggil dia penzalim. Tepatlah kalau ALLAH mahu ajar dia dengan Neraka. Supaya Neraka berbicara padanya perihal kehambaan dirinya dan Maha Bijak dan Gagah Perkasanya Tuhannya.

Kedegilan dan kesombongan manusia berlaku zalim dengan ALLAH nampaknya sudah keterlaluan hari ini. Sebab itu sebelum ALLAH mematikan hamba-hamba-Nya untuk diperlihatkan dan dirasakan Neraka Akhirat, maka ‘neraka’ yang diciptakan sendiri oleh tangan-tangan penzalim itu, akan dirasakan lebih dahulu kepada mereka.

BAB EMPAT BELAS

Surat Pandangan Kepada Penguasa di Malaysia

(YANG SEDANG TERUJI DENGAN MASALAH MASING-MASING)

Tuan-tuan penguasa di bumi ALLAH Malaysia, yang dihormati!

Mengapa sampai begini jadinya negara kita di dalam tangan tuan-tuan sekalian? Sudahlah masalah-masalah rakyat banyak yang tidak selesai, kini tuan-tuan berkrisis sesama sendiri pula. Apa ertinya pembangunan dan kejayaan yang dicapai itu sedangkan hati tuan-tuan terlihat begitu kusut sekali. Kami melihat dan merasa seolah-olah hidup dalam istana yang cantik mewah tetapi perpaduan hancur, kasih sayang tak ada tempat dalam hati dan kata-mengata jadi budaya.

Cuba gambarkan pula betapa hati rakyat juga turut hancur melihat gelagat pemimpin-pemimpin mereka bergaduh semasa sendiri. Macam anak-anak yang melihat ibu bapanya bergaduh dalam sebuah rumahtangga, tentulah anak-anak itu turut menderita. Di dalam kekusutan rumahtangga itu, masakan tidak ada usaha dan jalan untuk menyelesaikannya dengan cara yang baik atau paling berhikmah serta memuaskan hati semua pihak. Apatah lagi dalam sebuah negara seperti Malaysia, masakan tidak ada usaha dan jalan-jalan keluar untuk mengatasi masalah ini dan lain-lain masalah yang berlaku.

Oleh itu saya sebagai salah seorang warganegara Malaysia, negara yang kita cintai bersama, tentu juga turut berhajat sekali untuk mengatasi dan menyelesaikannya. Untuk itu, saya beri beberapa pandangan atau pendapat sebagai anak terha-

dap ibu bapa dan abang-abang dalam sebuah keluarga besar ini:

1. Ketahuilah bahawa rakyat mahukan pemimpin yang adil. Adil pada dir-i, pada keluarga, pada rakyat dan paling **utama** adil pada ALLAH SWT. Rakyat sukakan pemimpin yang bertaqwa pada ALLAH, peribadinya peribadi contoh, keluarganya bayangan masyarakat adil, rakyatnya diberi dunia Akhirat dengan melebih dan mengutamakan Akhirat.

2. Rakyat tidak suka pemimpin yang tidak adil atau zalim sama ada zalim pada rakyat, tidak adil dalam ekonomi, politik, pendidikan, sosial dan lain-lain lagi. Juga zalim pada keluarga, zalim pada diri sendiri dan bergaduh sesama sendiri. Lebih-lebih lagi pemimpin yang menzalimi ALLAH SWT.

3. Rakyat pun tidak suka pemimpin-pemimpin yang mengusahakan keadilan untuk rakyat dalam beberapa aspek sahaja. Tetapi dalam masa yang sama membiarkan saja kezaliman di aspek-aspek yang lain berleluasa dalam negara. Menjadikan golongan-golongan lain pula teraniaya.

4. Rakyat juga tidak suka kepada pemimpin yang nampaknya bila ada penzaliman dalam negara, ia beria-ia mahu mengatasi supaya tertegak keadilan, tetapi bila melibatkan peribadinya sendiri, pengikut-pengikutnya dan anak isterinya, dia tidak berlaku adil mengikut ukuran syariat Islam. Hingga mereka tidak menjadi contoh pada rakyat.

5. Rakyat juga tidak suka pada pemimpin-pemimpin yang menghukum rakyat yang bukan kliknya bila orang itu menzalim, tetapi kalau yang menzalim itu orang-orangnya dan pengikut-pengikutnya sendiri, mereka tidak diadili. Kecuali secara terpaksa, kerana tidak dapat dielakkan lagi. Bukan kerana menegakkan keadilan.

6. Rakyat tidak suka pemimpin-pemimpin yang mahu menghukum seseorang hanya sesudah pesalah itu menyusah-

kan diri dan orang-orang serta pengikut-pengikutnya. Selagi kepentingan dir-i-diri mereka itu tidak terjejas, kesalahan sebesar mana pun dibiarkan saja. Kecuali atas desakan orang ramai, barulah bertindak.

7. Rakyat tidak suka bila melihat pemimpin-pemimpinnya itu menghukum walaupun adil tetapi bukan kerana kebenaran. Sebaliknya kerana dendam atau ingin hendak menjatuhkan sesetengah golongan, kerana kepentingan peribadi dan lain-lain niat yang tidak suci.

8. Rakyat tidak suka pemimpin-pemimpin yang hanya nampak salah orang lain tetapi salah dirinya yang kadang-kadang lebih besar lagi dilupa atau disembunyikan. Seolah-olah pemerintah tidak bersalah. Sedangkan pemerintah itu manusia biasa juga. Bila-bila masa boleh melakukan kesalahan-kesalahan seperti rakyatnya juga.

9. Rakyat di waktu kini amat menderita bila melihat pemimpin-pemimpinnya orang yang tidak serius dengan ALLAH dan Islam. Sedangkan kini zaman kebangkitan Islam. Rakyat sudah mahu kepada Islam.

10. Rakyat tidak suka pemimpin-pemimpin yang bertemu rakyat cuma di majlis-majlis rasmi sahaja. Tetapi tidak suka bergaul dengan masyarakat di majlis-majlis tidak rasmi.

11. Rakyat tidak suka pemimpin-pemimpin yang tidak boleh ditegur sedangkan rakyat selalu saja ditegur.

12. Rakyat tidak suka pemimpin-pemimpin bila hendak menghukum golongan lain atau seseorang yang lain, untuk dapat perhatian umum umat Islam, dijual nama Islam. Tetapi di sudut-sudut lain, Islam tidak diambil kira.

13. Rakyat tidak suka, kalau berlaku krisis antara dua golongan, satu pihak sahaja yang dapat tempat di media massa, sedangkan pihak yang satu lagi tidak diberi peluang, hingga mereka tidak dapat mempertahankan diri dan menjelas-

kan kedudukan yang sebenamya. Sesuai dengan hak asas manusia.

14. Rakyat tidak suka pemimpin-pemimpin yang bila rakyat bersalah, mereka terus digertak-gertak dan diugut-ugut. Sepatutnya lebih dahulu mereka dididik dan dinasihat dengan penuh kasih sayang.

15. Rakyat tidak suka pemimpin-pemimpin yang kaya-raya dan bermewah-mewah yang tidak sepadan dengan gajinya. Kecuali memang pemimpin itu sudah kaya sebelum dilantik jadi pemimpin. Kerana rakyat sentiasa tertanya-tanya dari mana duit itu diperolehi, yang dengan itu memungkinkan rakyat hilang keyakinan pada pemimpin mereka.

Kalaulah hal-hal di atas ini dapat diatasi dan diperbetulkan dengan penuh ikhlas, tidak akan timbullah masalah-masalah besar dalam sebuah negara seperti yang sedang kita hadapi sekarang ini.

Tuan-tuan sekalian yang dikasihi lagi dihormati!

Sesudah bersumpah dengan nama ALLAH ketika menerima amanah kepimpinan ini, maka atas segala kelalaian yang ALLAH sangat murkai itu, kini ALLAH beri peringatan supaya kita semua membaikinya. Moga-moga dengan itu ALLAH memberi kita hidayah dan pimpinan. Maka dengan itu barulah lahir negara Malaysia yang aman damai dan harmoni. Sekiranya tidak juga kita bertaubat, tentu rakyat akan berdoa dan berusaha supaya ALLAH gantikan pemimpin-pemimpin Malaysia dengan pemimpin-pemimpin yang lebih baik lagi.

Moga-moga pandangan dan pendapat ini dapat diterima baik oleh pejuang-pejuang demokrasi sesuai dengan sebuah negara yang telah merdeka. Lebih-lebih lagi ia sesuai dengan kehendak-kehendak Islam. Sebab Islam mewajibkan umatnya saling nasihat-menasihati. Dan demokrasi juga memberi kebebasan begini. Moga-moga ALLAH yang akan membuat

keputusan ini serta memberi hidayah dan taufiq kepada kita semua.

Sekian dari saya yang dhaif.

Wassalam.

Ashaari Muhammad

Penutup

تِلْكَ حُدُودُ ٱللَّهِۚ وَمَن يُطِعِ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ
يُدْخِلْهُ جَنَّٰتٍ تَجْرِى مِن تَحْتِهَا ٱلْأَنْهَٰرُ
خَٰلِدِينَ فِيهَاۚ وَذَٰلِكَ ٱلْفَوْزُ ٱلْعَظِيمُ

Demikian hukum-hukum Allah. Barang siapa taat kepada ALLAH dan Rasul-Nya, nescaya ALLAH memasukkannya ke dalam Syurga yang mengalir di dalamnya sungai-sungai, sedang mereka kekal di dalamnya. Dan itulah kemenangan yang besar.

(An Nisa': 13)

MEMPERKATAKAN keadilan sebagai satu keadaan yang diinginkan oleh setiap orang tidak boleh dilihat dalam satu-satu sudut sahaja; misalnya keadilan dalam menjatuhkan hukum, kerana ia merupakan dalam skop yang sempit. Nanti terjadi, keadilan itu tidak menyeluruh dalam kehidupan dan hanya segelintir yang mengecapinya. Sedangkan ramai lagi yang merasa berada dalam ketidakadilan dan penzaliman.

Penzaliman juga bukan berlaku dalam satu-satu keadaan atau di dalam satu aspek sahaja tetapi menyeluruh. Bila tanpa keadilan yang menyeluruh, maka penzalimanlah yang berlaku dalam semua aspek kehidupan. Sebab itu di saat-saat orang bercakap tentang keadilan sebagai tema perjuangan masing-masing, saya turut mencelah untuk member-i satu tafsiran

tentang konsep keadilan dan ketidakadilan menurut Islam.

Saya melihat keadilan yang syumul mesti dijadikan cita-cita perjuangan kita umat Islam. Supaya keadilan yang tercetus nanti adalah untuk semua pihak dan golongan dan di dalam semua keadaan. Supaya sesudah itu tidak bangun pula satu pihak lain yang masih terasa terzalim untuk menuntut keadilan.

Islam menggariskan satu pengertian dan bentuk-bentuk perlaksanaan keadilan yang begitu syumul, menyeluruh dengan setiap individu terasa dilayan sesuai dengan peranan, kepentingan dan keperluan hidup matinya.

Rasanya tidak ada satu ideologi atau isme yang diperjuangkan oleh manusia, yang mampu melukiskan potret keadilan yang begini bijak dan indah. Keadilan yang dirujuk kepada akal, lebih-lebih lagi pada nafsu, hanya mampu memenuhi kehendak-kehendak keadilan serpihan dengan menindas dan menzalim. Sedangkan Islam upaya menjangkau keluasan daerah kehidupan sejagat untuk setiap pihak dilibatkan dalam mencapai matlamat keadilan ini. Bahkan orang-orang bukan Islam pun terasa diadili oleh Islam. Mereka bahagia bemaung di bawahnya.

Sebab itu Islam yang pemah cemerlang dan gilang-gemilang itu kini mampu bangun lagi menjemihkan wajah dunia untuk kali keduanya, insya-ALLAH. Sedangkan ajaran-ajaran lainnya tidak upaya hidup lagi, sesudah kematiannya yang pertama. Di waktu Islam sedang bangkit, kini isme-isme itu sedang menurun menuju kehancurannya.

Kerana, sesudah ideologi-ideologi itu merosakkan dunia dengan segala ketidakadilan (memang sejarah tidak mencatatkan adanya ideologi-ideologi dan apa-apa ajaran selain Islam yang mampu menegakkan keadilan secara syumul yang penuh gilang-gemilang), kemudian buntu pula untuk menyelesaikannya, lalu kelihatan Islam mampu menjawabnya. Islam temyata pemah menyelesaikan masalah yang lebih kusut dari ini. Yang kemudiannya membawa keadilan sejagat. Maka kini terhadap masalah ini tentu mudah saja untuk Islam mengung-

kai kekusutan dan meluruskannya kembali buat kali kedua kalau diberi peluang.

Tetapi Islam yang mana? Sudah terlalu banyak Islam tampil ke dunia hari ini dengan wajah-wajah yang berbeza-beza. Katanya Islam tapi disadur dengan semangat nasionalisme yang kelihatan begitu buruk dan dhaif sekali atau bersifat politik yang kotor. Mana Islam yang dimaksudkan?

Rasulullah menjawab pertanyaan ini dengan sabdanya:

لاَ تَزَالُ طَائِفَةٌ مِنْ أُمَّتِيْ ظَاهِرِيْنَ عَلَى الْحَقِّ لاَ يَضُرُّهُمْ مَنْ خَالَفَهُمْ حَتَّى يَأْتِيَ أَمْرُ اللهِ

Akan sentiasa ada satu thoifah dari kalangan umatku yang dapat menzahirkan kebenaran dan mereka tidak dapat dirosakkan oleh orang-orang yang menentangnya sehinggalah datang perintah ALLAH.

Islam yang sebenar itu boleh dilihat pada kemampuannya menzahirkan syariat dan syiamya dengan begitu praktikal sekali di dalam individu dan jemaahnya. Dia seolah-olah batu karang yang dapat mengangkat dirinya di permukaan laut. Kapal sebesar mana pun kalau melanggarnya, kapal yang pecab, bukan dia. Bahkan batu karang itu bukan saja tak terjejas tetapi makin membesar selepas perlanggaran tersebut.

Itulah dia Islam yang maha agung, maha gagah, sungguh hebat dan indah, kerana ia pilihan ALLAH Yang Maha Agung, Maha Perkasa dan Maha Segala-gala Kehebatan. Islam yang ilmunya paling cerdik jauh lebih cerdik dari cerdik pandai sezaman. Islam yang strateginya tidak dapat dikesan musuh, bahkan musuh tertipu dibuatnya. Kalau para pejuang dapat dipermainkan oleh musuhnya, itu membuktikan telah ternafi sifat taqwanya.

Islam yang perjuangannya sejagat, diterima dan dipakai di mana-mana negara dan pada apa-apa bangsa jua pun. Islam yang perbuatan musuhnya bukan saja tidak merosakkannya bahkan musuhnya itu turut menjadi baja dan ejen untuk me-

nyuburkan perjuangannya. Carilah kalau-kalau sudah ada Islam yang begini rupanya. Kalau ada, maka ketahuilah bahawa ALLAH sudah turun tangan untuk memberitahu hamba-hamba-Nya bahawa:

1. Bumi ALLAH ini hanya ALLAH juga yang mesti menanganinya. Kalau dibiarkan pada manusia saja, makin lama masalah makin banyak narnpaknya.

2. Manusia ciptaan ALLAH ini, ALLAH saja yang boleh menghadapinya. Katalog tentang manusia, ALLAH yang membuat dan menyimpannya.

3. Ilmu akal ini tidak cukup untuk menguruskan manusia. Sebab akal itu sebahagian daripada manusia itu sendiri. Ia sendiri diciptakan. Apalagi dengan nafsu yang amat jahat itu. Sekali-kali tidak dapat dijadikan tempat rujuk. Mana boleh merujuk kepada orang jahat?

Orang sakit biasanya tidak merujuk pada dirinya sendiri. Ada orang lain yang mengubatinya. Masalah-masalah manusia, masalah akal mesti diatasi oleh ilmu dari langit iaitu ilmu wahyu, ilham, ladunni, yakni ilmu hati. Akal hanya mampu mentafsirkannya saja. Akal tidak mampu mengeluarkan formula atau matannya. Atau akal bukan lombong tetapi ia cuma ejen pengisar isi lombong sahaja.

4. Yang kaya, pemberi rezeki dan sumber kewangan se-. benarnya ialah ALLAH. Sebab itu orang-orang ALLAH, hidupnya tidak bergantung pada mana-mana skim gaji tetapi mendapat langsung dari ALLAH.

Terhadap keadaan inilah kita hamba-hamba perlu menyerah diri. Supaya sistem hidup itu diawali dengan erti dan perlaksanaan adil yang tepat. Pokok dan buah adil adalah terbit dari benih adil. Tetapi kalau benih yang kita semai tidak adil, kenapa terkejut bila ia berbuahkan tidak adil? Kecualilah kalau kita tersilap menilai, yang tidak adil itu dikatakan adil. Hal ini lebih merbahaya lagi.

Kalau begini kembalilah ke pangkal, untuk sekali lagi menyemai satu benih yang tepat iaitu adil. Moga-moga kesediaan untuk menyusahkan diri kerana itu, mendapat ganjaran yang besar dari ALLAH dan mendapat hasil yang lumayan. Iaitu menghasilkan sebuah pemerintahan yang berwibawa.

Amin ya ALLAH! Sekian, hingga kita bertemu lagi dalam buku saya yang berikut, *MENINJAU SISTEM PEMERINTAHAN* ISLAM, insya-ALLAH.

Indeks

SYEIKHUL ARQAM melihat bahawa dilema umat Islam di dunia kini dan krisis terkini di Malaysia antara para penguasanya adalah berpunca dari salah faham atau buat-buat tak faham tentang erti keadilan. Mereka dalam dilema tentang konsep-konsep hidup yang mendasar dan terpenting.


Mereka gagal dalam perjuangan menegakkan keadilan kerana walaupun niat mereka mungkin suci tetapi erti perjuangan itu tidak ditafsirkan dengan tepat atau secara adil. Apalagilah kalau maksud perjuangan itu dicampuradukk dengan nafsu-nafsu tamak, sombong, cinta dunia dan lain-lain lagi. Tentu kesannya menakutkan bahkan memalukan.

Ini sekaligus meletakkan keintelektualan ilmu para intelek kita, yang mengaku intelek, dalam keadaan diuji dan teruji. Mengapa kegawatan yang dahsyat ini tidak mampu dijawab oleh dunia intelektual kini? Apakah tidak sensitif terhadap bahaya besar di depan mata?

Ustaz Ashaari Muhammad, walaupun tidak pernah mengaku intelek, tampil dengan buku kecil ini untuk menyelamatkan Malaysia daripada bahaya yang bakal menimpanya. Harapan beliau, moga-moga umat Islam faham punca dan jalan penyelesaian pada masalah yang mereka hadapi, sekiranya mereka sudi membaca kiriman ini:

Keadilan Menurut Islam


ISBN 983-810-002-1
9 789838 100021



Malaysia	RM10.00
Singapura	S$10.00
Brunei	B$10.00
Indonesia	Rp 8000
Thailand	100 Baht